

DN.8.8.96

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 8hb. Ogos, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan

Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan, dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.

2.36 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan pembacaan ini, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada kita akan menggunakan cara yang singkat seperti semalam ataupun bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Seperti semalamlah.

Tuan Douglas Uggah Embas: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 bagi membuat peruntukan dan membolehkannya membuat peraturan-peraturan tatatertib dibaca kali yang kedua sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN
WILAYAH PULAU PINANG (PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.

2.40 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dibaca kali yang kedua sekarang.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (PINDAAN)
1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.44 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972

bagi membuat peruntukan dan membolehkannya membuat peraturan-peraturan tatatertib dibaca kali kedua sekarang.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGKA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.46 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jenka 1983 bagi membuat peruntukan untuk membolehkannya membuat peraturan-peraturan tatatertib dibaca kali kedua sekarang.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: *[Bangun]*

Datuk Tan Chai Ho: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak menyokong pun nampak bertanding juga. *[Ketawa]*

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada. Sila Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

2.47 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bila sebut Jengka, saya daripada Pahang hendak menyokong kuat-kuat sedikit.....

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:.....tentang Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 ini, dan kita mengharapkan dengan adanya tatacara dari segi tatatertib yang terkandung dalam rang undang-undang ini, kita mengharapkan pegawai-pegawai lebih bermotivasi untuk berusaha menjalankan tugas-tugas yang lebih proaktif untuk membangunkan wilayah-wilayah pembangunan seperti yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Saya rasa sudah sampai masanya lembaga-lembaga ini memikirkan cara baru untuk membangunkan satu-satu wilayah, kerana kita berdepan dengan pembangunan ekonomi yang amat pesat. Kita tidak hanya bergantung kepada sumber-sumber pembangunan pertanian, tetapi kita lebih mementingkan dari segi sumber-sumber yang melipatgandakan produktiviti dari segi pembuatan dan sebagainya. Jadi, Jengka merupakan satu wilayah di tengah-tengah negeri Pahang Darul Makmur yang amat besar negerinya, terbesar sekali di Semenanjung ini, dan ia mempunyai kawasan-kawasan pedalaman yang amat pesat dibangun dari segi Felda, Felcra dan sebagainya.

Tetapi kita perhatikan kebanyakan wang yang mengalir daripada pusat pembangunan pertanian, seperti yang diusahakan oleh Felda dan Felcra mengalir keluar kawasan, keluar daripada wilayah pembangunan, Wilayah Jengka dan sebagainya. Jadi, kita mengharapkan apabila wujudnya lembaga pembangunan seperti Jengka, sebelum ianya ditutup di merata-rata, saya dengar lembaga-

lembaga ini mungkin akan ditutup. Jadi, sebelum ianya ditutup, berusaha meningkatkan sumber ekonomi secara komersil bagi menampung pengaliran kewangan yang banyak. Apabila harga kelapa sawit meningkat, saya perhatikan peneroka-peneroka Felda, misalnya di Jengka 1 sampai Jengka 23 di kawasan-kawasan sekitar kawasan wilayah pembangunan Jengka ini bukan main banyak mengalir terus keluar kawasan Wilayah Jengka. Kadang-kadang ianya mengalir sampai ke Maran, sampai ke merata-rata tempat.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang mengalir itu, Dato' Aziz?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Dari segi wang tunai (cash). Jadi, ianya tidak dapat menampung, seolah-olah Wilayah Jengka tidak dapat menampung keperluan basic yang diperlukan oleh peneroka-peneroka Felda. Jadi, kalau sekiranya dibangunkan kawasan-kawasan komersil yang lebih rapi lagi untuk menampung setiap bidang keperluan peneroka-peneroka, saya percaya wang ringgit yang dapat mereka terima daripada penjualan kelapa sawit ini dapat terus dikaut oleh pembangunan wilayah itu sendiri, dan tidak ianya mempunyai, dengan izin, multiply effect, ke tempat-tempat lain.

Jadi, kalau sekiranya pegawai-pegawai diberikan pendekatan semacam ini, saya yakin dan percaya Jengka dengan tanahnya yang luas lagi masih belum membangun dapat dibangunkan dengan lebih pesat.

Terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya lebuh raya baru, saya difahamkan lebuh raya ini antara Karak Highway dan lepas itu daripada Karak ke Kuantan, mungkin akan menembusi kawasan pembangunan ini dan kalau ianya menembusi kawasan pembangunan ini, dengan adanya exit point, dengan izin, keluar ke pusat Jengka, keluar ke Maran, ianya tentu sahaja akan lebih mendekatkan lagi Wilayah Pembangunan Jengka dengan Kuala Lumpur dan Kuantan. Kalau kini ianya mengambil masa satu jam setengah, dua jam atau tiga jam, maka dengan wujudnya lebuh raya, ianya semakin dekat. Jadi, dengan semua infrastruktur yang kita buat ini tetapi kalau Wilayah Jengka tidak dapat digerakkan dengan secepat mungkin, kita agak ketinggalan seperti tertinggalnya satu kawasan yang dipinggirkan oleh pembangunan dan di kawasan Jengka ini kalau sekiranya tidak dibangunkan, kita nampak banyak kedai-kedai yang tidak teratur dibangunkan tanpa izin iaitu kedai-kedai setingga, rumah-rumah setingga dan sebagainya.

Jadi, kita mintalah dengan wujudnya disiplin yang kuat ini, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka akan dapat lebih proaktif lagi dari segi menyahut seruan pembangunan negara. Kita juga mengharapkan pihak kerajaan meneliti benar-benar sebelum ada ura-ura hendak menutup Dara, hendak menutup lembaga-lembaga lain ini supaya berhati-hati benar untuk mengkaji semula peranan badan-badan ini. Kalau Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara atau Keda atau Kesedar, kita perhatikan fungsi dulunya mungkin tidak ada lagi tetapi kalau dapat dialihkan dengan fungsi baru, fungsi dari segi hendak meningkatkan perindustrian luar bandar misalnya, bukan lagi fungsi pertanian, jadi ini mungkin dapat ditekankan pergerakan kita ke arah meningkatkan lembaga-lembaga ini yang lebih lagi mantap dari segi perkiraan ke arah mengejar wawasan 2020.

Kita juga hendak menentukan supaya anak-anak di wilayah pembangunan ini tidak berhijrah ke kawasan-kawasan bandar di mana mereka tertarik dengan pembangunan industri yang amat pesat kalau sekiranya industri itu sendiri dapat dibawa ke peringkat kawasan luar bandar. Dan lembaga-lembaga ini mestilah bertanggungjawab bagi memastikan supaya kerenah kegiatan-kegiatan yang tidak diingini oleh belia-belia di kawasan luar bandar yang kini saya perhatikan kadang-kadang lebih teruk daripada karenah kegiatan-kegiatan belia di dalam bandar dapat kita banteras semuanya ini kalau mereka dapat menggunakan masa yang baik dari segi melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi yang berasaskan pembuatan, perkhidmatan dan sebagainya.

Jadi, Lembaga Kemajuan Pembangunan Wilayah termasuk Jengka dan mana-mana sahaja mesti mendapat peranan baru, peranan yang selaras dengan apa yang dikehendaki oleh kita sekarang ini, oleh pemimpin-pemimpin kita, untuk mengejar Wawasan 2020 menekankan industri yang berasaskan teknologi yang, kalau tidak tinggi, yang agak tinggi sedikit daripada apa yang ada sekarang ini. Bukan sahaja setakat kraftangan sahaja, lebih canggih daripada itu. Jadi, fikirkanlah baik-baik supaya mereka ini dapat mencanangkan tenaga dan pemikiran ke arah penglibatan mereka di dalam bidang ekonomi yang lebih canggih. Jadi, saya menyokong rang undang-undang untuk menguatkan disiplin saudara-saudara kita di lembaga-lembaga ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pihak menteri, sila menjawab.

2.57 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, rupanya 'our trust' telah dicabuli.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Kerana pihak yang mencabul itu tidak ada di sini semalam.

[Ketawa]

Tuan Douglas Uggah Embas: Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang telah memberi pandangan tentang rang undang-undang yang saya bentangkan, yang begitu singkat tadi, atas persetujuan semua dan saya juga akan meningkatkan jawapan oleh kerana banyak lagi bill kita hendak bincang pada petang ini. Kalau tidak jawab pun, Yang Berhormat nanti tidak senang hati juga.

Perkara pertama mengenai pengaliran wang. Saya pun lama cuba hendak cari apa sebenarnya maksud Yang Berhormat. Akhirnya selepas Tuan Yang di-Pertua tanya dia, mungkin saya faham sedikit kerana dia ada sebut multiply effect. Memang tujuan kita untuk mengadakan satu Lembaga Kemajuan Wilayah adalah untuk membangunkan sesuatu kawasan dalam wilayah itu. Tujuan kita adalah untuk membangun kawasan itu sama ada pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan sebagainya. Maka, berjuta-juta ringgitlah dilaburkan oleh kerajaan di dalam kawasan tersebut. Tetapi kita tidak dapat mengelakkan bahawa perbelanjaan pengaliran wang itu kepada tempat-tempat yang berdekatan. Mungkin itu satu tujuan sebagai untuk membentuk satu kawasan wilayah 'interland', dengan izin, yang lebih giat dengan kegiatan ekonomi untuk membantu kemajuan di kawasan berdekatan.

Yang kedua, isu yang telah saya jawab kelmarin ialah mengenai ura-ura hendak menutup Lembaga Kemajuan Wilayah. Memang kerajaan sekarang beberapa bulan yang lepas telah mengkaji dan melihat kedudukan dan peranan Lembaga Kemajuan Wilayah ini. Persoalannya adalah sama ada Lembaga Kemajuan Wilayah yang ada di negara kita ini masih relevan atau tidak dalam bentuk pembangunan yang kita ada ke arah Wawasan 2020. Yang kedua, sama ada peranan-peranannya tidak bertindih dengan peranan-peranan yang dimainkan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Ketiga, sama ada tujuan pembentukannya telah selesai atau tidak. Jadi, bukan semua LKW akan ditutup, ada juga mungkin masih dikekalkan oleh kerana kerajaan memandangkan bahawa beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah mungkin peranannya masih diperlukan oleh wilayah tersebut.

Walaupun bagaimanapun, walaupun apa-apa perubahan dibuat, ianya memang mengambil kira keperluan pembangunan di kawasan tersebut dan kita mengambil kira juga arah pembangunan yang kita akan buat ke arah Wawasan 2020 termasuk untuk mewujudkan industri luar bandar yang lebih canggih, yang lebih produktif, lebih berkesan, lebih dapat bangun sama-sama dengan kawasan ekonomi lain di seluruh negara.

Jadi, saya ingin memberi penjelasan di sini bahawa apa-apa tindakan yang diambil oleh kerajaan nanti, ianya tidak akan membiarkan kebajikan rakyat luar bandar tidak terbela. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian di Malaysia dan

perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, reka bentuk perindustrian merupakan salah satu cabang harta intelek. Reka bentuk perindustrian adalah ciri bentuk, tata rajah, corak atau hiasan yang dapat dilihat dan dinilai dengan pandangan mata. Taksiran reka bentuk perindustrian terdapat di fasal 3, rang undang-undang ini. Pada masa ini reka bentuk perindustrian di Malaysia dilindungi di bawah undang-undang berikut:-

- (i) United Kingdom Designs (Protection) Act 1949 bagi Semenanjung Malaysia;
- (ii) United Kingdom Designs (Protection) Ordinance (Chapter 152) bagi Sabah; dan
- (iii) Designs (United Kingdom), Ordinance (Chapter 59) bagi Sarawak.

Ketiga-tiga undang-undang di atas memberi perlindungan kepada reka bentuk perindustrian yang didaftar di United Kingdom di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di negara itu dan tuan punya reka bentuk perindustrian itu diberi hak dan keistimewaan yang sama seolah-olah pengeluaran sijil pendaftaran di United Kingdom itu dipanjangkan di Malaysia.

Rang undang-undang yang dicadangkan telah dikaji dan dibincangkan oleh sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai oleh wakil daripada agensi-agensi sektor kerajaan dan sektor swasta seperti Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), Kesatuan Reka Cipta dan Reka Bentuk Malaysia (MINTS) dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) serta institusi-institusi pengajian tinggi.

Tindakan untuk mewujudkan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan sistem pendaftaran reka bentuk perindustrian bertujuan melengkapkan sistem perundangan harta intelek yang ada, menyahut permintaan daripada pihak swasta dan memenuhi tanggungjawab perjanjian Trade Related Express of Intellectual Property Rights (TRIPS) yang telah ditandatangani oleh Malaysia.

Mewujudkan sistem pendaftaran reka bentuk di negara ini juga akan membawa faedah. Masalah kesukaran mendaftar di United Kingdom dari segi kos dan masa dapat diatasi dan dengan itu permohonan tempatan dan pembangunan bidang reka bentuk perindustrian di negara ini dapat digalakkan. Ekoran daripada itu, akan wujud satu bidang profesion yang akan menampakkan peluang-peluang pekerjaan, lebih penting lagi pembangunan bidang reka bentuk perindustrian di tahap yang tinggi dapat memajukan perindustrian, perdagangan domestik dan antarabangsa dan seterusnya ekonomi negara. Ini adalah kerana reka bentuk perindustrian menentukan

keboleh pasaran dan kualiti sesuatu barangan dan taraf persaingannya. Reka bentuk perindustrian sama ada dari dalam ataupun luar negeri yang didaftar dijamin perlindungannya di bawah undang-undang ini bersama-sama dengan Akta Paten 1983, Akta Reka Bentuk Perindustrian yang dicadangkan akan menggalakkan pemindahan teknologi yang turut menyumbang kepada kemajuan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian 1996 yang dicadangkan secara keseluruhannya mempunyai 50 fasal dan dibahagi kepada 9 bahagian berikut:-

- (i) Bahagian I mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Permulaan. Bahagian ini mempunyai 3 fasal mengenai tajuk ringkas, takat pemakaian dan tafsiran;
- (ii) Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Pentadbiran. Bahagian ini mempunyai 6 fasal;
- (iii) Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian dan mempunyai 15 fasal;
- (iv) Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Tempoh Pendaftaran dan bahagian ini mempunyai 4 fasal;

- (v) Bahagian V mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Hak Pemunya, Penyerahakan dan Perpindahan dan mempunyai 3 fasal;
- (vi) Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Pelanggaran. Bahagian ini mempunyai 4 fasal;
- (vii) Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Kesalahan-kesalahan. Bahagian ini mempunyai 4 fasal;
- (viii) Bahagian VIII mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan kuasa-kuasa Lain Pendaftar. Bahagian ini mempunyai 4 fasal; dan
- (ix) Bahagian IX mengandungi peruntukan-peruntukan Pelbagai. Bahagian yang mengandungi 7 fasal ini menetapkan penyerahan permohonan atau dokumen melalui pos dibenarkan.

Ejen yang diberi kuasa oleh seseorang dengan cara yang ditetapkan boleh mewakili orang yang melantiknya dalam urusan pendaftaran reka bentuk perindustrian dan orang yang telah disabit kesalahan

jenayah atau dipotong daripada senarai nama pertubuhan profesional tidak boleh menjadi ejen.

Orang yang terkilan kerana keputusan atau perintah pendaftar dibenarkan membuat rayuan kepada mahkamah.

Juga ditetapkan Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkaitan dan mengisytiharkan negara-negara konvensyen melalui perintah yang diwartakan.

Dengan kuatkuasanya akta ini, undang-undang yang berkuatkuasa sekarang akan mansuh dan tempoh masa peralihan untuk permohonan-permohonan yang dibuat di United Kingdom, dipohonkan di bawah akta ini adalah 12 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 akan melengkapkan lagi sistem perundangan dalam bidang harta intelek dan adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan Konvensyen Paris dan Perjanjian TRIPS yang ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk

mengadakan peruntukan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Puan Kamilia.

3.12 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah berjaya menggubalkan rang undang-undang yang semestinya sangat sesuai dan perlu terpakai dalam era kita menuju kepada tahap perindustrian yang lebih tinggi.

Kita tahu dalam aktiviti-aktiviti perindustrian, pastinya reka bentuk perindustrian adalah merupakan salah satu daripada perkara yang akan menjadi perkara penting. Mereka yang mereka bentuk perindustrian perlulah dijaga hak mereka dan perlu juga diberi tanggungjawab dan seterusnya diberi perlindungan di bawah undang-undang.

Dua perkara yang ingin saya kemukakan dalam perbahasan ini ialah memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang sangat khusus kerana reka bentuk perindustrian adalah satu perkara yang bukan sahaja khusus, tetapi juga baru bagi Malaysia.

Kita memerlukan persiapan yang lengkap dan cukup untuk memastikan bahawa undang-undang yang digubal ini dapat dikuatkuasakan, kerana

sepertimana selalu kita ingatkan bahawa jikalau undang-undang itu digubal, maka tidak akan menjadi bermakna jika ianya tidak dapat dikuatkuasakan. Dalam konteks ini apa yang saya ingin hujahkan ialah dua perkara, iaitu tentang pemakaian undang-undang ini dan seterusnya penguatkuasaannya. Untuk kedua-dua perkara ini perlu ada kepakaran dan kemahiran, bukan sahaja kepakaran tentang perkara reka bentuk perindustrian itu sendiri, tetapi kemahiran dari segi undang-undang yang akan dikuatkuasakan bagi perkara ini, kerana bidang kuasa reka bentuk perindustrian ini bukan hanya terpakai di negara ini, tetapi juga terpakai kepada undang-undang dan konvensyen-konvensyen luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat saya lihat di bawah pemakaian ialah secara rambang iaitu Fasal 12(1), Fasal 21 dan juga Fasal 32. Daripada apa yang telah saya baca dan faham bahawa pemakaian Fasal-fasal ini amat memerlukan kepakaran dan kemahiran, iaitu pegawai-pegawai yang akan melaksanakan tugasnya untuk menentukan bahawa peraturan-peraturan undang-undang ini dapat dikuatkuasakan perlulah pegawai-pegawai yang ada kemahiran dan kepakaran. Dalam konteks ini, kita berharaplah kementerian ada mempunyai perancangan untuk melatih pegawai-pegawainya dan seterusnya juga mempunyai perancangan untuk memastikan cukup wang perbelanjaan untuk pelaksanaan undang-undang ini.

Yang keduanya ialah dari segi penguatkuasaan. Dari segi penguatkuasaan, apa yang dapat kita baca daripada rang undang-undang yang telah dibentangkan ialah perlunya juga seperti yang saya katakan kemahiran dan kepakaran, kerana untuk memastikan bahawa undang-undang ini dapat dikuatkuasakan, pegawai-pegawai itu mesti ada kepakarannya.

Yang ketiganya perlu juga dibentuk atau difikirkan mekanisme untuk memudahkan dan seterusnya memastikan bahawa pegawai-pegawai yang ditugaskan itu dapat mengesan kesalahan-kesalahan sepertimana yang diperuntukan di bawah Bahagian VI rang undang-undang ini. Jikalau tidak ada kemahiran dan kepakaran tersebut, agak sukar bagi pegawai-pegawai untuk dapat melaksanakan undang-undang ini.

Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah membuat peruntukan khusus di bawah Fasal 13 yang menyatakan dengan jelas bahawa reka bentuk perindustrian yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral tidak boleh didaftarkan. Ini adalah wajar dan sangat sesuai dengan apa yang diharapkan dan diaspirasikan dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

3.17 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan, tujuan utama rang undang-undang ini digubal adalah untuk membuat satu peruntukan yang lebih baik, supaya mewujudkan satu sistem perundangan yang cukup baik dan benar bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian ini akan diterima, walau dengan perasaan campuran (mix feeling), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia dimaklumkan rang undang-undang ini perlu untuk dipertahankan hak mereka yang telah bekerja keras menghasilkan berbagai reka bentuk perindustrian yang canggih bagi memudahkan dan kesejahteraan hidup manusia sejagat.

Rang undang-undang ini juga menjamin persaingan yang sihat di kalangan para pereka bentuk perindustrian. Sistem pendaftaran ini juga akan menjadi lebih perlu di segi pertambahan perdagangan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi bolehkah kita mencapai matlamat penguatkuasaan ini? Sungguhpun rang undang-undang ini dikuatkuasakan di Malaysia, akan tetapi ini akan melibatkan reka bentuk perindustrian negara asing juga. Jadi, apakah implikasinya, Tuan Yang di-Pertua?

Dalam zaman moden ini walaupun undang-undang sempurna, tetapi penguatkuasanya bukan senang, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya berada di New York, saya pergi ke Macey Supermarket, saya dapati minyak

wangi Giorgio Armani yang dijual di Macey Supermarket semuanya didaftar, botolnya dan capnya pun didaftar, dijual dengan harga US\$40. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai 30 meter daripada lot Macey ada orang yang menjual serupa botolnya, reka bentuk semuanya serupa dengan minyak wangi Giorgio Armani, tetapi harganya US\$10. Di US ada penguatkuasaan macam ini, di Korea Selatan.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Swee Hueng, Tuan Hanipah bin Ahmad minta laluan boleh?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan, minta duduk sekejap.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan, bila ada dua harga yang dimaklumkan tadi, yang mana satukah yang menjadi pilihan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Tuan Tan Swee Hueng: Bersabarlah, saya akan sampai. Pada pendapat saya ada yang membeli US\$10 juga. Jadi, apabila sampai sayapun tanya kepada orang yang membeli minyak wangi US\$10, the answer is 'the rich use the original, we the poor use the imitation'. Itu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang US\$10 itulah yang imitation.

Tuan Tan Swee Hueng: Ya, imitation. Tetapi botol serupa, semua serupa. Dan begitu juga di E.T. One, Korea Selatan, kita beli kasut di Testomy, beg Samsonite pun serupa - ada tiruan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi minyak wangi itu baunya serupa atau tidak?

Tuan Tan Swee Hueng: Itu saya tidak tahulah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, apa susahny kalau dia bukan tipu, kalau dia jual US\$40 - itu tipulah, dia jual US\$10 sahaja, apa susahny, Tuan Yang di-

Pertua, dia kata: “The rich use the original, we use the imitation”. Dan serupa juga di Malaysia, di Petaling Street. I think di Petaling Street atau di Haadyai, we buy Rolex watch RM70 sahaja, tetapi ada orang yang beli RM20,000 - Rolex juga, tetapi apa salahnya, dia bukan tipu?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan selalu pergi ke Haadyai?

Tuan Tan Swee Hueng: Kadang-kadanglah! [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Seorangkah?

Tuan Tan Swee Hueng: Selalu I do not build to the new castle anyway.

Tuan Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita sekarang macam mana kita dapat mengawal masalah ini, how are we going to control? Lagi pun ini dari segi yang tak baiklah, tetapi yang bagus itu pendaftaran ini akan memajukan R&D kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, masalah ini bukan senang, saya ingat kementerian kena mengambil perhatian dalam masalah ini serupa alat ganti itu, kalau kita dapat pendaftaran reka bentuk alat ganti akan jadi masalah juga serupa alat ganti untuk Mercedes itu yang mengimport alat yang original dari Germany, yang lain itu hanya kotak sahaja. Kotak tulis ‘original Mercedes parts’, tetapi yang kita kena beri import tax, keuntungan yang terlalu tinggi dan dijual terlalu mahal, tetapi barang yang serupa kadang-kadang boleh jadi mutunya lebih rendah sedikit tetapi harganya tak sampai separuh.

Tuan Yang di-Pertua, kalau orang yang tidak mampu itu hendak beli yang murah sedikit macam mana? Ada juga kalau dia miskin, dia hendak beli yang kurang kualitinya, apa salahnya. So, ini terbaliklah penguatkuasa. Saya haraplah kalau boleh, jangan selepas kita luluskan rang undang-undang ini kementerian tak dapat menjalankan penguatkuasaan dan akhir-akhirnya kita kena swastakan juga masalah ini dan kita jugalah yang akan susah itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Mastika.

3.23 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian 1996.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun berjaya membentangkan rang undang-undang ini di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari ini. Saya kira usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh pihak kementerian untuk menyediakan rang undang-undang yang pertama kali ada di negara kita ini mengambil masa yang tidak sedikit saya kira dan juga penglibatan pegawai-pegawai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha itu.

Kita merasa bangga kerana selama ini Akta Reka Bentuk yang digunakan di negara kita adalah kita menggunakan Akta Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949 bagi Malaysia Barat dan Ordinan Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) (Bab 152) bagi Sabah dan Ordinan Reka Bentuk (United Kingdom) (Bab 59) bagi Sarawak.

Ini saya kira, setelah kita merdeka sekian lama kita telah menggunakan Akta Reka Bentuk yang mana kita terpaksa memakan masa 12 bulan, kalau tidak silap pendengaran saya tadi, untuk kita mendaftarkan reka bentuk di negara kita. Oleh yang demikian walau apa pun kebimbangan kita, walau apa pun perkara-perkara yang kita perlu mengambil perhatian, saya kira ini adalah satu tindakan yang baik, yang telah diambil oleh kementerian.

Walau bagaimanapun, beberapa perkara yang dibimbangkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi perlulah diambil perhatian oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang bukanlah merupakan satu perkara yang muktamad di dalam hidup manusia sejagat. Saya ingin mengingatkan kementerian supaya dalam kita melaksanakan undang-undang kita harus tahu yang tersirat dan tersurat. Bagi saya, saya beranggapan bahawa undang-undang yang kita adakan pada hari ini adalah ke arah untuk kita meningkatkan perkembangan industri di negara kita. Tetapi jika undang-undang yang kita adakan ini membantutkan perkembangan industri maka saya rasa pelaksanaan

undang-undang itu sendiri tidak membantu kepada perkembangan dan juga pembangunan negara.

Oleh yang demikian, di dalam melaksanakan undang-undang ini, walau apa pun akta-akta yang ada di situ, kita berharap supaya apa yang ada dalam Perlembagaan ataupun rang undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah ke arah untuk kita melindungi dan juga menentukan supaya perkembangan negara kita menjadi negara industri pada tahun 2020 akan dapat berkembang dengan sebaik-baik dan sehebat-hebatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sekarang ini sebagaimana yang saya soalkan kelmarin kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, negara telah pun mengadakan mekanisme World Trade Organisation (WTO) dan dalam Perjanjian Uruguay, kalau saya tak silap, beberapa perjanjian telah ditandatangani iaitu General Agreement Of Tariff And Trades (GATT) dan juga General Agreement Of Tariff And Services (GATS), semua peraturan yang diadakan sekarang ini di peringkat dunia seolah-olah membuka ruang perniagaan negara kita dan juga negara-negara lain kepada seluruh pengusaha di dunia ini.

Maka ini bererti pertandingan di antara industri yang ada di negara kita dengan industri-industri yang ada di negara-negara lain akan menjadi begitu sengit dan begitu hebat. Kita berharap supaya peraturan yang diadakan oleh kementerian ini akan dapat membantu memperkembangkan industri kita

sebagaimana yang saya sebutkan tadi supaya industri-industri yang telah ada dan akan wujud di negara kita ini akan dapat perlindungan undang-undang sepenuhnya dalam menghadapi perang dingin, kalau dulu perang dengan senjata, mungkin sekarang ini perang ekonomi antara negara-negara sama ada negara membangun ataupun negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang berkeyakinan dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin mengatakan bahawa dengan adanya World Trade Organisation (WTO), keadaan suasana perniagaan dunia akan lebih menjadi tenteram dan keadilan akan diwujudkan. Kita bimbang dengan adanya Bangsa-bangsa Bersatu sendiri kita telah melihat pelbagai kerenah dan pelbagai tekanan kuasa-kuasa besar kepada Bangsa-bangsa Bersatu yang tidak memberikan ataupun menolak kepentingan negara-negara kecil dan juga kepentingan setengah-setengah negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, pada hari ini juga, kita telah melihat dalam surat khabar Kesatuan Eropah, China, Australia telah mengutuk United States kerana mengadakan sekatan perdagangan kepada pelabur-pelabur daripada Iran dan Libya. Bererti di mana ada keadilan perdagangan di dunia ini, kalau kita tidak berusaha untuk melindungi diri kita. Kalau kita tidak berusaha untuk menentukan supaya peniaga-peniaga yang ada di negara kita dapat perlindungan sewajarnya dan dapat menghadapi pertandingan di dunia ini. Dalam hal sekatan dagangan yang dibuat oleh United States ataupun Amerika

kepada Iran dan Libya, saya kira kita negara Malaysia pun bersama-sama dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi, kita melihat bahawa United States menggunakan kuku besinya, menggunakan kedudukannya dan menggunakan apa sahaja yang ada kepada mereka untuk mereka menekan negara-negara yang tidak sehaluan dengan mereka.

Saya kira, kita pada hari ini juga sepatutnya mengutuk tindakan United States, walaupun kita telah ada World Trade Organisation, tetapi kita lihat bahawa World Trade Organisation tidak dapat melakukan apa-apa di dalam keadaan apa yang berlaku pada hari ini.

Tuduhan United States bahawa Iran dan Libya terlibat di dalam pengeboman di Atlanta, Arab Saudi dan Pesawat TWA penerbangan 800, saya rasa ini merupakan satu anggapan sahaja. Belum lagi ada satu kajian ataupun belum lagi ada satu tuduhan yang tepat tetapi pihak Amerika telah mengambil tindakan yang sedemikian. Oleh itu, saya juga merasakan bahawa sebagaimana yang saya sebutkan tadi, undang-undang yang kita wujudkan, undang-undang yang kita adakan, biarlah undang-undang ini “apa yang tersurat tetapi tersirat”nya ke arah kita berusaha untuk memajukan dan juga melindungi perdagangan yang ada di negara kita.

Satu perkara lagi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, walaupun mungkin cadangan ini di lihat tidak relevan pada masa ini, iaitu saya ingin mencadangkan supaya pejabat pendaftar diwujudkan bukan sahaja di

Kuala Lumpur, di negara kita tetapi juga di zon-zon, kalau pun tidak boleh di negeri-negeri. Saya mencadangkan sedemikian kerana selalunya, saya di Perlis ini jauh. Kalaulah ada yang berminat dalam mengenengahkan harta intelek seperti yang disebutkan tadi, terpaksa, kalau semasa pendaftaran kita selalunya terpaksa berulang alik ke Kuala Lumpur tetapi untuk masa yang akan datang, kalau pun tidak relevan sekarang ini, kementerian memikirkan dalam kita membuat perancangan ini, menjadi hasrat kita supaya keseluruhan negara kita dan seluruh rakyat di negara ini dapat bersama-sama dengan mereka yang telah maju dalam perniagaan untuk memajukan perdagangan perniagaan dan juga harta intelek yang mereka ada.

Oleh itu, kita berharap supaya pihak kementerian dapat memikirkan usaha-usaha untuk mendaftar ini dapat dipermudahkan dan mungkin jika mengikut kajian kementerian perlu, kita perlu mewujudkan beberapa pusat mengikut zon dan sebagainya untuk memudahkan rakyat di negara kita mendaftarkan reka bentuk perindustrian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar.

3.33 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana baru sedar berkenaan kepentingan mengadakan Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian 1996 ini. Kita tahu, kita telah lama merdeka, sudah lebih 30 tahun dan kita telah masuk ke era perindustrian. Perindustrian kita pula menekankan sains dan teknologi dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengemukakan Wawasan 2020. Saya masih ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut sekarang ini kita banyak mengeluarkan barang-barang berteknologi tinggi tetapi malangnya kita masih bergantung kepada jenama-jenama luar. Kita tidak ada inisiatif untuk hendak mencari jenama sendiri yang boleh memberi identiti Malaysia, maka sudah tentulah Rang Undang-undang ini sesuai dengan masanya, walaupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, is better late than never.

Tuan Yang di-Pertua: Wah! Cakap orang putih. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya sebut tadi, saya juga merasa ragu dari segi kemampuan kerajaan kita untuk hendak melaksanakan rang undang-undang ini dengan cara yang paling berkesan. Walaupun kita lihat di sini ianya mempunyai banyak bahagian dan fasal-fasal yang lengkap dari segi

permulaan, dari segi berhubungan dengan pentadbiran, dari segi pendaftaran reka bentuk perindustrian dan kita tengok di sini ada bahagian-bahagian yang menyentuh berkenaan dengan pelanggaran dan juga kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebut di sini, baiknya rang undang-undang ini ialah ianya sudah meneroka suatu perubahan ataupun paradigm shift yang akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia menerokai satu bidang baru yang banyak dan boleh menghasilkan pendapatan. Saya percaya penuh rakyat Malaysia adalah orang-orang yang kreatif dan juga inovatif dan mereka boleh mencipta sesuatu benda yang akhirnya akan membantu perindustrian di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat terlalu banyak barang-barang yang menggunakan jenama ataupun reka bentuk yang begitu established, tetapi reka-reka bentuk ini adalah berasal daripada negara-negara yang telah maju, malah kereta nasional kita pun, seperti orang semua tahu asalnya kereta Mitsubishi. Kalau kita tengok kereta di Siam (Thailand) dan di Indonesia, memang kereta ini sudah banyak, kita cuma ubahsuai, kita gunakan teknologi. Begitu juga sekarang ini kita cuba gunakan teknologi daripada Perancis untuk mengeluarkan kereta Citroen campur sekali dengan Proton, selepas itu kita jadikan kereta kita. Ini tidak menjadi satu kesalahan, sebab kalau kita hendak bergantung harap daripada pengetahuan kita sendiri, baru

kita hendak keluarkan barang-barang begitu, sudah tentu kita akan ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga mengingatkan bahawa kerajaan perlu memberi penekanan berkenaan dengan Fasal 13, yang menyebut di sini, “memperuntukkan bahawa reka bentuk perindustrian yang bertentangan dengan ketenteraman awam dan prinsip kemoralan tidak boleh didaftarkan”. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada pihak kerajaan berkenaan dengan tafsiran perkara ini, sebab besok apabila sudah berlaku benda-benda yang dianggap sebagai bertentangan dengan ketenteraman awam dan prinsip kemoralan tidak boleh didaftarkan itu. Kalau ini tidak diperjelaskan, kita bimbang besok akan ada reka-reka bentuk dan jenama-jenama yang mungkin tidak begitu diteliti, selepas itu akhirnya dia menimbulkan masalah kemudian hari.

Oleh sebab itu dari segi teknikalnya, kita rasa memang ada banyak perkara yang apabila kita laksanakan nanti akan menimbulkan masalah, selepas itu negara akan terpaksa menghadapi perkara-perkara yang mungkin akan menjejaskan kelancaran dan pembangunan dari segi pembangunan industri.

Dengan kata-kata itu dan dengan harapan supaya pihak kerajaan dapat menguatkuasakan undang-undang ini ke arah membantu membangunkan ekonomi dan memberi peluang kepada rakyat dalam bidang untuk

mendapatkan pendapatan tambahan, saya menyokong rang undang-undang ini.
Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Ng hendak bercakap? Macam hendak bercakap sahaja.

Dr. Ng Yen Yen: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Menguap? Baiklah. *[Ketawa]* Dijemput pihak Menteri menjawab.

3.38 ptg.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar kerana sudi mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamilia telah membangkitkan perkara berkenaan dengan kesediaan kementerian ini dalam menguatkuasakan akta baru ini. Dalam hal ini, suka saya memaklumkan bahawa pihak kementerian ini telah menyediakan undang-undang untuk membolehkan reka bentuk perindustrian didaftarkan di Malaysia dan tidak lagi bergantung atau tertakluk kepada sistem pendaftaran United Kingdom dan kementerian ini juga telah dan akan melantik pegawai-pegawai dalam bidang pengurusan pendaftaran reka bentuk perindustrian dan rancangan juga telah dibuat.

Kementerian ini juga telah mengemukakan cadangan untuk menyusun semula bahagian harta intelek kementerian ini kepada agensi kerajaan pusat supaya cadangan tersebut boleh diluluskan dan membolehkan sistem pendaftaran reka bentuk perindustrian atau harta-harta intelek lain boleh beroperasi dengan licin.

Yang Berhormat Puan Kamilia dan Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng juga membangkitkan perkara penguatkuasaan. Berhubung dengan perkara penguatkuasaan terhadap hak

sesuatu reka bentuk perindustrian, sukalah saya jelaskan di sini bahawa kementerian ini mempunyai pejabat cawangan di seluruh negara untuk menjalankan urusan penguatkuasaan dan siasatan terhadap pelanggaran hak eksklusif sesuatu reka bentuk perindustrian. Pegawai dan kakitangan penguatkuasa kementerian ini selalu menjalankan tugas dengan baik dan berkesan.

Misalnya, saya beri satu angka yang membuktikan bahawa penguatkuasa kementerian saya sudah menjalankan urusan dengan baik. Kementerian ini dari 1hb. Disember 1987 hingga 6hb. Julai 1996 kita menerima sebanyak 5,506 aduan berhubung dengan pelanggaran hak cipta. Semua aduan telah disiasatkan dan tindakan sewajarnya telah diambil. Dengan itu, kementerian ini telah menghasilkan atau menyelesaikan sebanyak 4,430 kes aduan ini dengan rampasan salinan cetak rompak dan peralatan berkaitan bernilai RM20,686,296. Dari jumlah ini, sebanyak RM973,301 telah pun dikutip. Ini membuktikan bahawa penguatkuasa kementerian ini mampu menjalankan tugas dengan baik dan kalau sekiranya keperluan tenaga tambahan diperlukan, kementerian ini akan mengambil langkah wajar untuk mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Senator Tan Swee Hueng telah membangkitkan dua perkara yang berkaitan dengan minyak wangi dan jam tangan Rolex. Saya ingin menjelaskan bahawa dua barangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat boleh diambil tindakan mengikut dua akta, iaitu Akta Perihal Dagangan 1972, iaitu orang yang menggunakan perihal dagangan masuk dalam perdagangan boleh didenda sehingga RM100,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya. Kesalahan berikutnya denda sehingga RM200,000 atau 6 tahun penjara atau kedua-duanya. Jika empunya reka bentuk perindustrian mengenai 2 jenis barangan ini telah didaftarkan, ini bermakna empunya atau tuan punya reka bentuk perindustrian ini boleh ambil tindakan mahkamah sebagai prosiding sivil atau tindakan 'civil suit'. Mereka akan dapat compensation, dengan izin, atau jika mahkamah telah buat keputusan, mereka tentulah akan dapat ganti rugi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, ada yang minta laluan. Tuan Hanipah, sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Yang Berhormat ada memaklumkan ada undang-undang yang boleh dipakai di negara Malaysia. Tetapi kita

dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat bahawa ada barang-barang tiruan yang wujud ada dalam pasaran di negara kita. Adakah penguatkuasaan undang-undang ini telah diambil oleh kerajaan?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, barang tiruan bukan berlaku di negara kita, tetapi di negara-negara lain seperti USA, UK, Japan, Negeri China pun ada juga. Sebenarnya kerajaan atau kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyekat aktiviti cetak rompak. Satu pasukan petugas telah ditubuhkan untuk menjalankan tugas ini, iaitu special task force, iaitu anticetak rompak dan barang tiruan. Inilah maklumat untuk Yang Berhormat. Tetapi saya sebutkan bahawa banyak kes aduan yang diterima, kementerian ini pun telah buat siasatan, dan kes-kes ini telah diselesaikan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada perminta laluan. Sila Puan Hajah Mastika.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah dua kali bangun, tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak nampak. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya pakaian gelap sedikit. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Adakah jika berlaku barang-barang tiruan di luar negara, boleh diambil tindakan? Yang saya faham, tindakan mengikut peraturan yang ada dalam negara kita, tetapi apa jadi barang-barang yang kita dapati daripada luar negara barang tiruan, apa langkah-langkah yang dapat kita buat? Saya faham Yang Berhormat cakap tadi barang-barang di luar negara, bukan daripada dalam negara.

Datuk Tan Chai Ho: Barang-barang tiruan atau aktiviti cetak rompak yang berlaku di negara kita, kita ada undang-undang untuk mengawal perkara ini. Seperti tadi saya katakan Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten dan Akta Cap Dagangan, semua ini adalah untuk kawalan harta intelek atau mencegah. Undang-undang ini diwujudkan untuk melarang atau mencegah aktiviti cetak rompak atau barang tiruan.

Saya juga menyatakan bahawa pemilik atau tuan punya hak cipta boleh juga ambil tindakan undang-undang sebagai civil suit, dengan izin, jadi perhitungan adalah diberi kepada tuan punya hak cipta atau reka bentuk perindustrian. Saya hendak nasihatkan Yang Berhormat Tan Swee Hueng,

janganlah membeli barang-barang tiruan. *[Ketawa]* Ini akan menggalakkan orang yang melakukan aktiviti cetak rompak atau pembuat barang tiruan. Jadi, itulah amalan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Swee Hueng, jangan beli barang-barang palsu. *[Ketawa]*

Tuan Tan Swee Hueng: Barang-barang murah! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okay, sila, sila.

Datuk Tan Chai Ho : Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan pewujudan Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian ini tentulah akan membawa faedah kepada negara kita.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh ya, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti-nanti, dia beri tidak?

Datuk Tan Chai Ho : Nanti-nanti, habis ayat ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail duduk dahulu sekejap.

Datuk Tan Chai Ho : Sekejap sahaja ya!

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ada kaitan dengan....

Datuk Tan Chai Ho : Boleh, boleh, boleh, boleh! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya dengan pewujudan undang-undang dan sistem perlindungan dan pendaftaran reka bentuk perindustrian di negara kita akan meningkatkan lagi sistem perlindungan harta intelek di negara kita. Tadi saya sudah sebutkan beberapa akta telah pun diwujudkan dan ini adalah memberi perlindungan kepada empunya harta intelek dan reka bentuk perindustrian yang baru. Ini adalah satu lagi harta intelek dan dengan ini empunya reka bentuk industri tidak perlulah mendaftarkan di United Kingdom dan seterusnya boleh mendaftarkan reka bentuk perindustriannya di negara kita. Ini dari segi kos dan masa kita telah mengatasi. Ini tentulah menggalakkan pembangunan ekonomi negara dan perkembangan perindustrian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, tadi Yang Berhormat ada menyebut, kita jangan beli barang-barang tiruan dan kalau sekiranya ada pihak-pihak yang menjual barang tiruan, tindakan

dari segi undang-undang boleh diambil, tetapi adakah pihak Yang Berhormat sedar bahawa banyak barang-barang tiruan seperti jam dan sebagainya dijual di pasar malam dan di merata tepi jalan dan ini adalah dari segi rakyat yang menerima penipuan. Sejauh manakah pihak kerajaan melalui undang-undang yang ada disebutkan tadi ini, boleh mengambil tindakan terhadap orang yang menjual barang-barang tiruan yang dibeli, diimport daripada luar negara?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, orang yang menjual barangan cetak rompak atau barangan tiruan atau palsu adalah satu kesalahan kerana di bawah Akta Hak Cipta 1987, kalau empunya hakcipta membuat aduan kepada kementerian ini penguatkuasa tentulah ambil tindakan dan mereka boleh didenda atau dipenjarakan. Jadi, saya beri nasihat juga kepada peniaga-peniaga janganlah menjualkan barang-barang tiruan atau barangan cetak rompak juga. Ini adalah satu kesalahan yang serius dan Ahli-ahli Yang Berhormat dinasihatkan jangan belilah barangan di luar. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Barang-barang murah! *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sekali lagi, saya bukan tanya suruh nasihat. Saya tanya, sejauh mana kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang? Sebab itu kita pertikaikan dari segi penguatkuasaan. Kalau yang lepas sudah ada orang jual barang tiruan, pihak kerajaan sendiri tidak ambil inisiatif untuk pergi selidik dan ambil tindakan. Hendak tunggu pihak tuan punya reka bentuk itu buat laporan, saya ingat susahlah macam itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Hakcipta 1987, empunya atau pemilik hak cipta mestilah membuat aduan dahulu, kalau tidak kementerian ini atau penguatkuasa kementerian ini tidak boleh mengambil tindakan kerana pemilik hak cipta yang tahu barangan atau hakciptanya adalah dipunyai olehnya. Jadi, beliau mestilah membuat aduan dahulu dan sepertimana saya kata penguatkuasa kementerian ini selalu mengambil tindakan jikalau aduan-aduan ini diterima.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Tan Swee Hueng minta laluan, ya.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Datuk Setiausaha Parlimen, masalah saya ialah berkenaan alat ganti, misalnya brake pad kereta Honda Accord, brake pad biasa, bukan tiruan atau tipu, tidak termasuk istilah tipu. Jadi, yang original itu

daripada Jepun, bawa masuk kena import tax, Kah Motor hendak untung terlampau banyak, sebab ini hak kuasa dia, dia jual RM300 dan yang buatan tempatan (local made) kalau kita mahu beli RM120, itu salahkah? Itu pun salah? Jadi, dari pihak kementerian, bagaimana? Kalau saya hendak belilah yang buatan tempatan itu, tidak ada import tax, murah! Memang bukan original tetapi dia bukan tipu saya, yang masalah tipu tidak berbangkit. I accept, yang kualiti itu kurang, I accept! RM120 macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, orang yang membeli tidak bersalah, tetapi orang yang membuat, orang yang menjual adalah bersalah di bawah Akta Perihal Dagangan atau di Akta Hak Cipta. Orang yang buat, orang yang mengilang produk adalah satu kesalahan yang serius tetapi kita tidak menggalakkan orang ramai membeli barangan tiruan atau barangan palsu supaya tidak menggalakkan aktiviti cetak rompak atau pembuatan barangan tiruan.....

Tuan Janggu Anak Banyang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Janggu Anak Banyang.

Tuan Janggu anak Banyang: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini menunjukkan Datuk Tan ini popular. Semua orang hendak bertanya.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Dato', maksud saya ini, apabila kementerian mengadakan task force, tugasnya mesti mencegah barang-barang tiruan dari luar negeri ataupun dalam negeri. Apa maksud task force itu tidak bekerjakah? Itu saya minta penjelasan.

Dato' Tan Chai Ho: Task force, kalau saya tidak salah berkuatkuasa di kementerian ini, tidak kira barang tiruan dari negara asing atau tempatan kita, tadi saya katakan di bawah Akta Hak Cipta 1987, jika pemilik atau empunya hak cipta membuat komplain, aduan, jadi, kementerian ini akan terus

mengambil tindakan dan tadi saya telah pun sebutkan beberapa kes. Kalau saya tak salah, tadi saya telah menyatakan 5,506 kes aduan dan kita sudah berjaya menyelesaikan kes-kes aduan ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, barangan palsu atau tiruan tidak kiralah dari negara asing atau yang dibuat di dalam tempatan, kementerian ini akan mengambil tindakan, kita tidak akan bertolak ansur. Tidak ada lagi ya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit kesalahan mengenai reka bentuk perindustrian. Bahagian VII rang undang-undang ini mengandungi peruntukan berhubung dengan kesalahan bahawa sesiapa yang melakukan pemalsuan butir-butir daftar dan salinan sub dokumen, pemalsuan dokumen dan penggunaan dokumen palsu, melupuskan untuk keuntungan barangan yang tidak dilindungi oleh Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian dengan cara palsu menyatakan barangan itu dilindungi dan penggunaan pada tempat perniagaan atau dokumen yang dikeluarkan perkataan-perkataan Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian adalah kesalahan yang boleh didenda, tidak lebih daripada RM15,000 atau penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat atau badan korporat, jika dibuktikan kesalahan itu dilakukan oleh pengurus, pengarah atau pegawai-pegawai lain, orang yang berkenaan dan badan syarikat atau korporat itu boleh didakwa di mahkamah.

Mengenai Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar yang menyentuh tentang perkara yang bertentangan dengan kenderaan awam dan prinsip permodalannya, saya ingin

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ketenteraman awam, bukan kenderaan awam. *[Ketawa]*

Dato' Tan Chai Ho: Oh, ketenteraman awam, okay.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan kenderaan awam! Baiklah.

Dato' Tan Chai Ho: Ketenteraman awam dan prinsip permodalan, saya ingin menjelaskan bahawa ini akan meliputi misalnya reka bentuk seperti pistol yang digunakan untuk benda lain atau reka bentuk lucah, ini adalah disebut di dalam liputan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak jawapan saya dan kalau saya tidak dapat menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya mohon maaf.

Walau bagaimanapun, pegawai kementerian saya ada di belakang, mereka telah mengambil perhatian berat dan langkah-langkah wajar akan diambil dan saya harap selepas Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian ini diluluskan, ini akan memberi faedah kepada negara kita. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.09 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan satu rang undang-undang bernama Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chor Chee Heung: Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan iaitu Akta Ibu 1987.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Jalan 1987 mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1988 dan ianya menggantikan Ordinan Lalu Lintas Jalan 1958.

Akta ini telah pun dipinda sebanyak tiga kali iaitu pada pertengahan tahun 1989 dan juga dengan tujuan untuk mengelakkan keraguan yang berlaku dalam beberapa tafsiran.

Pindaan kali kedua dibuat pada bulan September 1993 bagi mengatasi beberapa kelemahan atau loopholes, dengan izin, di bawah akta tersebut termasuk mewujudkan peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Pindaan kali yang ketiga pula dibuat pada bulan Mei 1994 yang bertujuan untuk membolehkan aktiviti pemeriksaan kenderaan yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan pada masa itu diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan akta berkenaan pada kali ini antara lain adalah untuk memperkenalkan lesen memandu percubaan dan nombor plat peribadi (probationary driving licence) dan personal licensed number plate, dengan izin. Di samping itu pindaan ini juga adalah ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menswastakan aktiviti-aktiviti pendaftaran

dan pelesenan kenderaan serta pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan yang selama ini dikendalikan oleh JPJ diuruskan oleh pihak swasta.

Pindaan-pindaan dan peruntukan baru yang dicadangkan meliputi 38 seksyen, antara lain perkara-perkara utama yang terlibat dalam cadangan pindaan ini adalah seperti berikut:

- (i) penswastaan aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pelesenan kenderaan serta pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan. Pindaan terhadap 20 seksyen dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang meliputi seksyen-seksyen 8 hingga 13, 15 hingga 17, 19, 21 hingga 24, 59, 66, 102, 117, 124 dan 126 adalah merupakan pindaan lanjutan ataupun consequential amendment, dengan izin, ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menswastakan aktiviti-aktiviti JPJ yang berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor, pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan dan perkhidmatan pengurusan rekod pendaftaran serta menyediakan satu sistem maklumat. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti berkenaan akan diambil alih dan dikendalikan oleh pihak swasta yang ditafsirkan sebagai pendaftar berlesen atau licensed registrar, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua ialah mengenai pertukaran nombor plet kenderaan dan nombor plet peribadi. Pindaan seksyen 11(1)(a) adalah bertujuan untuk membolehkan pertukaran nombor plat kenderaan atau interchange number plate, dengan izin, dilaksanakan bukan sahaja daripada kenderaan lama ke kenderaan baru seperti yang dipraktikkan sekarang, malah ianya membolehkan pertukaran nombor plat kenderaan dibuat di antara kenderaan lama dan kenderaan lama yang lain walaupun ianya dipunyai oleh pemilik yang berlainan.

Satu seksyen baru iaitu sekeyen 11A diwujudkan adalah bertujuan untuk memperkenalkan penggunaan nombor plet peribadi ataupun personal licensed number plate, dengan izin. Nombor plet ini akan mengandungi huruf-huruf atau perkataan yang tertentu tanpa atau dengan kombinasi nombor pendaftaran yang direka dan dipohon oleh seseorang pemilik kenderaan. Walau bagaimanapun pengeluaran nombor-nombor plet peribadi ini adalah tertakluk kepada garis panduan yang akan ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPJ, manakala urusan pendaftarannya akan dilaksanakan oleh pihak swasta iaitu sebuah syarikat yang dilesenkan untuk mendaftar kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang ketiga adalah mengenai pengenalan lesen memandu percubaan. Pindaan kepada seksyen 29 adalah dibuat bagi membolehkan lesen memandu percubaan ataupun probationary driving licence, dengan izin, diperkenalkan. Dalam hubungan ini seseorang

pemandu yang baru lulus ujian memandu akan terlebih dahulu disyaratkan untuk memegang lesen memandu percubaan bagi tempoh selama 2 tahun sebelum diberikan lesen memandu kompeten dengan syarat ianya tidak melakukan sebarang kesalahan jalan raya.

Dalam subskesyen 29(1)(a) diperuntukkan kuasa kepada Pengarah JPJ untuk tidak membaharui mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh seseorang pemandu, selagi pemandu tersebut belum menyelesaikan kes-kes yang tertunggak dengan pihak Polis Diraja Malaysia atau Jabatan Pengangkutan Jalan bagi kesalahan yang berkaitan dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Pada masa ini peruntukan yang sedemikian hanya terhad kepada pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan sahaja. Oleh itu peruntukan ini adalah amat perlu diwujudkan memandangkan tidak semua pemegang lesen memandu pada masa yang sama merupakan pemilik kenderaan. Dengan demikian, seseorang pemandu yang masih mempunyai kes-kes yang belum selesai dengan pihak polis atau JPJ, iaitu setakat yang berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 perlulah terlebih dahulu menyelesaikan kes-kes berkenaan sebelum dibenarkan untuk membaharui lesen memandu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan seterusnya ialah mengenai penggantungan lesen memandu. Satu seksyen baru iaitu seksyen 35A adalah

diperkenal bagi membolehkan pengawalseliaan yang ketat dilakukan terhadap pemandu-pemandu yang memegang lesen memandu percubaan. Di samping itu peruntukan kuasa juga diberikan kepada Ketua Pengarah JPJ bagi membatalkan sesuatu lesen memandu percubaan seseorang pemandu, apabila jumlah terkumpul markah demerit maksimum ataupun demerit point system, dengan izin, iaitu 10 markah diberikan kepada seseorang pemandu yang terlibat.

Pindaan seksyen 37 dan 38 adalah dicadangkan bagi memperluaskan lagi kuasa Ketua Pengarah JPJ bukan sahaja untuk menggantung selama 12 bulan terhadap sesuatu lesen memandu kompeten, malah untuk membatalkan terus lesen berkenaan.

Satu lagi cadangan iaitu mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemandu yang disyaki mabuk ketika memandu. Pindaan kepada seksyen-seksyen 45 dan 45A adalah untuk membolehkan mahkamah membatalkan lesen memandu percubaan jika seseorang pemandu terbabit didapati bersalah memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan.

Pindaan kepada seksyen 45B pula dibuat dengan memasukkan sabitan kali kedua atau kali berikutnya dengan dikenakan denda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Di samping itu mahkamah juga berkuasa untuk menggantung

lesen memandu seseorang pesalah yang terlibat bagi tempoh tidak kurang daripada 12 bulan.

Pindaan kepada seksyen 54 adalah bertujuan bagi memperluaskan kesalahan-kesalahan memandu ataupun menunggang sesebuah kenderaan dalam keadaan mabuk bagi meliputi juga penunggang-penunggang basikal. Di samping itu, denda di bawah seksyen ini dinaikkan daripada RM50 kepada RM300 bagi kesalahan pertama dan dinaikkan dari RM200 kepada RM1,000 bagi kesalahan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengenai keterangan dan rekod sabitan dahulu. Ingin saya memberitahu di Dewan yang mulia ini, satu lagi seksyen baru iaitu seksyen 117A diwujudkan bagi membolehkan sabitan-sabitan yang terdahulu atau previous conviction, dengan izin, diambil kira dan digunakan bagi kesalahan yang sedang dibicarakan. Dalam hal ini sabitan-sabitan yang terdahulu akan direkod dan disimpan oleh pihak Polis Diraja Malaysia atau JPJ. Dengan demikian, jika sekiranya seseorang pesalah lalu lintas adalah merupakan seorang yang kerap melakukan kesalahan jalan raya, yang sama jenis kesalahannya dan kes berkenaan dibawa ke mahkamah, maka rekod-rekod kesalahan yang terdahulu boleh digunakan sebagai bukti *prima facie* bagi kesalahan yang dilakukan pada masa ini. Dengan itu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah berkenaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengenai kuasa menteri mengarahkan JPJ menjalankan fungsi yang diswastakan. Di bawah cadangan ini pindaan kepada seksyen 126 adalah dibuat dengan memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen 8 bagi memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk mengarahkan Ketua Pengarah JPJ dan Pengarah JPJ negeri-negeri bagi menjalankan tugas pegawai pengangkutan jalan yang diswastakan di bawah seksyen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya mengenai pindaan akta ini, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Yang Berhormat.

4.18 ptg.

Tuan Tan Son Lee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengemukakan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996, jelas dilihat bahawa Kementerian Pengangkutan amat prihatin dan mengambil berat tentang keselamatan orang ramai di jalan raya. Setakat ini, kini kita dapat melihat bahawa langkah-

langkah telah diambil oleh kementerian tersebut untuk mengurangi kadar kemalangan jalan raya. Walau bagaimanapun, kadar kemalangan jalan raya terus meningkat sehingga tahap yang amat membimbangkan. Justeru itu semua pihak harus menitik beratkan keselamatan di jalan raya bersama-sama mencapai hasrat kerajaan iaitu kemalangan sifar di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, banyak faktor ataupun sebab yang menjadikan kadar kemalangan jalan raya di negara kita terus meningkat. Dalam usaha untuk menghalang peningkatan kadar itu, sudah pastilah Kementerian Pengangkutan mesti mendapat kerjasama khasnya dari kementerian-kementerian yang lain, badan-badan berkanun dan sebagainya serta orang ramai amnya.

Tuan Yang di-Pertua, melainkan menerusi pelbagai penguatkuasaan, pendidikan juga merupakan salah satu pendekatan yang amat berhasil dalam menghalang peningkatan kadar kemalangan jalan raya. Walaupun didapati kementerian berkenaan memang melancarkan pendidikan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya menerusi kurikulum pelajaran. Pada pendapat saya, penekanan tentang nilai dan tanggungjawab di jalan raya serta berserahkan keselamatan di jalan raya masih tidak mencapai kehendak kerajaan.

Oleh itu, berkenaan dari segi tersebut harus ditingkatkan lagi dengan pembangunan dan perkembangan ekonomi yang begitu pesat jumlah kenderaan dalam negara kita dianggarkan dalam lingkungan 7 juta. Jumlah

kenderaan yang begitu besar juga merupakan salah satu sebab peningkatan kadar kemalangan jalan raya. Jadi, mempertingkatkan taraf jalan raya di seluruh negara adalah perlu walaupun kerajaan sudah memperuntukkan bilangan yang besar dalam kegunaan tersebut sebelum ini tetapi didapati masih lagi tidak mencukupi. Proses peningkatan jalan raya mesti dipercepatkan dan lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengemukakan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996, seseorang yang lulus peperiksaan memandu akan diberi lesen memandu percubaan untuk tempoh masa dua tahun sebelum diberikan lesen memandu tetap. Ini merupakan satu cadangan yang amat baik. Cadangan sebegini harus diberi sokongan yang penuh dan dengan harapan bahawa cadangan ini dapat memberi kesan yang positif selepas dikuatkuasakan nanti.

Satu lagi cadangan dalam rang undang-undang ini ialah orang ramai dibenarkan untuk menggunakan nombor kereta peribadi. Saya juga memberi sokongan kepada cadangan ini. Tetapi saya ingin mengingatkan pihak kementerian berkenaan supaya perbelanjaan orang ramai untuk mendapatkan nombor kereta peribadi tidak terlalu tinggi sehingga memberatkan semasa cadangan ini dikuatkuasakan.

Jumlah kematian di jalan raya pada tahun yang lepas adalah 5,715 orang. Di sini saya minta izin supaya pihak Kementerian Pengangkutan

memberitahu bahawa jumlah kematian pada 6 bulan pertama tahun ini dan adakah jumlah itu dapat dikurangkan berbanding dengan tahun lepas.

Mengenai road bully atau samseng jalan raya pula, saya menyeru pihak yang berkenaan supaya meningkatkan penguatkuasaan serta tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang dianggap sebagai samseng jalan raya. Ini adalah disebabkan kejadian tersebut semakin berleluasa pada masa kini.

Saya ingin bertanya adakah berhasil mengenai sesi brainstorming, dengan izin, yang diadakan pada 19hb. Julai, 1996? Dengan ini saya menyokong rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Swee Hueng.

4.25 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas usahanya untuk membuat pindaan lagi Akta Pengangkutan Jalan untuk mengetatkan kawalan ke atas pemandu-pemandu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 29 dibuat bagi membolehkan lesen pemandu percubaan (probation) bagi tempoh dua tahun sebelum diberi lesen pemandu competence, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, laporan dan statistik kemalangan di jalan raya kebanyakannya terlibat dengan pemandu-pemandu baru. Oleh yang demikian,

saya memberi sokongan yang penuh di atas pindaan ini. Akan tetapi, undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah kemalangan jalan raya. Kementerian mesti menekankan latihan sivik kepada pemandu-pemandu baru atau yang hendak membaharui lesen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit seksyen 11A yang baru bertujuan untuk berkehendakkan penggunaan nombor plate peribadi (personal number plate). Mengapa urusan pendaftarannya akan diswastakan? Apakah garis panduannya? Tender ini untuk nombor plat, kalau tak salah saya, is a cash account, dengan izin.

Harga satu nombor plat peribadi akan berharga kadang-kadang sampai RM100,000. Pihak swasta akan kaya sahajalah, ini tak akan membawa faedah kepada sesiapa pun selain daripada syarikat penswastaan. Mengapa kita hendak swastakan pendaftaran ini?

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemandu yang mabuk ketika memandu, saya sokong penuh dan mengalu-alukan akan tetapi jikalau apa akta-akta bantahankah, rompakan lesenkah, jikalau JPJ dan polis tidak menjalankan tugas mereka dengan bersih, cekap dan amanah, saya ingat lesen undang-undang ini akan diluluskan sia-sia sahaja. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Hanipah.

4.28 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membahas akta yang berkenaan dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana ini adalah kali yang keempat usaha-usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah keselamatan di jalan raya.

Saya berharap dengan akta ini kemungkinan sebahagian daripada masalah yang ada sekarang akan dapat sama-sama diselesaikan. Saya amat menyokong di atas apa juga usaha tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan terhadap penyalahguna jalan raya dengan hukuman-hukuman yang telah diperkatakan oleh pihak kerajaan tadi.

Walau macam manapun, ada dua, tiga perkara yang saya ingin mendapat penjelasan. Pertama sekali, saya ingin mendapat penjelasan tentang nombor plat. Kadangkala masalah nombor plat ini menjadi satu gangguan kepada pengguna. Kita mempunyai aturan dan peraturan untuk mengadakan nombor plat, tetapi kadangkala ada juga masa-masanya nombor-nombor plat ini telah diubahsuai ataupun nombor-nombor plat yang fancy. Ini telah dilakukan dan ini menjadi satu kesalahan bila pihak-pihak yang berkuasa seperti pihak polis dan JPJ membuat sekatan-sekatan, pengguna-pengguna selalunya dikenakan tindakan undang-undang bersabit dengan kesalahan ini.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mengadakan nombor plat yang seragam. Ini saya kemukakan kerana memandangkan ada di

kalangan negara-negara yang bersempadan dengan negara Malaysia dan juga di negara-negara yang maju menyediakan nombor plat yang seragam yang mana tidak akan berlaku kegunaan nombor-nombor plat yang boleh mengelirukan pihak-pihak yang berkuasa. Umpamanya di negara Thailand. Di negara Thailand kalau kita perhatikan, semua bentuk nombor plat adalah seragam dan saya percaya ini boleh dilakukan dengan adanya kuasa kepada pihak kerajaan ataupun kerajaan memulakan kuasa ini kepada pihak swasta supaya nombor-nombor plat kenderaan akan diseragamkan di masa hadapan. Ini rasa saya akan dapat menyelesaikan banyak masalah dari segi keselamatan jalan raya.

Berhubung kait dengan nombor seragam, kita difahamkan dengan akta yang baru ini pemunya mempunyai hak untuk mengadakan nombor peribadinya sendiri. Saya difahamkan buat masa sekarang, pihak pengguna boleh juga menentukan nombor-nombor peribadinya sendiri iaitu dengan cara sistem memasuk tender. Jadi sekarang, kalau saya ingin kepada nombor 99 untuk kegunaan peribadi saya, saya boleh masuk tender dengan pihak JPJ dan saya difahamkan tender ini akan mencapai ke angka yang puluh ribu dan penender yang mampu membayar harga yang tinggi akan mendapat nombor peribadi ini. Pada masa sekarang akan digunakan huruf peribadi, maknanya, kalau saya bernama Muthu, bolehlah saya menggunakan huruf MUTU dan

nama-nama pilihan saya. Adakah itu yang dimaksudkan nombor pilihan sendiri?

Saya juga ingin mengemukakan bagaimanakah penyelesaian akan dibuat kalaulah saya memilih nombor 99, Muthu memilih nombor 99, Lat menggunakan LAT 99, Chin menggunakan CHIN 99, jadi ini menentukan pilihan-pilihan peribadi sendiri. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah cara sepertimana yang di maklumkan tadi, pihak penguatkuasa mempunyai sistem-sistem untuk menentukan kaedah-kaedah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah yang dimaksudkan dengan angka yang disebutkan dalam fasal ini, mata demerit? Adakah kaedah-kaedah ini akan dapat membantu pihak JPJ dan pihak Polis dalam menyelesaikan masalah-masalah keselamatan jalanraya yang berlaku pada masa sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dua, tiga masalah yang seharusnya mendapat tindakan daripada pihak kerajaan, terutama sekali, buat masa sekarang kita selalu mendengar keselamatan jalanraya yang melibatkan kematian pelajar-pelajar yang menggunakan bas-bas sekolah yang sering berlaku. Saya mempercayai sesuatu boleh dikuatkuasa oleh pihak kerajaan terhadap bas-bas sekolah yang sangat berleluasa di jalan-jalan raya buat masa sekarang. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya bas-bas sekolah ini dipasang dengan lampu dan pihak konduktor bas mestilah

membimbing kanak-kanak semasa melintasi jalanraya dan lampu isyarat dipasang bagi membolehkan kenderaan yang datang dari sebelah depan dan di sebelah belakang berhenti semasa melintaskan kanak-kanak yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah. Ini saya percaya sedikit sebanyak akan menyelesaikan masalah-masalah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang penguatkuasaan JPJ semasa melakukan sesuatu pemeriksaan terhadap sesebuah kenderaan. Saya difahamkan kadangkala penipuan dibuat oleh pihak pemilik kenderaan sewaktu pemeriksaan kenderaan hendak dilakukan. Umpamanya, tayar-tayar ditukar semasa pemeriksaan atau tempat duduk ditukar semasa pemeriksaan, tetapi selepas pemeriksaan tayar itu ditukar semula kepada tayar yang lama dan kusyen atau tempat duduk itu ditukar kepada tempat duduk yang lama. Jadi, saya mengharapkan pihak JPJ atau pihak kerajaan haruslah mengambil tindakan yang bersesuaian supaya penipuan ini tidak akan berlaku kerana penipuan yang begini akan melibatkan bencana atau kemalangan yang lebih buruk lagi di atas jalan-jalan raya. Saya percaya, kadangkala pihak pegawai-pegawai JPJ sendiri tidak begitu prihatin di atas kerja-kerja atau tanggungjawab yang telah diberikan atau dipertanggungjawabkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Jadi, sesuatu patutlah dibuat oleh pihak

kerajaan supaya pegawai-pegawai yang berkenaan juga prihatin tentang keselamatan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita mendengar ada berlaku sesuatu yang tidak begitu baik di atas jalan raya, umpamanya lori-lori memuatkan muatan-muatan yang begitu berat di atas jalan raya dan ini melibatkan kemalangan dan juga kerosakan di jalan-jalan raya. Saya mengharapkan pihak pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab ini dengan begitu baik untuk keselamatan semua pihak di jalan raya.

Akhir sekali, saya juga ingin mencadangkan, sekarang kita mendapati berbagai angkara telah berlaku di jalanraya dan ini kadangkala melibatkan keselamatan pegawai-pegawai JPJ sendiri. Kita tidak menafikan kadangkala ada berlaku tembak-menembak, jadi, saya menyarankan supaya pihak kerajaan, pada masa yang tidak dapat ditentukan, akan dapat membekalkan senjata api kepada pegawai JPJ yang menjalankan tugas, khususnya, di waktu-waktu malam.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan kaedah pembayaran lesen-lesen kenderaan. Sekarang kita dimaklumkan atau kita ditentukan kaedah untuk kita membaharui lesen, sama ada satu tahun, dua tahun dan edahnya sampai 10 tahun. Adakah tidak boleh pihak kerajaan menyarankan supaya lesen seumur

hidup dapat diadakan untuk kemudahan semua pihak yang terlibat dengan penggunaan perkhidmatan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang dapat saya sarankan dan kemukakan kepada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Sarasa.

4.39 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996.

Peruntukan-peruntukan yang diperkenalkan di bawah pindaan rang undang-undang ini adalah perlu dan patut dikuatkuasakan secepat mungkin. Penggunaan jalan raya di negara ini, terutama di bandar-bandar utama adalah sangat pesat dan sering mengalami keadaan kesesakan, dengan izin, traffic jammed. Kadar kemalangan.....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri, minta berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat menurut peraturan yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Tuan Hanipah untuk mempengerusikan Majlis buat sementara.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Yang Berhormat.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Terima kasih. Kadar kemalangan juga bertambah pada kadar yang mengejutkan. Salah satu sebab utama yang menyebabkan kemalangan ini adalah kecuaiannya dan pengguna jalan raya yang lebih mementingkan diri sendiri daripada mengamalkan sikap tolak-

ansur dan bekerjasama di jalan raya. Kadar kes-kes kecuaiian ini adalah sangat tinggi di kalangan pemandu-pemandu baru yang kurang pengalaman, kecekapan dan latihan praktikal. Keadaan cuai ini juga sangat tinggi di kalangan pemandu-pemandu yang berusia sangat muda yang suka memandu dengan laju tetapi kurang berjaga-jaga semasa di jalan raya. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk lagi apabila mereka memandu kenderaan berat seperti lori atau memandu mana-mana kenderaan awam seperti teksi atau bas yang tidak sahaja membahayakan diri sendiri, tetapi banyak nyawa.

Peruntukan baru yang akan diperkenalkan di bawah rang undang-undang ini adalah satu langkah yang tepat untuk membanteras dan mengawal keadaan ini. Peruntukan di bawah fasal 19 yang meletakkan pemandu baru dalam tempoh percubaan 2 tahun, lesen memandu competent akan dapat membantu mengawal keadaan ini, kerana ini akan menyedarkan pemandu baru akan tanggungjawab yang lebih berat dan akan lebih mendisiplinkan cara memandu dalam masa percubaan. Dalam tempoh masa percubaan itu kita dapat mengenal pasti pemandu-pemandu yang mempunyai tendency untuk memandu secara bahaya dan mereka ini boleh dihilangkan kelayakan untuk mendapat lesen memandu yang penuh.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan untuk mengadakan penalti di bawah fasal 18 untuk menghilangkan kelayakan mendapat lesen memandu selama 12 bulan dapat menyedarkan banyak pemandu-pemandu kenderaan awam yang kurang disiplin di jalan raya, dan ia juga secara tidak langsung akan mengubah sikap pengguna jalan raya yang memandang remeh hukuman-hukuman atau denda atau ganti rugi yang dikenakan biasanya.

Selain daripada penalti-penalti, masyarakat juga mesti dididik dan disedarkan akan kepentingan jalan raya sebagai satu hak bersama, dan setiap pengguna jalan raya bertanggungjawab terhadap setiap tindakan mereka yang mungkin akan mengganggu pengguna lain. Lebih banyak kempen-kempen melalui media dan lain-lain cara mesti diadakan untuk menyampaikan mesej dan kesedaran ini. Dengan cara ini masalah-masalah seperti, dengan izin, road bully, dan perlumbaan haram, harap dapat dikurangkan.

Masalah road bully yang sangat hangat dibincangkan ini merupakan satu masalah yang telah lama wujud. Tetapi baru-baru ini ia telah menjadi lebih serius. Masalah ini dicadangkan diberi perhatian dan kementerian mesti mengkaji apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk

mengawal keadaan ini. Masalah road bully ini adalah satu masalah besar di negara-negara maju yang lain. Kita mesti mengawalinya sebelum ia tersebar luas. Dalam masalah ini adalah dicadangkan JPJ dapat bekerjasama dengan skuad gerakan polis dan polis hot-line yang dilancarkan baru-baru ini untuk memberikan bantuan segera kepada mangsa-mangsa road bully dan mengawal keadaan ini.

Peruntukan di bawah fasal 38 dengan memasukkan seksyen baru 117A, iaitu “penerimaan rekod sabitan dahulu dalam keterangan” sebagai bukti *prima-facie* adalah satu cara dan langkah yang sangat efektif dalam menangani dan mengawal mereka yang sering melakukan kesalahan yang sama, iaitu dengan izin, persistent offender. Sikap kebanyakan pesalah-pesalah yang memandang ringan dan yang beranggapan dapat selesaikan kesalahan seperti, dengan izin, speeding, dengan membayar denda sahaja dapat diatasi dan dikurangkan dengan cara ini. Adalah diharapkan dengan pembaharuan ini dan sistem rekod yang lebih kemas kini sekarang dapat mengubah sikap pengguna jalan raya dan dapat memperbaiki disiplin para pemandu di jalan raya kita.

Saya juga ingin sentuh perkara lori-lori pengangkutan yang berat yang masih dibawa dalam keadaan merbahaya seperti lori-lori yang mengangkut batang besi dan lain-lain. Ini membahayakan pengguna-pengguna jalan raya lain. Saya harap lebih perhatian diberi kepada pemandu-pemandu lori ini juga.

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mastika.

4.45 ptg.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk mengambil masa yang sedikit untuk membincangkan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996. Pertama, secara peribadi saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan saya bersyukur kerana akta ini dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita telah mendengar banyak kemalangan berlaku di negara kita. Kemalangan-kemalangan ini berlaku salah satu dari puncanya adalah disebabkan oleh pemandu-pemandu yang tidak memandu dengan berhati-hati dan juga tidak mengutamakan, tidak mengambil langkah-langkah keselamatan untuk menentukan supaya nyawa orang lain tidak terbang begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan perkara ini kerana bagi saya amat sedih. Banyak kemalangan-kemalangan yang berlaku, tetapi tindakan-tindakan tidak diambil dengan sewajarnya kepada pemandu-pemandu yang terlibat. Contohnya, pada tahun 1987, anak saudara saya sendiri telah mengalami kemalangan. Kes itu ditutup. Pada tahun 1994, sekali lagi salah seorang anak saudara saya juga meninggal, tetapi kes itu ditutup. Dan yang paling malang bagi saya, anak bongsu saya juga meninggal dalam kemalangan, kes itu ditutup. Saya bertanya kepada rakan Yang Berhormat di sebelah saya, Yang Berhormat Tuan Marimuthu, anak sulung beliau juga meninggal dalam kemalangan jalan raya, kes itu ditutup. Tidak ada tindakan diambil kepada pemandu dan juga tidak ada tindakan susulan yang diambil.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Puan Mastika, siapa yang tutup?

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, dalam soal kemalangan ini saya pun tidak pasti sama ada polis, saya kira polis dan ada kaitan mungkin dengan JPJ. Apa yang saya hendak sebutkan di sini, walaupun selama ini kita mengatakan bahawa banyak kemalangan-kemalangan yang berlaku, tetapi pernahkah kita kaji kemalangan yang berlaku yang meragut nyawa, apakah tindakan-tindakan yang telah pun diambil kepada pemandu-pemandu yang menyebabkan kemalangan. Saya rasa ini amat malang kerana nyawa yang terkorban bukanlah merupakan sesuatu yang tidak berharga. Nyawa yang terkorban adalah nyawa yang amat berharga, terutamanya kepada keluarga yang ditimpa kemalangan. Saya tidak tahulah, kalau saya ada tiga contoh yang saya sebutkan tadi yang amat berat saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat di sebelah saya pun, kes anak beliau pun tidak ada satu-satu tindakan diambil kepada pemandu. Ini sudah menunjukkan bahawa kelemahan dari segi peraturan, sistem ataupun saya pun tak tahu hendak sebut yang ada di negara kita.

Jadi, dengan sebab itu pada awalnya saya menyatakan bahawa saya bersyukur, secara peribadi saya berterima kasih kepada kementerian yang telah pun mengkaji keadaan ini dan hari ini di Dewan yang mulia ini kita membincangkan. Insya-Allah, kita akan meluluskan satu akta untuk menentukan supaya kematian-kematian, pembunuhan-pembunuhan yang secara tidak langsung berlaku di jalan raya ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat sikap pemandu, saya dapati bahawa pemandu di negara kita sikapnya agak ganas, dan keganasan ini dapat kita buktikan apabila kebelakangan ini ada pula timbul road bully. Saya pergi ke negara sempadan, contohnya di Thailand, di Bangkok, di Haadyai, kita dapati keadaan jalan raya di sana sibuk, sebagaimana jalan raya kita di sini. Tetapi pemandunya lebih berhemat. Pemandu di sana lebih berhati-hati. Saya tidak tahu sama ada sikap masyarakat di sana ataupun peraturan dan undang-undang yang menyebabkan mereka lebih berhati-hati berbanding dengan pemandu-pemandu kita di sini, terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya kira ramai orang yang boleh memandu tetapi apabila hendak membawa kenderaan di Kuala Lumpur ini, yang ada lesen sendiri pun kalau tidak biasa mungkin tidak berani memandu di Kuala Lumpur ini kerana kita dapati bahawa cara pemandu-pemandu kita sama ada disebabkan oleh stress dan sebagainya kita dapati, kita lihat kebanyakannya hendak cepat dan tidak mementingkan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini iaitu mengenai sekatan-sekatan jalan raya. Kita dapati sekatan-sekatan jalan raya kalau diadakan oleh pihak polis atau pihak JPJ pada waktu malam, lampu-lampu yang dibekalkan oleh jabatan-jabatan, sama ada jabatan polis atau JPJ tidak cukup terang untuk pemandu-pemandu dapat melihat daripada jauh. Mungkin ada setengah-setengah tempat terang tetapi kebanyakannya kita dapati lampu yang dibekalkan tidak memadai kerana kalau kita lihat di tempat-tempat lain di negara-negara lain, lampu-lampu yang dibekalkan untuk sekatan-sekatan jalan raya dapat dilihat dengan jelas, bukan satu batang lampu tetapi disediakan dua, tiga lampu supaya pemandu dapat melihat daripada jauh, tetapi di negara kita ini, kita dapati sekatan-sekatan yang dibuat pada waktu malam walaupun saya diberitahu belum lagi ada kemalangan yang berlaku, namun setiap kali kita lalu, saya kira ramai yang terfikir ataupun ramai yang bersungut, tidak sempat hendak tengok, tidak sempat hendak sedar, mengatakan ada sekatan jalan raya dan juga sekatan-sekatan jalan raya yang diadakan oleh JPJ. Saya hairan, sekatan-sekatan jalan raya yang diadakan oleh JPJ untuk menentukan muatan lori sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Seri tadi, kadang-kadang kita tengok JPJ mengadakan sekatan di sesuatu lokasi tetapi lori berderet di tepi jalan, tidur. Saya tidak tahu sama ada mereka ini kalau melakukan kesalahan jika kenderaan itu tidak berjalan bererti kita tidak dapat mengambil apa-apa

tindakan kepada lori-lori ini walaupun kita tahu bahawa mereka telah pun melakukan kesalahan. Apa yang dapat saya lihat setiap kali ada sekatan-sekatan jalan raya daripada JPJ, kita lihat lori-lori ini tersadai di tepi jalan, menunggu sehingga sekatan ini telah berakhir dan mereka akan meneruskan perjalanan mereka ke destinasi-destinasi yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian iaitu mengenai berita yang tersebar baru-baru ini, kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JPJ, Encik Pahmin Rejab, 190 kenderaan dikenalpasti tanpa cukai jalan dan kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM240 juta. Kita ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana perkara ini berlaku kerana mengikut laporan yang saya baca sebanyak 300 kereta persendirian, 55 buah motosikal, minta maaf, dianggarkan, anggaran yang disebutkan tadi adalah berpandukan kepada kiraan iaitu RM300 bagi kereta persendirian dan RM55 bagi motosikal dan RM3,500 bagi kenderaan-kenderaan yang membawa barang-barang persendirian dan adalah dianggarkan bahawa 10,000 kereta persendirian dan 114,000 motosikal, kalau saya tidak silap, dikatakan bahawa kenderaan-kenderaan ini tidak mempunyai cukai jalan.

Jadi, saya kira jika benarlah kenyataan ini, ada kebocoran, ada kelemahan-kelemahan dalam kita mengendalikan usaha-usaha kita untuk menentukan supaya perkara-perkara ini dapat dikawal dengan sebaik-baiknya. Saya tidak tahulah kalau tidak silap saya mendengar tadi bahawa hal-hal pelesenan dan hal-hal yang lain akan diswastakan. Saya cuba semak dalam rang undang-undang, mungkin saya tidak jumpa dalam rang undang-undang ini tetapi jika sekiranya perkara-perkara ini hendak diswastakan, adakah pihak kerajaan telah membuat kajian sewajarnya kerana kita bimbang apabila diswastakan nanti keadaan akan menjadi lebih buruk lagi, sebagaimana baru-baru ini bila kita kegelapan seluruh negara, kita mempersoalkan apa yang berlaku di dalam TNB dan sedangkan di dalam jabatan kerajaan sendiri kita ada Jabatan Bekalan Elektrik yang saya rasa tidak pernah disebutkan sebagai badan yang mengawal tetapi walaupun kita ada Jabatan Bekalan Elektrik di bawah kerajaan tetapi Jabatan Bekalan Elektrik ini nampaknya tidak lagi mampu kerana ia mungkin terlalu kecil, kerana swasta telah menjadi begitu besar, kerana swasta mempunyai kemampuan dan keupayaan yang jauh lebih mampu daripada jabatan ini, jadi saya merasa sedikit kebimbangan jika sekiranya perkara ini benar-benar ingin diswastakan. Walaupun kita mempunyai jabatan dan agensi di bawah

kerajaan, adakah nanti kita mampu mengawal supaya penyelewengan-penyelewengan yang pernah berlaku tidak akan berlaku jika perkara-perkara ini diswastakan.

Satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini iaitu cukai jalan. Didapati 169 kes dikenalpasti pemalsuan cukai jalan. Perkara-perkara ini berlaku di semua negeri kecuali Perlis, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah. Ini daripada bacaan saya, bermakna kes-kes pemalsuan cukai jalan ini berlaku di merata-rata tempat dan saya berterima kasihlah kepada pihak kementerian dan juga kepada pihak JPJ di Kuala Lumpur kerana Perlis disebutkan sebagai negeri yang terkecuali daripada fenomena ini dan kita mengucapkan tahniah juga kepada JPJ negeri Perlis kerana mereka telah pun dianugerahkan khidmat cemerlang. Ini saya rasa satu pencapaian yang baik kepada JPJ dan saya kira ada hubungkait dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Berbanding dengan masa yang lalu, kita selalu sahaja mengeluarkan rasa tidak puas hati kepada perkhidmatan-perkhidmatan dan queue yang begitu panjang di JPJ, tetapi apa yang berlaku mengikut pengalaman saya, misalnya di Perlis semasa mereka tidak disediakan kemudahan dan juga tidak disediakan bangunan yang sesuai keadaan kesesakan ini berlaku. Hari ini JPJ Perlis mempunyai satu kawasan yang begitu luas, cukup dengan kompleks pentadbirannya, dengan kaunter servis dan juga cukup dengan tempat-tempat untuk mengadakan ujian untuk memandu. Satu kompleks dan satu kawasan yang begitu luas diberikan dan mereka telah menunjukkan kemampuan dan kebolehan sehingga mereka telah diberi khidmat cemerlang. Saya kira ini boleh diambil contoh supaya kita jangan sahaja mempersoalkan pegawai-pegawai kita tetapi memikirkan keperluan dan kemudahan kepada mereka.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan dalam Dewan ini terutamanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam sesi-sesi yang lalu, saya pernah bertanyakan kepada Yang Berhormat mengenai kemudahan-kemudahan keretapi untuk Ahli-ahli Parlimen. Saya berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kemudahan keretapi kelas satu pada Ahli Parlimen dan juga spouse ataupun pasangan telah diberikan oleh kementerian mengikut apa yang saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kalau ada sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mendapat perkhidmatan, sila maklumkan.

Saya ingin maklumkan di Dewan ini dan juga untuk kebaikan kita bersamalah. Sebenarnya kereta api setahu saya belum lagi memberikan perkhidmatan ini dan amat malang kita melihatkan

bahawa perkhidmatan kaunter kita. Kaunter adalah front service, dengan izin, iaitu memberi layanan yang utama kepada pelanggan. Saya dapati bahawa layanan-layanan pegawai-pegawai kita di kereta api begitu tidak memuaskan. Saya tidak menyalahkan mereka kerana mungkin kereta api ini tidak untung.

Mereka ini depressed, kemungkinan kerana apabila saya pergi ke stesen kereta api tunjuk kad Ahli Parlimen, saya dimaklumkan telah dapat kad yang baru. Bila saya pergi tunjuk kad yang baru, macam-macam alasan diberi dan nampaknya mereka tidak suka kepada Ahli-ahli Parlimen, cuma yang dapat saya jelaskan di sini untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dimaklumkan pegawai-pegawai ada yang terpaksa membayar. Dia isu tiket kepada Ahli Parlimen tetapi saya tak tahu bagaimana Parlimen tidak dapat menjelaskan. Pihak kereta api mengenakan bayaran kepada kerani-kerani yang isu tiket kepada Ahli-ahli Parlimen.

Ini saya tak tahulah macam mana perkara ini boleh berlaku dan menimbulkan satu komplikasi dan menimbulkan satu imej yang tidak baik. Saya pun bila sudah pergi ke stesen kereta api memikirkan perkara ini adalah untuk kepentingan bersama demi untuk kebaikan semua pihak, saya fikir kereta api juga harus mengkaji untuk mempertingkatkan perkhidmatan mereka sebaik-baiknya dan saya yakin dan percaya di atas budi baik, kita tahu Timbalan Menteri kita ini memang orang yang baik, insya-Allah, apa yang dikatakan itu akan dikota, insya-Allah, cuma ini masalah pentadbiran sebenarnya. *[Ketawa]*

Satu lagi dari segi pengangkutan ini sementara Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ada di sini, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai MAS. Walaupun MAS telah memberikan perkhidmatan yang begitu baik, terpuji sama ada dalam negeri dan juga di luar negeri tetapi kita lihat tambang masih lebih mahal daripada perkhidmatan kapal terbang yang lain. Jadi, adakah MAS tidak memulakan langkah untuk masuk ke dalam arena perkhidmatan yang lebih kompetitif? Dalam soal ini, saya kira kalau perbandingan-perbandingan dapat kita buat, mungkin kajian saya ini agak silap, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh betulkan nanti, bahawa saya dapati tambang yang dikenakan oleh MAS agak mahal berbanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan kapal terbang yang lain, bukan dalam negeri - keluar negeri.

Jadi, itulah sahaja yang dapat saya kemukakan di dalam membahaskan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah, terima kasih kepada pihak kementerian yang telah pun memandang serius kepada masalah-masalah yang dihadapi mengenai pengangkutan dan juga mengambil langkah-langkah supaya kemalangan-kemalangan yang berlaku, pemandu-pemandu yang ada di negara kita dapat memandu dengan berhemat.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan dengan itu saya juga turut menyokong Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

5.04 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun pada petang ini mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996.

Kita telah mendengar pelbagai hujah yang telah diutarakan oleh rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini dan saya juga berterima kasih dan mengucapkan syabas kepada kementerian yang mana telah menyediakan dan meminda undang-undang yang ada bersangkutan dengan pengangkutan jalan.

Sebagaimana yang telah disebutkan tadi oleh rakan kita, bahawa seksyen 19 ini menentukan tempoh iaitu dua tahun iaitu 24 bulan, barulah lesen ini dianggap sah ataupun kekal. Di samping itu juga, kementerian harus mengambil kira, kadangkala di samping kita lihat yang lain kita terlupa, di kalangan kita ini kadang-kadang ada juga sakit jiwa, yang sakit jiwa ini juga

perlu diambil kira. Kadang-kadang ada juga orang yang sakit jiwa yang dapat lesen. Dia bawa motor masuk kampung, haru biru naik kampung. Jadi, saya rasa minta kementerian supaya memastikan perkara ini tidak akan berlaku. Perkara ini pernah saya lihat berlaku. Tetapi cuma, kadang-kadang kita lihat mereka itu normal dan biasa dan dia pergi ke JPJ memohon lesen dan dia pergi ujian dia lulus tetapi dia ada masalah sakit jiwa yang tidak diketahui oleh Pegawai JPJ.

Saya rasa ada baiknya kita mengkaji ke arah itu juga kerana dalam menangani masalah-masalah ini saya rasakan kita manusia ini banyak bentuk sakit jiwanya, bukan satu sakit jiwa. Gila ini banyak perkara gila, ada 999 macam gila ada. Gila yang tersenyum sahaja pun gila juga, yang termenung itu pun gila juga, yang lari laju itu pun gila juga. Ini saya jelaskan kerana yang mempunyai lesen yang baru ini, anak-anak kita yang berumur 18 hingga 25 tahun kebanyakan. Majority, dengan izin, adalah umur yang bawahan bukanlah yang berumur 40 atau 50 tahun dan sebagainya.

Mereka ini perlu dibawa berunding kadangkala, jangan kita letakkan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya, pihak JPJ, kita juga selaku orang awam biasanya kita juga berhak dan bertanggungjawab menentukan perkara ini tidak berlaku. Kalau tidak ada collective responsible di kalangan rakyat kita, perkara ini tidak dapat dimansuhkan, tidak dapat dibasmi. Majlis Keselamatan Jalan Raya meletak poster dengan gambar orang pakai kerusi

roda, kaki yang kudung sebelah, dia lihat sahaja, dia tengok dia senyum sahaja, sementara itu dia laju juga.

Saya pernah satu kali, ini adalah satu contoh yang saya rasa baik, apabila anak-anak muda di tempat sayalah, di kawasan Gopeng sana, saya lihat laju sahaja satu malam saya panggil mereka. Saya kata: “Saya hendak jumpa semua ini”. Saya kenal, dia orang tidak boleh lari, saya panggil, saya kumpulkan dekat satu restoran, saya cakap: “Macam inilah, saya hendak anjurkan perlumbaan laju ini. Kamu semua hari-hari hendak buat, saya pun berasa seronok juga.” saya kata. Mereka setuju, mereka kata: “Yang Berhormat, hendak anjurkan, kita mahulah, malam bila?” Kata mereka. “Malam minggu ini”, saya kata. Saya buat satu poster, saya bubuh hadiah di situ. Hadiah yang ketiga adalah tongkat patah. Hadiah yang kedua, kerusi roda. Hadiah yang pertama, batu nesan dengan kain kapan sekali - complete!

Jadi, apabila saya sampai pada malam itu, saya pun beri seorang sehelai. “Oh, kalau macam ini Yang Berhormat tak boleh jadilah, nombor satu batu nesan!” “Habis, yang nombor satu hendak apa?” Saya kata: “Nombor satu, batu nesan”. Sejak itu, kawasan itu aman, tetapi timbul pula di sebelah lain.

Tetapi sekurang-kurangnya dapat saya mendekati mereka ini dan saya nasihatkan supaya jangan bawa laju, bukanlah masalah saya hendak beri batu nesan, bukanlah masalah saya hendak beri kerusi roda kepada anak-anak ini,

saya kata, masalahnya setiap malam yang laju ini race ini buat apa? Apa faedahnya? Kalau hendak ramai, saya kata pergi ke Batu Tiga Shah Alam, anjurkan oleh kelab-kelab lumba, lumbalah!

Dengan kesan itu, saya rasa pendekatan kita dengan anak-anak, dengan anak-anak saudara kita, kita berbincang supaya mereka itu tidak laju dan nasihatkan mereka. Kalau kita mengharapkan polis sahaja atau polis trafik atau JPJ sahaja, saya rasa benda ini tidak akan terhapus, terutamanya kaum bapa ini tidak pula kita membenarkan anak-anak ini bawa laju, tetapi tanggungjawab kaum bapa juga dan kaum ibu harus memainkan peranan penting kerana anak-anak ini apabila diberi motor mereka lupa daratan bahawa mereka itu di atas motor.

Lagi satu mengenai stesen timbang ini. Saya hendak membuat teguran sedikit Dato' Timbalan Menteri bahawa, stesen timbang ini kadangkala bukan semua, kadangkala saya perhatikan dengan saya mereka tidak boleh tipu. Saya lihat stesen timbang di Gerik, sempadan Lebu Raya Timur/Barat dan juga stesen timbang Bukit Bunga di Kelantan dekat Jeli. Lori kayu ini selalunya bawa 10 meter kiub sahaja, itu anggaran pengangkutan merekalah, fasal hendak timbang dalam hutan mereka tidak boleh timbang. Jadi, mereka bawa 10 meter kiub kayu. Tetapi ada pula lori yang special, yang saiznya sama, yang kemampuannya sama bawa sampai 15 meter kiub, bila dia singgah sahaja dekat warung di Gerik itu, saya pun minum di situ sama, saya tanya pemandu:

“Kenapa boleh bawa 15 meter kiub?” Dia kata: “Bulan-bulan ada kiralah!”. Yang ini harus diambil perhatian yang bulan-bulan ada kira ini Dato’. Kita buat jambatan timbang bukan buat untuk perhiasan atau sebagai tontonan akan tetapi menentukan muatan kenderaan yang berkenaan tidak melebihi sukatan.

Ini berlaku, kalau tak percaya, kita boleh lihat, duduk di gerai minuman itu, di antara persimpangan jalan Gerik ke Lebu Raya Timur/Barat. Kita lihat pebezaan di antara satu lori dengan satu lori terlalu berbeza.

Jadi, saya rasakan perkara ini berlaku bukanlah kita menuduh melulu, tetapi perkara ini saya lihat bukan sekali, boleh dikatakan tiap-tiap hari berlaku. Itu sebabnya kalau saya pergi ke Timur-Barat atau ke Pantai Timur saya selalu bertembung dengan lori yang muatannya berlebihan. Itulah yang disungutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, memang di atas jalan raya di antara Pulau Pinang-Ipoh-Kuala Lumpur juga berlaku, meski pun dekat dengan Sungai Bakap, ada satu jambatan timbang, tetapi tidak memberikan kesan langsung. Walaupun ada 10 jambatan timbang, tetapi amat meragukan. Saya rasa pihak pengangkutan jalan harus peka terhadap perkara ini, kalau tidak tutup sahaja jambatan timbang itu, tidak perlu digunakan. Kalau yang masuk itu macam tidak bertimbang, beratnya lebih daripada yang bertimbang, jadi buat apa? Saya rasa perkara itu perlu perhatian dari Kementerian Pengangkutan untuk menentukan bahawa jalan kita mempunyai keselamatan

dan penyelesaian untuk digunakan oleh segenap pengguna. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana membentangkan rang undang-undang ini. Sekarang ini kita dapati ramai rakyat mati akibat kemalangan jalan raya lebih banyak daripada mati disebabkan penyakit dan berperang, di Malaysia khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memang baik dan memang kita nampak lengkap sekali, tetapi apa yang saya ingin ingatkan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan iaitu dari segi hendak swastakan bahagian-bahagian tertentu ini, dari segi hendak mendapatkan nombor pendaftaran peribadi khas dari segi kemudahan-kemudahan lain. Kita kena sedar bahawa apa juga undang-undang yang kita buat adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai dan hendak menjaga keselamatan, ketenteraman bukan hendak menyulitkan orang, bukan dengan tujuan hendak mendapat keuntungan yang banyak. Kalau itu matlamatnya,

maka saya rasa apa yang kerajaan buat ini sia-sia sahaja kita bawa dalam Dewan ini.

Oleh sebab itu, bahagian-bahagian yang hendak diswastakan itu terutama sekali pendaftaran nombor-nombor peribadi ini, kerajaan harus mempunyai satu panduan, ada ceiling. Kalau tidak nombor-nombor yang elok ini mungkin orang biasa pun berminat, tidak dapat kepada orang-orang biasa, akan dapat kepada orang-orang yang kaya, mungkin taukeh-taukeh yang kaya mendapat nombor 8, nombor 99, nombor 2, nombor 5, orang itu yang bolot, tengok kereta di rumahnya itu nombor elok-elok. Orang lain pula dapat nombor 4, nombor 0, nombor 1, nombor orang tidak mahu. Ini perlu diingatkan sebab orang lain pun mempunyai keinginan dan kemahuan sama dengan orang yang mampu. Oleh sebab itu, tidak ada guna kita membuat undang-undang yang memihak kepada orang yang

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Nawi: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, ada Yang Berhormat hendak minta laluan.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kacau pula!

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, bukan kacau, saya hendak bertanya apakah nombor kereta Yang Berhormat? Itu sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, nombor kereta saya RC 5588. Nombor itu semasa saya menjadi Setiausaha Politik, saya pun masuk tender, minta kebenaran - orang tidak ambil, maka saya dapatlah, nombor itu tidak berapa elok sangat - satu, itu sahaja. Orang lain ada nombor yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, seperti nombor 8, nombor 9, nombor 88, nombor 99 - banyak kereta. Ini yang saya sebut, kita bimbang bila diswastakan nanti dia akan berlaku perkara itu, sebab bila swasta, dibenar tender, maknanya orang yang ada duit boleh, ada kemampuan dia boleh masuk tender dan mungkin bila diswastakan nanti, kalau kita tidak ada ceiling, tidak had atau tidak buat peraturan, orang yang sanggup bayar RM100,000 atau RM200,000 orang itu yang berpeluang. Tetapi orang biasa siapa yang sanggup. Perlu ada ceiling, katakan tender nombor ini ataupun bagaimana caranya supaya orang lain pun boleh juga minta nombor itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah bersangkutan dengan lesen kenderaan, untuk membaharui lesen, bukan Lesen Memandu. Lesen Memandu sekarang ini kita sudah ubah istilahnya daripada 'Lesen Memandu' menjadi 'Lesen Belajar Memandu', 'Lesen Memandu Percubaan', dan 'Pendaftar Berlesen' - ini istilah. Lesen Memandu biasanya apabila kita lulus tidak ada dalam tempoh percubaan, itu had Lesen Memandu sepenuh masalah. Jadi, apa yang saya hendak sebut ini, kalau boleh road tax kereta itu, kalau lesen kita boleh baharui 2 tahun, 3 tahun, mengapa road tax ini pun kita tidak

cari jalan supaya dia boleh diperbaharui 2 tahun. Ini kita boleh elak daripada kena queue di pejabat ini.

Saya tengok sekarang ini diperbaharui 1 tahun 6 bulan, selepas itu insurans pun banyak kerja juga. Kalau kita boleh perbaharui road tax 2 atau 3 tahun, dengan kerajaan menggalakkan dia boleh kurang, kalau dia perbaharui 2 tahun, kalau setahun dia kena bayar RM250.00, jika dia perbaharui 2 tahun, mungkin dia bayar RM450, dia beri subsidi. Dengan cara ini, kerajaan boleh mengutip duit banyak, kurang masalah, rakyat pun suka, tidak payah pergi kerap berulang kepada JPJ. Jadi, pihak kementerian haruslah memberikan perhatian kepada apa yang saya sarankan ini, road tax itu dia boleh perbaharui 2 tahun atau 3 tahun.

Saya percaya penuh ramai orang yang menggunakan kenderaan ini, dia berminat hendak membaharui banyak tahun supaya dia tidak berulang pergi banyak kali dan dari segi ini juga, insurans boleh kita ambil kira, bagaimana hendak bayar premium untuk 2 atau 3 tahun.

Kemudian saya juga ingin menyebut berkenaan dengan kemalangan. Sekarang ini kalau kita tengok perangkaan, orang yang terlibat dengan kamalangan di jalan raya di jalan biasa, lebih banyak daripada kemalangan di lebuhraya. Ini adalah suatu hakikat yang pihak kerajaan tidak boleh nafikan, dan kemalangan yang menyebabkan kematian pun banyak berlaku di jalan biasa bukan di lebuhraya.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menimbang semula had laju di lebuhraya. Saya telah berkali-kali bercakap, saya tidak tahu apa rasionalnya, apa sebab kerajaan tidak boleh timbang had laju di lebuhraya. Tujuan kita membuat lebuhraya ialah hendak memberi keselesaan, kita boleh pergi dengan lebih laju lagi. Kalau kita hadkan had laju macam itu, lama kelamaan lebuhraya pun akan jadi 'jam'. Kereta semakin bertambah banyak, bila kita jumpa polis buat road block, semua orang slow, bila slow nampak kereta berduyun-duyun jadi 'jam'. Habis sahaja tempat road block, orang lari balik semula, ini adalah perkara sia-sia sahaja.

Saya sudah berkali-kali sebut, tak bolehkah kerajaan kaji balik supaya menaikkan had laju di lebuhraya, sebab di lebuhraya jarang berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian. Berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian ialah di jalan biasa, sebab jalan biasa ini bukan disebabkan lari laju, sebab orang memandu dengan cuai ataupun dengan keadaan mabuk ataupun kenderaan itu sendiri. Ini satu hal yang perlu diberi perhatian.

Mengenai keistimewaan yang diberi kepada wakil rakyat-wakil rakyat, Ahli Yang Berhormat, kadang-kadang bila berlaku road block, kita yang dalam keadaan laju hendak pergi mesyuarat ini, terpaksa laju juga, selepas itu ditahan, pun kena ambil rekod, kadang-kadang kena bayar juga kompaun, jadi

kita tidaklah boleh. Saya tahu keadaan dilema bagi pihak polis, kalau polis hendak lepas, orang ramai mungkin akan kompelin. Inipun perlu dicari jalan supaya orang-orang yang tertentu ini boleh menggunakan jalan dengan keadaan yang lebih selesa.

Saya juga ingin mengingatkan kerajaan terutama JPJ supaya mereka ini hendaklah menjalankan penguatkuasaan dengan berkesan. Kalau sekiranya kurang pegawai - dahulu saya pernah dengar kerajaan beri kuasa kepada orang yang dalam kumpulan A. Sekarang ini ada banyak wakil rakyat, Ahli Parlimen dan Senator. Beri satu kad authority yang kita ini berkuasa, mana-mana ada road bullies, samseng, memandu dalam keadaan yang merbahaya, kita berkuasa tahan, bawa keluar kad itu, kita catat nama, rekod, boleh dikompelin. Kalau buat undang-undang sahaja, tidak ada pegawai, tidak cukup hendak buat tindakan penguatkuasaan. Mengapa kita tidak gunakan, orang-orang yang saya sebut tadi, tiap-tiap negeri ada di seluruh negara.

Kalau dahulu pernah diperkatakan orang Kumpulan A boleh bertindak, sekarang ini perluaskan bagi wakil-wakil rakyat, Ahli Parlimen, Senator. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu buat pun tidak apalah, Menteri tidak mahu buat tidak apalah, tetapi dengan cara itu saya rasa penguatkuasaan apa juga undang-undang, kalau penguatkuasaan tidak boleh berjalan dengan baik, buat undang-undang sahajalah. Di Singapura perkara ini boleh buat, di Siam boleh buat, kemudian dari segi hendak hukum, saya

syorkan supaya kita ikut cara di Arab Saudi dengan di negara Thailand. Mereka menghukum mengikut kecil besar kenderaan. Kalau lori dia berlaga dengan kereta dihukum lori itu - hak besar, begitu juga bas dengan motosikal, macam itu juga. Jadi, orang yang menunggang motosikal ini dia cuma memandu dengan merbahaya sahaja dalam keadaan macam itu. Tetapi kalau berlaku kemalangan, kita mesti mengambil tindakan berdasarkan kenderaan itu, kalau buat macam itu saya percaya kita boleh kurangkan kemalangan.

Satu lagi mengenai saiz kenderaan. Saya tengok kadang-kadang bila membina lebuhraya, perbesarkan jalan, kereta pun makin besar, lori makin besar, makin panjang. Jadi, saya tidak tahu sama ada undang-undang, tetapi saya percaya ada undang-undang bersangkutan dengan saiz dan berat kenderaan ini. Tetapi sejauh mana penguatkuasaan itu dibuat dengan cara betul dan berkesan - saya tidak pasti. Yang saya nampak lori makin besar, makin panjang, bas pun begitu juga, dibuat makin besar, makin panjang, lama-lama orang yang menunggang motosikal, pejalan kaki dan penunggang basikal - pas ketepi. Bila bas lalu, mereka terpaksa beringat-ingat, kadang-kadang kena berhenti dahulu. Ini satu hal yang perlu diberi perhatian kecuali kalau kita ada jalan khas, untuk lori ada jalan tertentu, untuk kereta ada jalan tertentu, untuk penunggang basikal ada jalan tertentu begitu juga untuk motosikal - tidak apalah. Ini jalan itu juga orang menunggang motosikal guna, lebuhraya itu ada line, tetapi kadang-kadang orang tidak pasti guna.

Satu lagi kita nampak, ada juga pemandu-pemandu yang masih lagi tidak faham, bila dia memandu cara perlahan dia masih lagi duduk di sebelah kanan, dia tak pergi ke sebelah kiri. Kita ikut di belakang dia, beri lampu apa semua pun dia 'dok ghalit' kadang-kadang sama-sama dengan perempuan pula, maaf cakap, dia duduk romance. Dok ghalit asyik bersembang, kadang-kadang kita beri lampu, kalau kita beri horn dia beralih seolah-olah hendak marah pula.

Jadi, kalau kita beri kuasa kepada orang tertentu boleh kita saman ambil nama dia, nombor kereta dia, boleh pi ke JPJ keluarkan notis, saman macam itu, mungkin orang akan sedar. Tetapi kalau keadaan kita hendak mengharapkan masyarakat ini akan terima lebih civic minded, saya rasa dalam keadaan pembangunan sekarang ini, orang lebih berminat untuk hendak pentingkan diri dia dahulu, lepas itu baru dia fikir. Bila berlaku kemalangan, waktu itu baru hendak sedar. Selepas sebulan, dua minggu dia balik semula dalam keadaan biasa.

Saya ingin menyebut berkenaan dengan kuasa ketua pengarah. Kalau undang-undang ini memberi kuasa kepada pegawai ataupun ketua pengarah untuk hendak membatalkan lesen, kita jangan berlaku zalim ataupun keadaan tak adil. Kalau kita benarkan orang itu membatalkan, kita harus ada satu jalan kuasa untuk menerima rayuan. Kadang-kadang bila batal, orang ini kadang-kadang dia ada lesen, ada satu kemudahan bagi dia untuk hendak cari makan.

Tetapi bila tindakan batal dengan tidak dibawa ke mahkamah, tidak pergi bicara, kita tidak tahu apa sebab-sebabnya, makna kata mungkin kita melakukan satu kezaliman bagi dia. Kementerian kena tubuh satu jawatankuasa rayuan supaya orang yang dibatal dengan cara begini sekurang-kurangnya dia boleh membuat rayuan. Sebab kita tahu semua orang yang minta lesen memandu ini, beli kenderaan ini dia hendak guna untuk kemudahan dia sama ada dia hendak pergi berniaga, dari segi kemudahan pengangkutan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kementerian kena ambil kira kalau beri kuasa boleh membatalkan, dia juga mesti ada satu mekanisme boleh menimbangkan rayuan bagi pihak yang dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, bersangkutan dengan kerjasama di pihak agensi ini, pihak polis, pihak JPJ dan pihak-pihak lain. Kita baru sahaja mendengar Menteri Kerja Raya mengumumkan tol sudah hendak naik, yang tak kena bas dengan teksi. Kereta-kereta lain hak persendirian semua kena. Dia naik berperingkat-peringkat tahun 1996 ditambah lagi 3 point berapa sen, lepas itu 1997 naik lagi, 1998 naik lagi.

Saya percaya penuh bila naik tol ini maknanya kadang-kadang kita kena bayar tol lebih mahal daripada minyak bagi kereta-kereta yang 1,000 c.c. ke bawah. Ini bermakna akan menimbulkan beban kepada kerajaan dan saya tak tahu, kita tak tahulah kesan-kesan sampingan lain, harga-harga barangan

lain. Saya rasa nak naik itu tidak mengapalah. Tetapi kadang-kadang kalau diswasta kemudahan, keselesaan perkhidmatan yang diberi di lebuhraya itu macam yang saya sebutkan dahulu, ia tidak diambil kira sama dan mentang-mentang kita swasta, kita pertimbangkan dari segi hendak maintain kos, dia hendak jaga itu sahaja tetapi kepentingan awam tidak diambil kira, tidak diberi keutamaan. Saya rasa kemungkinan kita tidak berjaya melaksanakan pentadbiran untuk memberi kebajikan kepada rakyat.

Oleh sebab itu, kita berharap pihak kerajaan, pihak JPJ khasnya supaya mencari jalan perkara-perkara yang melibatkan beban kepada rakyat ini diberi pertimbangan yang sewajar-wajarnya dan kebajikan, keselesaan dari segi penggunaan jalan raya harus diberi perhatian juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Frankie Chong.

5.25 ptg.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil bahagian secara perbincangan dengan panjang oleh kerana kita mempunyai dua rang undang-undang lagi untuk dibahaskan pada petang ini.

Saya akan terus khusus kepada dua perkara untuk perhatian kepada Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian kepada kementerian dalam hal lori-lori yang mengangkat barangan ataupun kayu gergaji yang berlebihan khususnya di kawasan pendalaman Sabah di mana jalan terutama sekali jalan utama daripada Keningau ke Kota Kinabalu yang melalui Jalan Tambunan. Kita sedia maklum bahawa di pendalaman Sabah khususnya di Keningau kita mempunyai 60 buah kilang papan dan setiap hari tidak kurang daripada beratus-ratus buah lori akan melalui Jalan Keningau ke Kota Kinabalu.

Setiap kali jalan raya ini kalau kita lalui, kita akan melihat bahawa lori-lori yang mengangkat kayu-kayu gergaji ini selalunya memang mengangkat dengan berlebihan ataupun overloading, dengan izin, dan walaupun baru-baru ini satu jambatan timbang berat ataupun weighing bridge, dengan izin, telah dibina tetapi masih lagi kita lihat kebanyakannya lori-lori ini masih mengangkat kayu-kayu ini berlebihan.

Jadi, saya ingin membawa perhatian kepada pihak kementerian supaya melihat masalah ini oleh kerana lori-lori yang mengangkat kayu yang berlebihan ini bukan sahaja merosakkan jalan raya tetapi sudah tentu akan merugikan pihak kerajaan dan juga para pengguna, di mana jalan-jalan ini sering kali menghadapi kerosakan berlubang-lubang dan apabila kita merujuk kepada pihak JKR untuk membuat pembaikan jalan, kita terpaksa menunggu

tiga bulan kadang-kadang enam bulan, kadang-kadang setahun untuk membuat suatu pembaikan jalan.

Maka dengan itu sudah tentunya akan memberi masalah kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain terutama sekali kenderaan-kenderaan kecil yang menggunakan jalan raya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga melihat pada masa ini selain daripada lori-lori yang besar ini, yang mempunyai sepuluh roda, saya tidak tahu berapa tan lori ini dan kemudiannya diubahsuai sehingga 18 roda. Kalau di Sabah untuk mengubahsuai lori ini memang canggihlah, bukan itu sahaja di Sabah kita juga pernah dengar bahawa budak-budak kampung juga boleh membuat senapang patah yang dipanggil 'pekakup' dan ini kenderaan lori yang sedemikian yang telah diubahsuai dengan roda sampai 18 roda yang begitu panjang sekali.

Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah sukatan yang sesuai ataupun yang mengikut undang-undang boleh diubahsuai.

Oleh kerana kalau kita lihat Jalan Keningau ke Kota Kinabalu adalah satu jalan yang berbukit bukau melalui crooker-range dan berbelok-belok, lebih teruk daripada jalan ke Genting Highland dan oleh kerana itu sekiranya lori-lori ini begitu panjang sekali sudah tentu sekali, setiap kali berjumpa dengan kenderaan kecil, maka kenderaan-kenderaan yang kecil terpaksa ke tepi jalan sehingga ada juga kemalangan-kemalangan jalan raya di mana

kenderaan kecil terpaksa jatuh ke dalam longkang. Jadi, ini saya minta perhatian daripada pihak kementerian supaya mengkaji sama ada pengubahsuaian kenderaan ini mengikut peraturan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya ialah mengenai dengan jalan-jalan raya di Sabah. Mengikut statistik dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya melihat bahawa di Sabah, jalan-jalan raya yang berturap cuma 35% sahaja jika dibandingkan dengan Sarawak lebih kurang 53% telah berturap dan di Semenanjung Malaysia paling rendah - 80% dan di Wilayah Persekutuan tentu sekali mencapai 100%.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan ini oleh kerana ini bukan sahaja menjadi masalah kepada pengguna, tetapi apabila kerajaan, semasa mengutip cukai jalan, akan dipersoalkan kepada pihak kerajaan - di manakah keadilannya bahawa kita di Sabah menggunakan jalan raya yang tidak berturap? Apabila jalan raya tidak berturap, bererti kenderaan-kenderaan di situ terpaksa menanggung risiko kerosakan yang lebih tinggi, dengan izin, wear and tear, dan kadangkala kalau berjalan di jalan yang berbatu kelikir, maka, kadangkala juga menghadapi pecah cermin dan sebagainya.

Kalau kita datang ke Sabah, kita boleh melihat - Yang Berhormat Timbalan Menteri telah banyak kali ke Sabah dan pernah ke pedalaman dan beliau telah melihat bahawa kenderaan-kenderaan di Sabah, kebanyakannya orang-orang yang menggunakan kereta empat roda. Maksud saya four-wheel

drive yang terdiri daripada Trooper, Pajero, Land Cruiser dan sebagainya. Ini bukanlah satu keistimewaan (it is not a privilege), tetapi satu keperluan. Oleh kerana jalan tidak baik maka mereka terpaksa membeli kenderaan yang lebih besar untuk mengusahakan kehidupan seharian mereka. Jadi, dalam hal itu saya minta penjelasan daripada pihak kementerian sama ada kementerian akan memikirkan supaya cukai-cukai jalan di Sabah boleh direview, dengan izin, dikurangkan memandangkan jalan-jalan di Sabah masih di tahap yang begitu rendah sekali dan di samping itu saya ingin meminta kepada pihak kementerian supaya di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini dapat meningkatkan lagi peningkatan atau pun menaikkan taraf jalan-jalan di Sabah supaya dapat diturap jalan-jalan utama yang kebanyakannya pada masa ini masih lagi dalam keadaan yang tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu, saya tidak akan berucap dengan panjang lebar lagi dan saya menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput pihak Menteri menjawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan rang undang-undang ini dengan panjang dan telah

mengemukakan banyak pandangan-pandangan yang membina. Di atas keprihatinan yang diberi, kementerian mengucapkan setinggi terima kasih.

Saya ingin menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan, pertama daripada Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee yang mengemukakan pandangan supaya jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan hendaklah memberi kerjasama kepada kempen-kempen keselamatan jalan raya. Saya suka menjelaskan bahawa memang kerjasama sebegini telah pun diperolehi daripada agensi-agensi kerajaan sama ada di bawah Kementerian Pengangkutan seperti JPJ dan juga agensi-agensi lain seperti pihak Polis di bawah Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya dan juga agensi-agensi yang lain, misalnya, Majlis-majlis Daerah dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Bagaimanapun, usaha-usaha untuk memperbaiki ataupun memperkuatkan lagi kerjasama ini adalah sentiasa berlaku walaupun kita merasa puas hati dengan kerjasama yang telah ada pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee juga telah membangkitkan jumlah kemalangan jalan raya bagi tempoh 6 bulan untuk tahun 1996. Saya suka memaklumkan bahawa walaupun kita berusaha untuk mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya, tetapi jumlah kemalangan dan kematian di negara kita nampaknya terus meningkat. Walaupun pada tahun 1989 angka kematian telah diputuskan oleh kabinet untuk diturunkan sebanyak

30%, iaitu 3,089 pada tahun 1989 adalah kurang 30% pada tahun 2000, tetapi jumlahnya terus meningkat lebih kurang 10% pada setiap tahun. Ini adalah kerana jumlah kenderaan terus meningkat, manakala jumlah motor juga sama banyak dengan jumlah kereta di negara kita. Misalnya ketika ini jumlah kenderaan berenjin lebih kurang 7 juta dan separuh daripadanya adalah motosikal. Motosikal dan kereta sentiasa bertambah pada setiap tahun, kerana itu kemalangan terus meningkat.

Berbeza dengan negara-negara maju seperti Jepun dan negara-negara lain misalnya, mereka telah tiba kepada satu keadaan yang stagnant di mana masyarakat telah mendapat hidup yang selesa dan semua famili telah ada kenderaan dan dengan itu jumlah pertambahan kenderaan tidak meningkat begitu tinggi. Itulah sebabnya maka jumlah kemalangan dapat di kurangkan.

Oleh kerana itu bagi tempoh Januari - Jun 1996, kita lihat jumlah kemalangan telah meningkat kepada 92,107, manakala jumlah yang mati telah naik kepada 3,065 orang. Bermakna kalau di kali dua pada tahun 1996 ini, pada bulan Disember, jumlah kematian akan naik kepada 6,130 orang, berbeza dengan 5,712 pada tahun 1995. Kerana itu, kementerian merasa amat prihatin dan serius supaya keadaan ini dapat diperbaiki. Dengan itulah maka beberapa siri brainstorming dengan pakar-pakar keselamatan jalan raya telah diadakan dan kita telahpun mengenalpasti beberapa perkara baru daripada segi pendekatan kempen, pendekatan enforcement dan juga pendekatan

kejuruteraan dan kementerian sedang menyediakan satu kertas kabinet untuk mencadangkan beberapa pendekatan baru dalam menangani isu-isu perkembangan jalan raya pada hari ini. Antaranya yang telah diketengahkan adalah untuk menubuhkan mahkamah trafik, khusus untuk persoalan-persoalan trafik dan kertas ini sedang disediakan oleh pihak JPJ dan pihak Polis.

Keduanya, permintaan daripada Polis supaya jumlah polis trafik dalam anggota polis ditambah. Hari ini anggota polis trafik cuma ada 860 orang dan dibahagi dengan 3 shift, satu hari bermakna 265 orang lebih kurang dan di bahagi kepada 136 daerah, pihak polis menyatakan satu daerah cuma ada 2 sahaja polis trafik. Walaupun anggota polis kesemuanya berjumlah 4,200 orang tetapi yang menjaga trafik cuma 860. Oleh kerana itu mereka tidak dapat mengadakan kawalan yang terperinci bagi mengelakkan orang melanggar peraturan jalan raya, kerana nampaknya masyarakat Malaysia dia suka tengok polis on the road, dengan izin. Kalau nampak ada polis ataupun JPJ moving around, maka mereka lebih ikut peraturan, bila polis tidak ada maka mereka akan melanggar peraturan.

Tetapi walaupun sekiranya anggota polis ditambah, belum tentu lagi kita dapat menurunkan kadar kemalangan. Tetapi dalam satu ujian yang dibuat oleh polis pada tahun lepas, dengan mengadakan constant petrolling, dengan izin, di dalam satu kawasan di Selangor, didapati jumlah kemalangan telah turun, oleh kerana anggota polis sentiasa bergerak di jalan-jalan yang accident-front. Kerana itulah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan-cadangan baru ini akan dikemukakan

berserta dengan cadangan-cadangan yang lain dan telah pun dikenal pasti dalam brainstorming yang diadakan pada masa yang terbaru ini.

Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng telah mengemukakan berkaitan dengan, mengapakah pendaftaran dan pelesenan kenderaan baru perlu diswastakan? Saya suka memaklumkan bahawa seperti yang telah dibentangkan sebentar tadi, ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna-pengguna. Orang ramai tidak perlu bimbang kerana walaupun kita swastakan perkhidmatan JPJ untuk deregulate peraturan, akan diterus dilakukan ataupun the regulator masih perlu dilakukan oleh JPJ. Ertinya undang-undang, peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen akan terus berkuatkuasa, dan ini akan dilihat supaya undang-undang ini dipatuhi oleh JPJ sendiri. Cuma pelaksanaannya ataupun melesen dan mendaftar dilakukan oleh pihak swasta.

Kita juga menswastakan pendaftaran dan pelesenan kenderaan adalah untuk deregulate dan mempercepatkan kerjasama antara pihak pendaftaran kenderaan serta syarikat-syarikat insurans dan syarikat-syarikat kewangan. Yang keduanya, kemudahan kepada pelanggan untuk membeli dan mendaftar serta melesenkan kenderaan dengan pihak yang sama, pendaftaran pelesenan pembelian insurans boleh dibuat di bawah satu bumbung. Ketiganya, satu langkah yang berpandangan jauh dengan meningkatkan kecekapan demi kebaikan pengguna seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Keempatnya, dari segi pembayaran bagi perkhidmatan, kerajaan akan menjaga kepentingan rakyat, dan kawal selia akan dibuat oleh kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng juga telah bertanyakan semangat sivik dan bertanggungjawab di jalan raya. Kita memang sedar bahawa semangat sivik dan bertanggungjawab di jalan raya di Malaysia nampaknya tidak begitu tinggi, kerana ramai pemandu-pemandu lebih mementingkan diri mereka sendiri tanpa memikirkan keselamatan orang lain. Untuk itu, JPJ telah pun mensyaratkan untuk pemandu baru, sejak tahun 1991 semua calon pemandu adalah disyaratkan untuk menjalani latihan keras selama 5 jam, di mana subjek Pemanduan Berhemat adalah diajar bagi menyemai sifat-sifat pemanduan yang berhemat dan berdisiplin di jalan raya. Bagi pemandu-pemandu lama pula, tindakan diambil untuk menguatkuasakan kursus-kursus pemulihan yang dijalankan oleh kerajaan dan institut memandu.

Yang Berhormat Tuan Hanipah telah membangkitkan berkaitan dengan nombor plat. Sebenarnya plat kereta di negara kita termasuk motosikal adalah seragam, kerana kesemua plat ini mesti dibuat pada saiz yang sama. Cuma mungkin maksud Yang Berhormat adalah supaya warnanya pun sama. Walaupun kita cadangkan warna putih, tetapi ada warna putih yang kelabu sedikit, ada yang putih kelabu asap dan sebagainya. Ada yang nombornya gemuk dan ada yang nombornya kurus. Tetapi mungkin maksud Yang Berhormat tadi supaya serupa sahaja. Kalau nombor itu gemuk, semuanya gemuk, kalau kurus semuanya kurus, kalau warnanya putih, semuanya berwarna putih. Ini boleh dipertimbangkan oleh kerajaan apabila penswastaaan akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi, sama ada ianya wajar dilaksanakan di negara kita ataupun tidak. Kerana pada masa lepas kita memberi kebebasan kerana ianya mungkin kalau kita seragamkan kepada satu syarikat, mungkin banyak syarikat pembuat plat tutup kedai. Jadi, untuk memberi peluang kepada pembuat-pembuat plat dapat berniaga, kerana itulah semua orang boleh buat plat, tetapi aspek ini telah menyebabkan tidak seragam dari segi penglihatan walaupun dari segi ukurannya sama.

Berkaitan dengan maksud peribadi, misalnya bila esoknya ada orang namanya Lat, jadi memang.....

Dato' Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta izin laluan dan penjelasan mengenai keseragaman tadi. Katalah kalau pakai warna putih, saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Hanipah tadi, kalau putih mungkin putih ada kelabu sedikit, putih kekuningan sedikit, putih silver sedikit. Kalau warna hitam, sebelah siang, warna hitam sahaja, tidak ada hitam-kelabu dan sebagainya. Kalau dari segi warna, saya rasa keseragaman itu perlu kalau boleh, dari segi warnalah. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini akan dipertimbangkan. Berkaitan dengan maksud nombor plat peribadi yang akan dilaksanakan setelah undang-undang ini diluluskan - puas hatikah Yang Berhormat, itu akan dipertimbangkan. Berkaitan dengan nombor peribadi, misalnya nama kita Muthu, maka bolehlah register Muthu 99. Takdirnya ada 10 Muthu hendak ambil nombor yang sama, 99. Maka sudah tentulah Muthu ini kena tenderlah. Siapa yang tinggi, dialah akan dapat. Kalau tidak, bagaimana hendak buat. Jadi, kaedah ini belum ditetapkan lagi ataupun hendak draw lot,

hendak ikut harga. Tetapi setakat ini kita gunakan kaedah harga yang tertinggi bagi memastikan siapakah yang akan dapat nombor yang berkaitan.

Kerana itulah dengan adanya pindaan peraturan ini, maka kita bolehlah gunakan nama-nama kesayangan kita. Misalnya, orang yang sedang loving couple, maka dia boleh combinelah nama suaminya dengan nama isterinya. Kalau nama suaminya Hashim, isterinya Hashimah, jadi dia boleh taruh 'haha', [*Ketawa*] 'HAHA 69'. Dengan itu dapat merapatkan lagi hubungan kasih sayang antara suami isteri. Kerana nombor kereta pun dikasihsyangkan sekali. Itulah tujuannya untuk mengembirakan penduduk-penduduk yang menggunakan kereta di negara kita.

Berkaitan dengan demerit system, iaitu sistem percubaan dua tahun pemandu-pemandu baru ini, adalah menggunakan sistem Kejara, di mana seorang pemandu yang melanggar satu kesalahan akan ditolak, katakan 3 point, ataupun 4 point, ataupun 2 point. Sekiranya dicantumkan jadi 10 point dalam sistem Kejara, maka bagi pemandu yang probation 2 tahun ini, dia akan dirampas lesennya. Artinya, lesennya akan terbatal dan dia kena sit again, duduk semula ujian memandu sama ada lisan dan juga praktikal. Dengan ini akan dapat memberi satu ingatan yang keras kepada pemandu-pemandu supaya mereka sentiasa mematuhi peraturan jalan raya. Itulah sebabnya demerit system ini diperketatkan lagi bahawa sistem percubaan dua tahun.

Yang Berhormat Tuan Haji Hanipah juga membangkitkan berkaitan dengan penipuan oleh yang diperiksa ditukar penguatkuasaan JPJ. Sekiranya ada kes-kes penipuan yang berlaku, kita welcome sebarang aduan supaya tindakan boleh diambil sama ada ianya berlaku oleh kakitangan JPJ ataupun oleh pihak pemandu ataupun pihak yang mengambil ujian ataupun pihak sekolah memandu sendiri. Bagi kes-kes yang dilaporkan kepada JPJ, tindakan-tindakan yang setimpal telah pun diambil.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Hanipah, Tuan Yang di-Pertua kita berkaitan dengan beri senjata api kepada pihak penguatkuasa JPJ. Setakat ini JPJ berpendapat kita masih mampu lagi under control bagi keselamatan kakitangan kita yang bertugas di waktu malam. Kita mendapat kerjasama yang baik daripada pihak polis. Kerana itu, pada ketika ini didapati pihak kerajaan masih lagi berpendapat JPJ tak perlu lagi pegang senjata api. Bagaimana pun cadangan Yang Berhormat tetap dalam ingatan kita. Sekiranya perlu, mungkin kerajaan akan membenarkan.

Tetapi setakat ini kita masih mampu lagi menghadapi perkara-perkara pengawalan walaupun tanpa senjata api.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa telah membangkitkan dengan lumba haram - road bully. Kita lihat memang ramai orang suka lumba haram di negara kita. Pagi tadi saya melancarkan satu kempen lagi untuk pekerja kilang di Batu Berendam dan nampaknya pihak kilang juga telah mula sedar, pekerja-pekerja mereka banyak terlibat dengan lumba haram di waktu malam dan bagi kes kilang simen, misalnya di Batu Berendam bagi tahun lepas dengan tahun ini sampai bulan Jun, 7 kakitangan mereka telah mati di jalan raya dan mereka merasa begitu prihatin dan mereka juga telah mengambil tindakan untuk monitor secara harian sama ada kakitangannya terlibat dalam accident, adakah yang mati, adakah pula yang masuk dalam lumba haram dan sebagainya, dengan harapan supaya mereka juga sama-sama memainkan peranan tetapi walaupun banyak sektor ingin memainkan peranan, tetapi perlumbaan haram terus juga berlaku - macam kucing dengan tikuslah! Ataupun macam ustaz hendak tangkap basahlah. Bila pegawai agama datang ke Taman Titiwangsa, mereka akan pergi pula ke Lake Garden ya. Jadi, bila ustaz datang ke Lake Garden, dia akan pergi ke Taman Titiwangsa. Begitu juga dengan kucing dan tikus, bila kucing datang tikus senyap sahaja.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Yang pertama sekali berkenaan dengan benda haram ini. Apa sebab orang ini berminat sangat dengan benda yang haram, yang satu lagi adakah pihak lain yang terlibat dengan mengendalikan dengan urusan lumba haram ataupun pelumba-pelumba itu sendirikah atau orang lain yang organize, dengan izin?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Manusia nampaknya dia lebih suka pada yang haram, kerana itu Tuhan turunkan agamanya di dunia ini supaya manusia dapat mengikuti peraturan yang betul sebagai manusia yang dilahirkan sebagai khalifah. Kerana itulah saya berpendapat memang manusia sudah begitu rupanya. Kerana itu kitab-kitab agama sudah diturunkan ataupun fahaman-fahaman lain yang telah mengenengahkan semangat kemanusiaan. Sebab itulah bila kita mencegah, orang suka membuat. Inilah yang merupakan punca lumba haram ini. Nampak ada sebahagian daripada pelumba haram, dia suka pula berlumba dengan polis, dia hendak tengok polis

boleh kejar ataupun tidak! Ini satu lagi penyakit kepada generasi muda di negara kita pada hari ini. Kerana itu saya dapati banyak pihak perlu terlibat dalam mengawal keadaan ini dan ada juga menyediakan hadiah-hadiah, tetapi kita susah hendak kesan siapa yang beri hadiah. Kalau dia dapat kesan sudah tentu ianya akan dibawa ke mahkamah kerana ia menjalankan perniagaan haram. Itu pun haram juga ya. Dan ada yang diberitahu dia bukan sahaja dapat hadiah barangan tetapi ada juga yang memberikan hadiah-hadiah yang menyeronokkan tetapi walaupun dengarnya ada, tetapi kita tidak ada lagi bukti. Kerana itulah kita perlukan kesedaran yang menyeluruh daripada masyarakat supaya menyedarkan bahawa kemalangan jalan raya ini merupakan satu wabak yang begitu serius dan telah banyak membunuh daripada kes-kes misalnya wabak dadah yang misalnya memakan masa yang panjang untuk membunuh, tetapi kes kemalangan jalan raya mengambil masa cuma beberapa minit sahaja. Kerana itu lumba haram ini akan terus dilihat oleh pihak JPJ dan polis untuk mengadakan kawalan-kawalan di tempat-tempat yang selalu lumba haram berlaku dan kita minta juga jasa baik daripada semua pihaklah, daripada pertubuhan sukarela....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, Yang Berhormat Hashim minta laluan.

Datuk Hashim bin Safin: Terima kasih. Tadi saya ada terdengar dalam hadiah yang diberi kepada pelumba haram ini, Datuk ada kata, ada yang menyeronokkan, bolehkah jelas apakah hadiah yang menyeronokkan itu, sebab saya pun ada terdengar, hanya hendak mengesahkan betul ataupun tidak?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Maksudnya yang menyeronokkan itu, yang mengasyikkanlah! Saya hendak sebut kerana tidak ada bukti tetapi daripada apa yang saya telah dengar, ada juga hadiah-hadiah wanitalah diberi kepada mereka yang menang lumba haram ini. Itu yang katakan seronok tu tetapi bendanya haram. Kerana itu kita belum ada bukti yang nyata tetapi sudah sampai satu peringkat yang begini yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang mereka hanya melakukan perbuatan yang menyukakan hati mereka tetapi langsung mengeneipkan kedudukan dan juga nasib penunggang-penunggang motosikal. Mereka yang begini memang tidak bertanggungjawab dan sewajarnya diambil tindakan yang tegas. Cuma bagaimanakah kita ingin mengenalpasti? Kerana itu pihak polis hari ini selalu mengadakan rondaan

dan juga memerhati beserta dengan JPJ, berkaitan dengan lumba-lumba haram yang sedang berlaku di setengah-setengah tempat dalam negara kita.

Kita juga telah mengadakan undang-undang yang keras berkaitan dengan road bully yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Sri Sarasa. Undang-undang kita agak keras ya, di bawah Kanun Keseksaan 326, mereka yang terlibat dalam road bully akan dikenakan 20 tahun maksimum penjara dan juga denda yang boleh ditentukan oleh mahkamah mengikut had yang mahkamah fikirkan sesuai ataupun kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun, road bully masih juga berlaku kerana itu kementerian telah mengadakan brainstorming pada bulan lepas untuk mengkaji bagaimanakah road bully ini dapat dikurangkan pada masa lepas. Dan setelah dikaji oleh pakar-pakar psikologi dan juga pakar-pakar keselamatan jalan raya, nampaknya semuanya berpunca daripada sikap pemandu sendiri. Kerana itu adalah perlu bagi setiap pemandu menjalani taklimat-taklimat ataupun kursus-kursus bagaimana mengawal diri dan bagaimanakah perkara ini dapat dilakukan, kementerian dan agensi kerajaan sedang berusaha supaya cara mengawal diri ini dapat diketengahkan. Mungkin dengan mengadakan poster ya, cara mengawal diri ketika menghadapi kesesakan di jalan raya, misalnya, ketika bertengkar dengan isteri dan suami, misalnya di rumah, bila pegang steering, how to control ourselves.

Daripada kes-kes berlakunya road bully banyak berlaku di waktu petang, ketika orang balik kerja, waktu pagi nampaknya orang sabarlah kerana mungkin baru keluar rumahlah, hati sejuk lagi, baru lepas mandi jadi tension pun belum tinggi, tetapi bila mereka balik waktu petang, ketika itu masalah telah banyak di tempat kerja, ketika itulah banyak kes road bully berlaku.

Ini perkara-perkara yang telah dikenal pasti oleh pakar-pakar kita. Kerana itu tindakan-tindakan susulan berkaitan dengan pendidikan ini akan diteruskan oleh kementerian dan juga pihak-pihak lain yang bersama dengan gerakan ini.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa juga dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan berkaitan dengan angkut batang besi, batang

besi apa yang diangkat ini? Mungkin ada lori yang mengangkut batang besi lebih berat dan JPJ dan juga pihak polis memang selalu mengadakan kawalan supaya lori-lori tidak lebih had dan sekiranya lebih had mereka akan ditahan dan akan dibawa ke balai polis dan tindakan-tindakan yang begini telah pun menghalang lori-lori daripada membawa muatan yang lebih. Tetapi banyak juga kereta-kereta lori yang berhenti ditepi jalan, apabila nampak polis ada, kerana itulah kita lihat kadang-kadang di satu tempat ada 20 ke 30 lori berhenti kerana dia tahu di hadapan ada road block.

Dan polis hanya boleh menyaman sekiranya mereka meletakkan kereta di dalam kawasan side road yang digazet, kalau dia memberhentikan lori mereka di kawasan tanah orang, kita tidak boleh hendak tangkap ataupun hendak kompaun mereka, tetapi sekiranya mereka meletakkan 'on road side table' maka pihak polis dan JPJ akan meletakkan kertas saman di atas lori-lori mereka.

Inilah yang dahulu dikatakan ada group toto ini, mereka kalau nampak JPJ on the move, maka dia beritahu di hadapan ada JPJ sila berhenti. Inilah insiden-insiden yang berlaku di dalam negara kita pada hari ini kerana banyak lagi masyarakat yang masih lagi mementingkan diri mereka tanpa mengambil kira kebajikan orang lain.

Pihak polis dan JPJ akan meneruskan penguatkuasaan yang berterusan supaya perbuatan membawa berat ini akan dapat berkurangan. Oleh kerana

kes ini banyak, sebab itulah Ahli-ahli Yang Berhormat lihat dalam kes-kes saman kita telah menyaman banyak kes-kes yang serupa.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana bersimpatilah dengan pihak polis dan JPJ. Dahulu banyak permintaan supaya tidak tangkap, tetapi hari nampaknya semua mencadangkan ditangkap. Jadi, ini satu perkembangan yang cukup baik, jadi senanglah kerja saya sedikit dan juga kerja-kerja kementerian kerana mendapat sokongan daripada semua pihak.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika telah membangkitkan kes kemalangan yang amat mendukacitakan. Saya sebenarnya memang amat simpati dengan kes-kes yang begini, kementerian, kerajaan kerana tidak ada sebab kalau kita betul-betul prihatin di jalan raya, kita terlibat dalam kemalangan dengan sia-sia sahaja.

Kadang-kadang kita ada anak yang mungkin umurnya kecil mati katak sahaja. Kadang-kadang anak kita hanya seorang sahaja, hendak dapat anak bukan senang, ada orang kena mengambil masa sehingga 20 tahun baru dapat seorang anak, tetapi dia telah meninggal dunia. Ada orang yang kahwin lambat, dapat seorang anak, selepas itu accident pula. Dan kes-kes yang seperti ini amat menyayat hati dan kadang-kadang anak yang mati itu adalah pencari sumber rezeki utama bagi keluarganya dan dengan kehilangan anaknya maka keluarganya akan menjadi miskin.

Perkara-perkara yang begini harus disedari oleh semua pemandu-pemandu jalan raya kerana perbuatan mereka telah menyebabkan orang kehilangan kasih sayang, kehilangan punca pendapatan dan kehilangan harta benda, kerajaan rugi berbilion-bilion ringgit.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, Datuk Haji Ibrahim bin Ali minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, panjang lagikah? Sebab kita telah pukul 6.00 petang, ada dua lagi rang undang-undang, jadi kalau boleh, sebab saya kasihan kepada pegawai-pegawai kerajaan termasuk kaum wanita, mereka balik nanti hendak kena beri makan kepada suami, kasih sayang juga itu! *[Ketawa]*

Jadi, kalau boleh Yang Berhormat boleh menjawab segala pandangan-pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat diambil perhatian dan tindakan oleh kementerian, selesai! Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasihlah. Oleh kerana kes kemalangan ini memang begitu serius, jadi, fasal itu saya panjangkan sedikit, tetapi sudah hendak habis ini!

Bagi kes Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, saya harap dapat kes ini ditutup cepat. Kalau saya boleh mendapat butir-butirnya, saya akan

mendapatkan laporan daripada pihak yang bertanggungjawab bagaimana kes anak Yang Berhormat Puan Hajah Mastika telah ditutup kesnya walaupun beliau berpendapat bahawa kes ini patut dibicarakan termasuk kes-kes yang lain.

Berkaitan dengan penswastaaan, saya telah menjawab tadi sebab-sebab kita melakukan penswastaaan. Berkaitan dengan ketua pengarah boleh menarik lesen pemandu, yang ini memang kita memberi kuasa bagi mempercepatkan proses. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku perkara-perkara yang kita rasa tidak wajar, pihak yang bertanggungjawab bolehlah melaporkan kepada kementerian.

Pemalsuan cukai jalan telah juga dibangkitkan. JPJ mengadakan pemeriksaan, setiap kali mereka mendapat kereta, mereka akan check kerana itu sekiranya ada kes-kes pemalsuan, kita akan mengambil tindakan seperti yang dimaktubkan dalam undang-undang.

Berkaitan dengan tambang kepada isteri dan suami Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan semak semula dengan KTM mengapa peraturan ini nampaknya tidak berapa terserlah di peringkat bawahan. Saya minta maaf kerana gangguan-gangguan yang telah berlaku khususnya di stesen kereta api sudah tentulah di Arau.

Berkaitan dengan tambang MAS masih mahal, yang ini terkeluar sedikit daripada Bil ini, yang ini kita akan bincangkan dalam perkara yang lain nanti.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal telah membangkitkan lesen percubaan 24 bulan, yang sakit jiwa sudah tentu perlu diambil kira. Walau bagaimanapun, pada ketika ini cuma pemandu commercial vehicle sahaja yang disyaratkan untuk melalui pemeriksaan perubatan, bagi pemandu biasa tidak dikenakan. Bagaimanapun, sebelum memberi kita memang melihat, kita boleh judge by experience, sama ada mereka ini gila ataupun tidak.

Ada hadiah diberi kepada pertandingan batu nesan dan kerusi roda ini, saya ucapkan tahniahlah. Stesen timbang yang tidak beroperasi, memang kita telah syaratkan 43 stesen timbang, tetapi 27 telah beroperasi. Kita berharap dalam tempoh yang singkat kesemua ini akan beroperasi dan sudah tentu tindakan yang lebih berkesan akan dapat diambil.

Yang Berhormat Tuan Abu Bakar telah memberikan nombor peribadi, bagaimana yang miskin boleh dapat? Tetapi saya tidak tahu bagaimana kita hendak adilkan kerana orang miskin pun ramai juga ataupun yang berpendapatan rendah. Kalau kerajaan beri kepada yang 'A' miskin, yang 'B' pula akan kompelin. Kerana itu cara yang terbaik pada hari ini, siapa yang hendak nombor yang cantik, dia perlu sanggup membayar.

Road tax mengapa tidak dua tahun, saya suka memaklumkan bahawa ini untuk memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna supaya mereka tak perlu bayar insurans dua tahun. Kerana nampaknya pada ketika ini ramai yang suka membayar road tax selama enam bulan sahaja bukan setahun ataupun dua tahun, kerana itu kita ambil jalan yang terbaik iaitu setahun.

Had laju di lebuhraya perlu dinaikkan, ini kita lihat kemampuan jalan raya kita pada hari ini adalah 110 kilometer, tak lebih daripada itu. Kerana itulah maka had laju ditetapkan pada kadar yang ada hari ini. Kumpulan 'A' boleh tahan, saya berharap kumpulan 'A' tampil ke hadapan untuk menahan kereta-kereta yang melanggar peraturan supaya tindakan boleh diambil. Tidak perlu mengisi borang. Dahulu perlu mengisi borang, ketika ini cuma perlu tulis sahaja, nama dan juga nombor kereta yang berkaitan maka JPJ akan memanggil kereta yang berkenaan ke Pejabat JPJ untuk diberikan kompaun atau kalau mereka mengaku tidak bersalah, mereka akan dibawa ke mahkamah.

Lorong khas motosikal telah pun dimulakan di antara KL dan Shah Alam dan akan diperluaskan lagi di seluruh negara oleh Kementerian Kerja Raya.

Itu sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat jawapan-jawapan saya, sekiranya ada yang tertinggal jabatan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Cadangan untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 adalah bagi mengadakan beberapa peruntukan baru untuk mengemaskinikan akta berkenaan supaya ianya lebih komprehensif dan dapat memenuhi kehendak semasa dengan mengambil kira kemajuan-kemajuan ATM masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan pada akta ini adalah berkaitan dengan kajian semula segala syarat-syarat perkhidmatan yang terkandung di dalam peraturan-peraturan yang digunapakai oleh ATM bagi mengatasi beberapa kekurangan yang sedia ada. Antaranya ialah mengadakan pindaan yang sesuai berikutan dengan penubuhan dua pasukan simpanan iaitu satunya Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT) yang mengandungi Pasukan Simpanan Angkatan Tetap yang dianggotai oleh bekas pegawai askar-laskar anggota tetap.

Yang keduanya, Pasukan Simpanan Angkatan Sukarelawan dari kalangan masyarakat umum. Lain-lain pindaan adalah untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan di dalam akta mengikut perkembangan isu-isu semasa.

Tuan Yang di-Pertua, peranan ATM telah berkembang pesat sejak tahun 1970-an lagi di mana sumbangan dan peranan anggota-anggota ATM telah meningkat selain daripada tugas-tugas biasanya. Sebagai contoh, anggota-anggota ATM telah dipohon untuk memberi sumbangan pada badan-badan kerajaan, bukan kerajaan dan juga badan-badan antarabangsa seperti

Bangsa-bangsa Bersatu. Berikutan dengan ini ramai di antara mereka telah dipinjamkan atau ditempatkan di badan-badan berkenaan dan oleh itu adalah wajar dan berpatutan akta yang sedia ada dibuat pindaan supaya perkembangan-perkembangan ATM serta peranan baru anggota-anggota ATM diambilkira dan dicerminkan dalam akta.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini juga bahawa berhubung dengan pindaan ini suatu permohonan dalam peringkat jawatankuasa akan dibuat untuk memperbetulkan subseksyen 1(3) rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Bahagian I yang melibatkan pindaan kepada beberapa seksyen iaitu:

- (i) seksyen 2;
- (ii) seksyen 5A, 5B, 5C dan 5D secara umumnya membolehkan anggota ATM bertugas di luar negara dengan menempatkan mereka di badan-badan antarabangsa, Jabatan Persekutuan atau negeri dalam atau di luar negara;
- (iii) seksyen 6 dan seksyen 16;
- (iv) seksyen 10A;
- (v) seksyen 13;

- (vi) seksyen 15 dan 36 yang membenarkan Majlis Angkatan Tentera mengeluarkan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pegawai ATM;
- (vii) seksyen 21 yang menjelaskan peruntukan lama mengenai penukaran seorang askar-laskar dari satu kor ke kor yang lain dalam perkhidmatan yang sama dan memperluaskan pemakaian seksyen itu kepada tentera laut dan tentera udara;
- (viii) seksyen 155, 157, 187, 164, 206 dan 207(1) yang membenarkan peraturan yang dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui perintah Majlis Angkatan Tentera; dan
- (ix) seksyen 201A.

Penjelasan lanjut pada setiap seksyen yang saya sebutkan tadi adalah dijelaskan di dalam Huraian Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II pula pindaan kepada akta ini akan diwujudkan beberapa peruntukan yang berkaitan dengan penubuhan Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT). Antara seksyen-seksyen yang ingin saya perjelaskan di bawah kategori ini adalah seksyen 26A.

- (i) Seksyen ini menetapkan bahawa penugasan semula seorang askar-laskar adalah dari perkhidmatan 15 tahun sehingga 21

tahun. Peruntukan ini juga membenarkan tugas semula yang melebihi daripada 21 tahun.

Ketiga-tiga pindaan ini menggantikan amalan sekarang di mana seorang askar-laskar memulakan perkhidmatannya untuk tempoh 10 tahun dengan 2 tahun dalam perkhidmatan simpanan atau 12 tahun perkhidmatan terus-menerus sepenuh masa, yang mana mereka boleh ditugaskan semula daripada 12 tahun ke-15 tahun, daripada 15 tahun ke-18 tahun dan daripada 18 tahun ke-21 tahun dan seterusnya melebihi 21 tahun.

- (ii) Seksyen 26B adalah diperkenalkan untuk menghadkan perkhidmatan seseorang askar-laskar berumur yang tidak melebihi 55 tahun.
- (iii) Seksyen 26C diperkenalkan untuk melaksanakan dasar mewujudkan satu Angkatan Simpanan Tetap dari kalangan bekas anggota angkatan tetap.
- (iv) Seksyen 188 dicadangkan dipinda bagi memperkenalkan dasar baru mengenai pewujudan simpanan pegawai-pegawai.
- (v) Seksyen 189A ingin diperjelaskan mengenai PSAT di mana ianya diperkenalkan bagi tujuan menjelaskan bahawa seseorang pegawai ataupun askar-laskar yang berkhidmat

dalam Simpanan Angkatan Tetap akan diberi pangkat sebenar yang terakhir, yang telah dipersandangkan oleh mereka di dalam angkatan tetap.

Selaras dengan itu subseksyen (2) pada seksyen 189A menetapkan bahawa pegawai-pegawai tauliah jangka pendek yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap adalah dianggap sebagai pegawai bertauliah; dan

- (vi) Seksyen 201 adalah berkaitan dengan Angkatan Sukarela Awam. Seksyen ini dicadangkan dipinda dengan memperkenalkan subseksyen (4) yang baru bagi membolehkan anggota-anggota angkatan sukarelawan yang telah menamatkan latihan yang disyaratkan supaya menyambung perkhidmatan mereka dalam angkatan sukarela bagi suatu tempoh minima sepertimana yang akan ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah seksyen 207 akta.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikategorikan dalam Bahagian III pula adalah untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan di dalam akta yang berkaitan beberapa isu yang timbul dari masa ke semasa. Dalam kategori ini beberapa seksyen pula perlu dipinda, antara seksyen-seksyen adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 94A, 94B, 94C dan 94D. Seksyen-seksyen ini diperkenalkan bertujuan untuk memberi kuasa melantik seorang Ketua Mashal Polis Tentera yang sebelum ini dibuat secara pentadbiran. Dengan terwujudnya seksyen-seksyen ini kuasa melantik Ketua Mashal Polis Tentera diberikan kepada ketua perkhidmatan setelah mendapat restu daripada Majlis Angkatan Tentera. Lain-lain pindaan adalah merupakan pindaan-pindaan berturutan bagi menampung keperluan dan syarat-syarat perkhidmatan dalam keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Act A 583/84 yang telah diperkenalkan pada tahun 1984 dahulu masih belum dikuatkuasakan lagi, telah dicadangkan supaya ianya dibatalkan.

Selanjutnya beberapa pindaan juga dicadangkan bagi memperkenalkan pindaan-pindaan berbangkit, dengan izin, consequential amendments, selaras dengan susunan semula dan 'nomenclature', dengan izin, beberapa pangkat ATM.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan.

6.18 ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk turut menyentuh satu dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menjadi Presiden BAM dan mendapat ataupun memperolehi dua pingat; satu perak dan satu gangsa dalam badminton di Sukan Olimpik di Atlanta. Saya mengucapkan tahniah [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 ini, kerajaan dan rakyat Malaysia kita sebenarnya banyak berhutang budi kepada wira-wira tentera Malaysia kita, kerana mereka menjadi 'the great wall of Malaysian defence', dengan izin. Mereka memainkan peranan yang penting dalam kawalan negara kita daripada cabaran dan ancaman di dalam dan juga di luar negeri.

Negara kita adalah negara majmuk dengan berbagai kaum, berbagai agama, berbagai bahasa, berbagai kebudayaan dan juga berbagai adat resam. Walau bagaimanapun, kita boleh mendabek dada kerana negara kita aman dan damai dengan kestabilan politik ketara dan pertumbuhan ekonomi pesat. Semua ini adalah kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri tetapi pihak tentera Malaysia dan

juga pihak polis yang sentiasa berdiri teguh di belakang kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi.

Beberapa negara kita lihat sering berlaku kerajaan dijatuhkan oleh tentera 'the military take over of democratic be elected common', dengan izin, tetapi tentera kita begitu komited kepada sistem demokrasi dan kedaulatan negara dan kerajaan dan mempertahankan maruah, martabat dan imej negara dan rakyat Malaysia kita. Syabas, saya mengucapkan kepada mereka kerana memikul tanggungjawab yang begitu berat.

Saya juga menyeru kepada kerajaan supaya kita menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan mereka kepada negara dan rakyat dengan kehidupan yang lebih baik kepada mereka dan keluarga mereka terutamanya kepada kebajikan bekas perajurit-perajurit.

Kita tidak seharusnya melupakan wira-wira yang telah mengorbankan nyawa mereka semasa mereka berkhidmat untuk negara. Ramai telah mati semasa ancaman keganasan pihak komunis di negara kita dahulu. Ada juga wira-wira kita mati di Bosnia, Uganda dan lain-lain negara bila mereka berkhidmat di bawah 'UN Peacekeeping Mission', dengan izin. Saya ingin mendapat tahu bagaimana kerajaan membantu balu-balu dan keluarga-keluarga mereka?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin mendesak kerajaan supaya membuat satu kajian terperinci mengapa generasi baru tidak begitu berminat berkhidmat dalam tentera Malaysia dan

juga ingin mendapat tahu sama ada langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk menggalak, merangsang golongan muda dari masyarakat India dan Cina untuk memberi gambaran racial komposisi dalam tentera Malaysia yang menjadi simbol solidarity.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

6.22 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut berbahas mengenai Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya seperti kata oleh Yang Berhormat saudara saya sekejap tadi, tentera adalah merupakan pagar atau benteng penting dalam keselamatan negara di mana keselamatan antara faktor yang boleh menjamin sesebuah negara itu stabil, jadi, jasa dan bakti tentera amatlah dihargai.

Maka saya pada kesempatan pindaan rang undang-undang ini, ingin merakamkan rasa amat terhutang budi dan tahniah kepada tentera-tentera yang telah memberi khidmat dan jasa-jasa mereka ini amat dihargai sejak mula kita memerdekakan negara sehinggalah kita menghadapi ancaman komunis dan

kita menghadapi ancaman daripada konfrontasi Indonesia sampailah tentera kita berkhidmat ke Congo dan terakhir berkhidmat di Bosnia-Herzegovina yang mana perkhidmatan angkatan tentera kita ini boleh mengharumkan nama dan juga meletakkan Malaysia di peta dunia yang terkenal.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam konteks Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh agak lebih panjang sedikit mengenai pindaan kepada penubuhan Pasukan Simpanan Angkatan Tentera yang merupakan bekas-bekas tentera, saya rasa itu barangkali boleh diambil melalui peraturan-peraturan tertentu. Yang lebih saya ingin bahaskan memberi beberapa saranan kepada pihak kementerian ialah mengenai penubuhan pasukan simpanan daripada masyarakat umum yang dahulu, saya masih ingat bahawa apa yang disebut Pasukan Wataniah yang merupakan dari masyarakat umum yang memberi sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam kententeraan dan juga kemasyarakatan dan juga kepada pembentukan generasi ataupun mereka yang terlibat di segi disiplin dan ketaatsetiaan, cinta kepada negara.

Mengimbas kembali kepada pembentukan pasukan simpanan yang dinamakan satu ketika dahulu Askar Wataniah, saya melihat pasukan ini amat berjasa kepada, pertamanya, kepada pendokong politik kerajaan di mana kita tahu kerajaan pada masa itu, Kerajaan Perikatan pada masa itu mendapat sokongan daripada pasukan awam, pasukan wataniah ini yang mendapat

kefahaman tentang dasar kerajaan perlunya pertahankan kerajaan dan bekerja, bergerak di kawasan di kampung-kampung untuk menarik sokongan kepada sebuah kerajaan yang memang boleh membela masyarakat.

Jadi, dalam perkara ini saya amat berbesar hati kalau, insya-Allah, selepas ini, pasukan ini kita perembangkan secepat mungkin untuk menentukan mereka yang akan menjadi ahli di dalam pasukan simpanan ini dapat dididik ala ketenteraan dimasukkan cinta kepada negara dan di masa yang sama dapat digunakan perkhidmatan mereka kepada masyarakat umum di samping disiplin yang baik.

Dan ini lebih-lebih lagi berguna kalau dapat kita menyeru ramai golongan belia di kampung-kampung, di luar-luar bandar bahkan di bandar-bandar setelah mereka terlibat dengan pasukan ketenteraan semacam ini, saya rasa memungkinkan mereka untuk melupai soal-soal lain, soal dadah, soal lain kerana mereka sudah mempunyai disiplin yang tertentu, kawan dan sebagainya, barangkali mereka tak perlu mengambil dadah kerana masa mereka terisi, mereka diberi dengan kefahaman, dengan tatatertib, hormat ketua dan segala nilai yang baik boleh disalur secara terancang, secara teratur melalui pasukan ini dan bagi mereka amat berguna. Barangkali soal lumba haram mungkin akan berkurangan kalau mereka masuk tentera kerana mereka akan mempunyai disiplin yang lebih kuat.

Tuan Yang di-Pertua, segalanya ini saya yakin kementerian mempunyai perancangan, cuma pada kesempatan yang sedikit ini saya mendengar rungutan beberapa kawan saya yang terlibat dengan pasukan ini ada yang telah berpangkat Kaptan, Major dalam askar sekarang ini masih ada, walaupun kumpulannya kecil, dari segi bayaran elaun itu kecil sangat, dia kata, hendak minum Coca Cola selepas latihan pun tak padan. Saya rasa kementerian boleh fikirilah kalau dahulu masa saya kecil-kecil tahun 1969 semasa angkatan wataniah ini yang begitu besar sumbangan kepada negara, elaun RM1 sekali pergi kursus, pergi latihan training itu, barangkali sekarang kita boleh lipat gandakan sesuai dengan keadaan. Saya rasa kementerian bolehlah menarik lebih ramai lagi di samping perkara-perkara lain, insentif-insentif atau galakan-galakan lain yang perlu difikirkan ke arah matlamat supaya pasukan ini diwujudkan dengan banyak di kawasan dan dapat menarik golongan belia yang berada dalam satu kumpulan yang berdisiplin, yang diberi latihan setiap minggu untuk mereka menjadi masyarakat yang berdisiplin, kerana soal masyarakat berdisiplin ini adalah penting untuk kita mewujudkan sebuah negara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini ialah mengenai Majlis Marshal atau 'Marshal Court', yang ada kaitan dengan tata tertib kepada tentera yang melakukan kesalahan ataupun lari daripada perkhidmatan tentera, sama ada separuh jalan, selepas

kursus ataupun dekat-dekat hendak tamat kursus. Ini berdasarkan pengalaman saya selaku bekas Wakil Rakyat dahulu dan sekarang selaku Ketua UMNO Bahagian yang menjadi tumpuan kepada masalah di kampung-kampung, antara lain, saya mengalami beberapa pengalaman dengan bekas anggota tentera yang lari yang tidak boleh menyesuaikan diri setelah mengikuti kursus dan ini adalah pilihannya sendiri, tetapi apabila dia lari, polis tentera ini sentiasa mengejar dan ada orang di kawasan saya di Tanah Merah ini, sampai lari ke sebelah Siam - takut kepada polis tentera, dan gangguan kepada keluarganya begitu rupa sekali sehingga keluarganya menemui saya untuk berunding dan alhamdulillah, terima kasihlah, kalau dahulu Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Najib, yang pernah tolong beberapa kes dan Menteri sekarang pun pernah tolong beberapa kes. Misalnya, bila dibawa kepada pihak Menteri, Alhamdulillah, boleh ditolong, tetapi kalau tidak dibawa kepada Menteri, ataupun tidak menggunakan saluran-saluran tertentu, mereka ini akan didenda dengan begitu teruk sekali, selepas itu baru dibebaskan.

Jadi, hujah saya, kalau dia sudah membuat pilihan tidak hendak lagi mengikut latihan tentera, tidak payahlah denda berat sangat, sebagai lepas geram kerana kawan ini lari, sudah dia buat pilihan tidak hendak, okaylah. Kalau hendak denda pun sedikit-sedikit sahajalah. Ini pandangan saya

berdasarkan pengalaman yang dialami oleh beberapa anggota yang lari separuh jalan selepas kursus.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga mengenai perjanjian ketenteraan antara Singapura dengan Malaysia. Kita baru rasa panas-panas - pada saya ialah macam penghinaan sedikit mengenai apa yang dibuat oleh tentera Singapura setelah mereka tahu perbuatan itu melanggar perjanjian - terbang rendah, dan saya rasa kalau tentera kita berbuat begitu tentunya mereka rasa terhina ataupun tercabar dengan perbuatan itu. Oleh itu saya mencadangkan apa salahnya kalau kita kaji atau kerajaan cuba kaji balik perjanjian ketenteraan antara Singapura dengan Malaysia ini dan cuba lihat apakah perjanjian itu boleh menguntungkan Malaysia ataupun siapa yang lebih untung di dalam perjanjian ini.

Kadangkala kita pun terasa Singapura ini semacam ada sesuatu hal. Sesekali nampak semacam dia menghormati Malaysia, kononnya hendak masuk Malaysia, kononnya Malaysia baik, tetapi di sebalik itu dia cuba pula kata sesuatu dengan syarat tertentu. Sesekali dia cuba pula mencabul ruang udara kita dengan perbuatannya seolah-olah dia hendak melihat bagaimana reaksi kita. Jadi, perkara ini saya rasa tidak elok dalam bentuk hubungan antara dua negara, apatah lagi kita diikati dengan perjanjian ketenteraan yang perlu dikaji untuk memastikan perkara ini tidak berlaku kerana kita adalah negara jiran yang paling rapat dan paling dekat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengaitkan soal PERHEBAT, yakni satu Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera yang telah ditubuhkan semasa Yang Berhormat Dato' Seri Najib menjadi Menteri Pertahanan satu ketika dahulu, yang amat baik. Saya melihat PERHEBAT ini sedang bergerak ke kawasan dan sedang memberi bantuan dan derma kepada semua peringkat, tidak kira sama ada mereka bekas tentera ataupun anak-anak bekas tentera, tetapi juga kepada masyarakat umum. Saranan saya kepada kerajaan ataupun pihak kementerian cuba memainkan peranan supaya PERHEBAT ini dapat diperhebatkan betul-betul untuk mendapat sumber kewangan yang banyak sama ada melalui pemberian saham oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun Kementerian Kewangan untuk menjadi dana ataupun tabung supaya bantuan dalam segala bentuk sama ada biasiswa, kebajikan dan segalanya dapat disalurkan kepada PERHEBAT ini.

Ini satu-satunya boleh dijadikan usaha kita untuk menarik ramai lagi masyarakat Malaysia menyertai angkatan tentera kerana mereka akan mendapat faedah yang berterusan sama ada mereka di dalam tentera ataupun selepas mereka keluar daripada angkatan tentera dan barangkali juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat saudara saya Tuan Pandithan sekejap tadi, barangkali ramai juga masyarakat lain akan turut bersama dalam Angkatan Tentera Malaysia kerana seperti hari ini kita lihat seolah-olah tentera ini milik

orang Melayu, kerana majoriti atau sebahagian besarnya orang Melayu, sedangkan negara ini kita kongsi bersama, marilah kita sama-sama bertanggungjawab untuk mempertahankan negara kita ini dan memberi khidmat kepada negara kita tanpa mengira kaum ataupun agama seperti juga di bidang lain.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu, saya mohon menyokong.
Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

6.37 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 dan sebentar lagi kita menunggu-nunggu juga rang undang-undang yang akan datang, iaitu yang terakhir, saya tengok Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim - sudah tidak ada. Jadi, saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana mewujudkan Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 kerana pada saya ianya merupakan satu anjakan paradigma ketenteraan, di mana kita tidak hanya menumpukan kepada angkatan tentera yang tetap, tetapi kita juga sekarang ini memberikan pendekatan yang baru untuk hendak meramaikan lagi mereka di dalam Pasukan Simpanan Tetap sama ada bekas tentera dan juga orang-orang awam.

Jadi, kalau kita dapat berbuat demikian, saya percaya ianya dapat mengurangkan kos ketenteraan untuk menjaga negara kita, tetapi pada masa yang sama kalau sekiranya dari segi kuantitinya kita kurangkan, saya rasa elok kita kaji pula dari segi hardware, dari segi alat-alat ketenteraan yang lebih canggih lagi seperti yang kita ada pada ketika ini dan kalau kita perhatikan apabila kita mengurangkan tenaga, saya rasa complementarynya ialah kita hendak tingkatkan lagi dari segi peralatan. Jadi, kementerian sepatutnya menyenaraikan apakah peralatan-peralatan canggih bagi menjaga kepentingan negara kita yang mempunyai kawasan perairan yang luas dan sempadan yang luas kerana kita kini berdepan dengan satu perebutan terutama sekali di kawasan Kepulauan Spratly. Saya ada terbaca, terlalu banyak negara-negara di sekitar kawasan ini mempunyai kepentingan yang berlapis-lapis dalam satu kawasan yang kecil tetapi kaya dengan minyak.

Saya difahamkan juga negara-negara tertentu telah pun menyiapediakan ketenteraannya terutama dari segi angkatan laut, angkatan darat dan juga angkatan udara bagi menentukan keupayaan mereka untuk menanamkan komitmen dalam kawasan Kepulauan Spratly ini dapat dijaga kepentingan masing-masing.

Jadi, ini merupakan satu perkara yang sepatutnya diambil kira oleh pihak kerajaan kita bagi menentukan kewibawaan kita, kekuatan ketenteraan kita dapat menjamin kawasan kita di sekitar kawasan itu juga dapat dijamin dalam rebutan antara negara-negara sekitar.

Dalam hal yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau hendak meningkatkan lagi tahap ketenteraan kita dari segi bukan sahaja pusat kos, tetapi pusat yang dapat mengeluarkan hasil, kekuatan kita ialah dari segi memberi latihan ala-tentera dalam hutan. Saya difahamkan ini amat menarik kepada negara-negara yang tidak mempunyai hutan belantara macam kita ini. Saya difahamkan kini kita telah memberi latihan kepada negara-negara Eropah dan juga Australia dan

sebagainya untuk berlatih di Malaysia dalam hal-hal peperangan dalam hutan. Jadi, kalau dapat perkara ini lebih dipertingkatkan dari segi 'commercial value' atau nilai komersilnya, saya yakin kementerian dan juga kerajaan akan mendapat faedah daripada cara yang begini.

Lagi satu yang saya perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membuat alternatif pendaratan kapal terbang, misalnya menerusi kegunaan jalan raya yang dapat kita kuatkan lagi datarannya untuk menampung keperluan landasan penerbangan jet-jet kita. Ini dibuat oleh negara-negara lain. Kenapa kita mesti membuat pendaratan alternatif kepada kapal terbang-kapal terbang kita? Misal kata di Kota Bharu, kita terpaksa mencari satu lagi alternatif tempat-tempat yang berdekatan, khusus bagi pendaratan kapal terbang. Jalan- jalan raya yang besar sekarang ini, Lebuhraya Utara-Selatan, Timur-Barat dan sebagainya sepatutnya diusahakan supaya ada stretch, dengan izin, tertentu yang dapat digunakan sebagai landasan kapal terbang. Ini juga merupakan satu strategi yang baik untuk kita menjaga kepentingan negara kita. Negara-negara di wilayah sekitar kawasan kita pun banyak menggunakan jalan raya-jalan raya mengarah ke lapangan terbang, landasan kapal terbang, baik di Selatan mahupun di sebelah Timur yang menggunakan jalan raya sebagai landasan kapal terbang. Jadi, perkara semacam ini saya perhatikan kita tidak membawa persoalan-persoalan ini dalam pemikiran strategi kita untuk menentukan ketahanan negara dapat dijaga dengan baik.

Saya amat tertarik juga dengan apa yang disarankan oleh saudara saya tadi, Senator Dato' Haji Hashim bin Safin iaitu berkenaan dengan bagaimana negara-negara jiran dapat kadangkala mengeksploitasi kebaikan kejiranan antara kita dengan negara-negara jiran. Jadi, saya perhatikan kita macam seolah-olah, mohon izin, a big brother, di mana negara-negara kecil di sekitar kawasan ini kadangkala berbaik, kadang-kadang ianya mengeksploitasi kebaikan kita, kejiranan kita. Pada satu ketika saya masih ingat, radio komunikasi negara kita telah pun di'jam'kan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan pada satu ketika kelam-kabut dari segi komunikasi negara. Jadi, saya hendak tahu dari pihak kementerian, adakah perkara ini dapat diatasi. Adakah kecanggihan komunikasi terutama dalam bidang ketenteraan kita dijaga dengan baik dan tidak dapat ditembusi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

Sungguhpun udara kita kadangkala ditembusi, dengan ada perjanjian tertentu, tetapi janganlah ciri-ciri kejiranan diekspoliti sebegitu rupa sehinggakan kita sendiri dicerobohi dengan secara tidak langsung. Jadi, pihak kementerian sepatutnya mengambil tindakan yang amat serius ke arah menentukan kecanggihan sistem komunikasi kita supaya ianya tidak dapat ditembusi oleh mana-mana pihak yang mempunyai niat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang daripada itu, hanya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana dapat mengadakan anjakan paradigma ketenteraan yang baru, di mana kita tumpukan kepada sistem Pasukan Simpanan Tetap daripada bekas-bekas perajurit dan juga yang awam ini dan meramaikan lagi kuantiti ketenteraan kita yang boleh dipanggil pada bila-bila masa. Tetapi pada masa yang sama, saya hendak menyeru kepada pihak kementerian menentukan kecanggihan peralatan ketenteraan kita supaya ianya merupakan satu complementarity antara keduanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput pihak menteri menjawab.

6.45 ptg.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Angkatan Tentera 1972.

Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan telah pun melahirkan perasaan terima kasih beliau dan memberi pujian tinggi kepada angkatan tentera kita yang telah dapat menyumbangkan kepada keharmonian, kesejahteraan negara kita sehingga kita kini boleh membangun dengan begitu pesat, begitu maju sekali hingga menjadi contoh kepada negara-negara yang sedang membangun. Alhamdulillah, kita berterima kasih di atas kepekaan Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang juga memberi kepujian yang tinggi kepada pasukan angkatan tentera kita.

Oleh kerana itu, kerajaan tidak lupa tentang kebajikan mereka yang telah pun berkhidmat dan berkorban kepada negara. Sebab mengapa seperti lain-lain badan, kerajaan telah pun menubuhkan badan yang dipanggil PERHEBAT dalam jangka masa setahun setengah lebih, yang tujuannya ialah untuk membantu dari segi peningkatan kebajikan dan kebaikan kepada bekas tentera serta juga balu-

balu yang telah pun ditinggalkan oleh mereka yang telah pun terkorban dalam menjalankan tugas. Peranan yang dimainkan oleh PERHEBAT walaupun baru ditubuh begitu ketara sekali, yang mana kerajaan pula setiap tahun telah pun menyumbangkan kepada PERHEBAT secara terus sebanyak RM 26 juta.

Juga Parlimen, Dewan Negara dan Dewan Rakyat baru-baru ini telah pun meminda undang-undang kita yang membenarkan pula LTAT untuk menyumbangkan dari segi keuntungan tahunan mereka kepada PERHEBAT, yang mana pada tahun sudah pihak LTAT telah dapat menambahkan sumbangan lebih daripada RM20 juta kepada PERHEBAT yang telah pun menjadi lebih kurang RM50 juta terkumpul bagi pihak PERHEBAT merencanakan pelbagai program bagi peningkatan kebajikan bekas anggota tentera kita. Malah lain-lain perkara pun diperbincangkan, diambilberatkan agar kebajikan pihak angkatan tentera itu sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin menyentuh tentang Askar Wataniah, iaitu askar simpanan awam khususnya yang menyatakan bahawasanya beliau berpuas hati dengan peranan mereka di seluruh pelusuk tanah air dan harus diperkembangkan. Cuma beliau katakan elaun agak tidak memuaskan. Memanglah tujuan kita ialah untuk menambahkan angkatan anggota simpanan, baik daripada Simpanan Tetap mahu pun Simpanan Sukarela, itulah sebab kita adakan pindaan ini. Oleh kerana tujuan kita ialah untuk mendapat satu jumlah yang agak sesuai dengan peredaran masa seperti yang berlaku juga di lain-lain negara yang maju, di mana jumlah angkatan tetap itu dikurangkan kepada yang paling minimum. Tetapi jumlah yang menjadi Angkatan Simpanan Tetap ataupun Sukarela dipertingkatkan. Insya-Allah, dengan perkembangan ini, pihak kementerian telah pun mencadangkan agar dari segi elaun pada mereka yang sanggup mendaftarkan diri sebagai sukarelawan itu dipertimbangkan agar dipernaikkan mengikut keadaan semasa. Mudah-mudahan dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin pihak kerajaan akan menimbangkannya dengan secara positif.

Berkenaan dengan masalah disiplin, masalah Ketua Marshal Tentera yang memburu mereka yang telah pun meninggalkan angkatan tentera ataupun melanggar disiplin tentera dan sebagainya. Ianya diwujudkan melalui pindaan ini agar setiap perkhidmatan diberi kuasa untuk melantik Ketua-

ketua Marshal agar mereka lebih cepat, lebih tepat, lebih adil mengendali dan menghakimi ataupun melalui proses pengendalian mereka yang telah pun cuai ataupun melanggar disiplin ketenteraan.

Selain daripada itu juga, pihak kementerian sedang menimbang agar diadakan pula satu peruntukan yang mana boleh memberi ruang kepada mereka yang tertentu untuk meninggalkan perkhidmatan dengan syarat yang tertentu.

Ini juga dipertimbangkan agar kita akan dapat membuat satu keadaan yang lebih sesuai, lebih saksama kepada mereka yang tertentu yang ingin meninggalkan angkatan tentera dengan sebab yang tertentu.

Satu lagi ialah berkenaan dengan hubungan ketenteraan dengan Singapura yang mana kita dapati bahawasanya dari masa ke semasa terdapat beberapa angkara yang tidak menyenangkan dengan adanya pencerobohan ruang udara kita oleh pihak tentera Singapura dan cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin supaya dikaji semula perjanjian kita dengan negara itu adalah baik sekali dan pihak kerajaan sedang menimbangkannya.

Tentang PERHEBAT tadi, kita telah pun menjelaskan dan kini PERHEBAT telah sibuk, giat pergi ke negeri-negeri memberi penerangan kepada ahli-ahli bekas perajurit tentang apakah segala kemudahan yang boleh direbuti oleh mereka yang diadakan oleh PERHEBAT. Saya yakin dan percaya dengan adanya prestasi yang baik walaupun baru sahaja ditubuhkan oleh PERHEBAT ianya akan dapat memainkan peranan seperti yang diharapkan oleh kerajaan dan, Insya-Allah oleh rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman juga menyentuh tentang ratio anggota tetap dengan anggota simpanan. Ingin saya jelaskan bahawasanya rancangan kita ialah bagi akhir dekad ini ataupun abad ini, kita harap untuk mencukupi jumlah anggota simpanan ini dengan anggota tetap yang bertugas dengan Kementerian Pertahanan dengan ratio 1:1, 1 anggota tetap dan 1 anggota simpanan. Bagi menjelang tahun 2020 kita harap untuk mendapat rasion 1 anggota tetap kepada 3 anggota sukarelawan. Jumlah anggota tetap yang difikirkan sesuai dan perlu diadakan ialah lebih kurang 80,000, yang lain-lain itu kita harap daripada angkatan simpanan sukarela, anggota simpanan tetap akan dapat menampung keperluan bagi pertahanan negara kita.

Satu lagi tentang peralatan ketenteraan lebih canggih, kini kita telah memperuntukkan lebih ramai lagi tentera atau anggota mengendalikannya sebab di negara-negara lain dalam dunia ini pun menggunakan kaedah yang sama, mengurangkan jumlah tetapi mempertingkatkan peralatannya. Memanglah tugas dan harapan kita untuk mendapatkan peralatan yang canggih-canggih belaka untuk kita mempertahankan negara kita kerana umumnya kita menerima hakikat bahawasanya untuk menjamin keamanan dan keselamatan, kita mesti prepare for war, umumnya dan kita tidak mahu ketinggalan malah kita mempertingkatkan dan up-grade bala tentera kita dan alat pertahanan agar kita setanding dengan negara-negara yang lain. Maka, saranan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz itu amat tepat dan sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian dan kerajaan.

Saya juga tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Aziz tentang digunakan juga lain-lain alternatif tempat hendak landed kapal terbang, seperti di jalan raya dan lain-lain tempat dan juga didapati di lain-lain negara yang mana keselamatan itu merupakan satu agenda yang begitu penting bagi negara mereka. Pandangan ini juga baik dan, Insya-Allah, kerajaan akan mempertimbangkannya bila boleh dan bila sesuai kita akan laksanakan. Tentang komunikasi, kita kini dalam dunia yang begitu canggih sekali yang mana apa sahaja yang kita buat orang lain juga boleh buat dan boleh mengatasinya. Kita harus kini pula memikirkan tentang alat komunikasi yang asal usulnya datang ke negara kita. Kini kita bergantung kepada negara lain untuk membekalkan kita dengan alat-alat komunikasi yang canggih. Kita belum lagi berupaya untuk mengeluarkan alat-alat kita sendiri. Oleh kerana kita mendapatkan alat-alat itu daripada negara lain, bermakna negara lain sudah tahu lebih kurang cara mana hendak tembusi ataupun hendak dapat 'get into' alat-alat kita yang tertentu. Sebab mengapa pihak kerajaan sedang menimbangkan agar kita sendiri mesti ada 'in-house', kepakaran 'in-country' dalam bidang-bidang tertentu khususnya dalam bidang industri pertahanan. Setakat ini kita hanya bergantung kepada import alat-alat tentera, alat-alat pertahanan. Sudah tentu kalau kita sentiasa bergantung kepada import segala alat pertahanan ini sudah tentulah kita tidak boleh memastikan yang kita sebenar-benarnya berdikari dari segi pertahanan negara kita.

Maka, sekarang kita sedang menumpu, kerajaan sendiri telah pun memberi suatu penekanan yang khusus, kita harus menceburi bidang industri pertahanan secara besar-besaran agar kita kelak mampu membuat alat-alat tentera kita sendiri. Dengan keadaan begitulah kita boleh menyakinkan

bahawa orang lain tidak boleh senang-senang hendak menembusi atau hendak menganggu pertahanan kita. Tetapi, ini proses yang baru dimulakan oleh pihak kerajaan. Insya-Allah, dengan kejayaan kita dalam bidang-bidang lain seperti industri motokar, industri komunikasi dan sebagainya, kita yakin dalam sedikit masa kita juga akan mampu mengeluarkan alat-alat ketenteraan, alat komunikasi kita sendiri agar kita lebih boleh menyakinkan bahawasanya tidak mudah bagi mana-mana negara, mana-mana kuasa untuk hendak mencerohi ataupun menembusi segala rahsia ataupun segala alat-alat yang ada pada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa pandangan yang dapat saya huraikan bersabit dengan perdebatan yang telah pun dibuatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini bersabit dengan pindaan akta. Saya sesungguhnya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih daripada kerajaan kepada sokongan yang kuat yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas apa juga peranan yang dimainkan oleh mereka bagi menyokong dan membahas rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976.

Rang undang-undang ini dibentangkan dengan tujuan untuk membolehkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Institut Teknologi MARA dikemaskinikan dan juga untuk memasukkan beberapa peruntukan baru bagi menyelaraskan dengan perubahan-perubahan semasa dan akan datang di peringkat nasional dan antarabangsa.

Akta Institut Teknologi MARA, Akta 173, telah mula berkuatkuasa pada tahun 1976. Ianya diwujudkan bagi menyediakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan, penyelenggaraan dan pentadbiran ITM. Sebelum wujudnya Akta 173 ITM yang telah ditubuhkan semenjak tahun 1956 telah ditadbir oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Walau bagaimanapun, setelah Akta ITM diperkenal dan dikuatkuasakan pada tahun 1976 ITM telah dijadikan sebuah badan korporat di mana pengurusan dan pentadbirannya diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Institut.

Selain daripada Akta 173, pengurusan dan pentadbiran ITM juga tertakluk di bawah Akta 174 iaitu Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 khususnya bagi perkara-perkara yang berhubung dengan pentadbiran dan penyelenggaraan tatatertib kakitangan dan pelajar.

Semenjak penubuhannya usia ITM telah menjangkau 40 tahun. Dalam tempoh tersebut telah banyak perubahan dan cabaran yang dilalui terutama dalam usaha untuk memenuhi matlamat penubuhannya. Penubuhan ITM yang dimulakan sebagai Dewan Latihan RIDA kemudiannya dijadikan Maktab MARA dan seterusnya wujud sebagai Institut Teknologi MARA bermatlamat untuk menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar bumiputera dari luar bandar yang kurang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya memenuhi keperluan guna tenaga bumiputera di peringkat separa profesional dan profesional.

Selaras dengan matlamat tersebut, ITM menyediakan kursus-kursus pengajian di peringkat diploma, diploma lanjutan dan sijil dalam bidang-bidang teknologi, sains, perdagangan, perniagaan, perusahaan, pengurusan, pentadbiran dan bidang-bidang pekerjaan lain yang seumpamanya.

Dalam jangka masa yang agak panjang tersebut, ITM telah berjaya meraih banyak kejayaan. Dengan enrolemen pelajar seramai lebih kurang 40,000 ITM telah menghasilkan hampir 100,000 graduan dalam semua peringkat dan bidang pengkhususan.

76% daripada graduannya merupakan pelajar di peringkat diploma. Kejayaan ITM dalam melaksanakan agenda social engineering ini merupakan satu kejayaan yang boleh membanggakan negara. Walaupun ITM telah berjaya mencatat banyak kejayaan, namun kedudukan dan peranannya perlu dikaji semula bagi menyesuaikan dengan perubahan-perubahan dimensi yang sedang pesat berlaku di peringkat nasional dan global.

Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta ITM perlu disesuaikan dengan keperluan semasa dan akan datang khususnya dalam menghadapi cabaran dan perubahan-perubahan abad ke-21 yang akan datang. Pindaan kepada Akta ITM yang dicadangkan ini mewajarkan perkara-perkara tersebut dilakukan.

Pencapaian ITM dalam melaksanakan social engineering sebagaimana yang telah dinyatakan di atas telah mengkagumkan dunia luar terutama sekali negara-negara yang sedang membangun. Kebanyakan negara yang sedang membangun menghadapi masalah yang hampir sama dengan negara kita Malaysia di mana terdapat penduduk peribumi yang ketinggalan dalam pembangunan negara terutama dalam merebut peluang-peluang pendidikan tinggi.

Berdasarkan kepada kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia setakat ini, Malaysia seharusnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara

membangun tersebut. Dengan sumbangan yang dihasilkan oleh ITM selama ini, saya yakin peranan membantu ini akan dapat dimainkan oleh ITM.

ITM dapat menawarkan perkhidmatan dan kepakarannya dengan negara-negara membangun dalam menyediakan peluang-peluang pendidikan tinggi kepada rakyatnya yang kurang bernasib baik. Adalah dijangkakan negara-negara seperti Papua New Guinea, Afrika Selatan, Maldives dan negara Selatan-selatan akan mengalu-alukan bantuan seperti ini. Ini dapat dilaksanakan dengan membenarkan ITM menubuhkan cawangan-cawangannya di luar negeri, menjalankan program pengajian secara usaha sama, bersama, berkembar dan seumpamanya dengan institusi-institusi pendidikan tinggi di luar negeri serta memfrancaiskan perkhidmatan dan hasil-hasil penyelidikannya.

Di samping dapat membantu negara-negara membangun dalam menyediakan peluang-peluang pendidikan tinggi kepada rakyat peribuminya, perluasan aktiviti ITM keluar negara ini juga akan dapat menambah sumber pendapatannya. Ini selari dengan hasrat menjadikan pendidikan sebagai komoditi eksport.

Namun begitu, ingin saya tegaskan di sini bahawa perluasan aktiviti ITM keluar negara sepertimana yang dicadangkan ini tidak akan menjejaskan tanggungjawabnya kepada negara. ITM akan tetap memberikan keutamaan

dalam menghasilkan guna tenaga yang diperlukan oleh negara di peringkat separa profesional dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kejayaan ITM yang tidak dapat disangkal ialah selain daripada menghasilkan graduan berkelulusan diploma dan sijil, ITM juga telah berjaya melahirkan graduan yang mempunyai kelulusan setaraf dengan ijazah. Ini adalah kerana kesemua 33 program di peringkat diploma lanjutan yang dijalankan oleh ITM adalah diiktiraf setaraf dengan Ijazah Bacelor dengan Kepujian. Manakala 17 daripada program diplamanya mendapat pengiktirafan kerajaan sebagai setaraf dengan Ijazah Bacelor. Secara tidak langsung pencapaian ITM ini telah membuktikan keupayaannya untuk menjalankan program-program pengajian di peringkat ijazah.

Memandangkan negara juga masih menghadapi masalah kekurangan guna tenaga terlatih di peringkat yang lebih tinggi, kekuatan yang ada pada ITM ini seharusnya dimanfaatkan. ITM seharusnya dibenarkan menawarkan program-program pengajian dan seterusnya menganugerahkan Ijazah sehingga ke peringkat doktor falsafah. Walaupun sehingga ini negara telah mempunyai sebanyak 9 buah universiti awam yang menjalankan program akademik di peringkat Ijazah, namun pengeluaran guna tenaga terlatih di peringkat pengurusan dan profesional adalah jauh daripada mencukupi.

Berdasarkan kepada Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, keperluan jurutera dalam tempoh 10 tahun daripada tahun 1991 hingga tahun 2000 umpamanya adalah dianggarkan seramai 56,600 orang. Dengan mengambil kira stok yang sedia ada, pertambahan seramai 30,100 orang lagi adalah diperlukan, sedangkan pengeluaran daripada universiti-universiti tempatan dalam tempoh tersebut adalah dijangkakan seramai 21,000 orang sahaja.

Penubuhan universiti-universiti korporat dan universiti swasta kemudian nanti beserta graduan yang mendapat latihan di luar negeri, dijangka masih belum dapat memenuhi keperluan tersebut. Ini adalah kerana tempoh pembangunan yang begitu rancak dialami oleh negara pada masa ini dan dijangka berterusan untuk tempoh beberapa dekad yang akan datang memerlukan pengeluaran guna tenaga terlatih dalam bidang pengurusan dan profesional pada kadar yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini hampir 60% daripada tenaga pengajar ITM mempunyai kelulusan diperingkat Ijazah Lanjutan termasuk 131 orang yang mempunyai kelulusan di peringkat Ph.D. Dengan adanya tenaga pengajar yang memiliki kelayakan yang lebih tinggi daripada apa yang diperlukan dari seorang pensyarah ITM, pensyarah-pensyarah ITM sudah tentunya mempunyai peluang yang luas untuk berpindah ke universiti-universiti awam yang lain atau ke sektor swasta. Keadaan ini jika tidak

ditangani di peringkat awal akan menggagalkan usaha ITM untuk mengekalkan mereka yang cemerlang dan berwibawa meneruskan perkhidmatan dengan ITM. Sekali gus ini akan melumpuhkan keupayaan dan kemampuan ITM untuk beroperasi dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, tenaga pengajar ITM perlu diberikan kedudukan yang bersesuaian dengan kelayakan dan pengalaman mereka. ITM hendaklah diperuntukkan dengan kuasa bagi melantik atau menaikkan pangkat tenaga pengajarnya ke jawatan-jawatan pensyarah kanan, reader, penolong profesor, profesor madya, profesor dan profesor kanan.

Suka saya jelaskan di sini bahawa pencapaian kepada kedudukan-kedudukan seperti yang dinyatakan itu, akan dipastikan supaya berasaskan semata-mata kepada kecemerlangan prestasi seseorang tenaga akademik berkenaan di dalam tugas utamanya iaitu pengajaran, penyelidikan dan perundingan, penerbitan serta khidmat masyarakat.

Pensyarah ITM yang pada masa ini tidak disyaratkan menjalankan penyelidikan, akan diperlukan berbuat demikian selari dengan perubahan ini. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada akhir tahun 1995 yang lalu bagi membolehkan universiti-universiti awam dikorporatkan. Dalam hal ini ITM juga perlu melalui proses yang serupa bagi memastikan ia dapat memberikan saingan yang sihat kepada universiti-universiti awam di negara ini

terutamanya dalam usaha kita untuk memantapkan lagi pembangunan pendidikan tinggi di negara ini.

Sebagaimana dengan universiti-universiti awam yang lain, pindaan kepada Akta ITM ini juga akan memberikan 'keluwesan' kepada pihak pengurusan ITM untuk menghasilkan satu sistem pengurusan yang lebih dinamik dan proaktif serta mempunyai daya saing dan daya maju yang tinggi.

ITM juga akan dibolehkan mewujudkan satu sistem governan mengikut landas-landas lembaga pengarah di sektor korporat. Pada masa yang sama melalui pengkorporatan ITM juga dijangka akan dapat mengurangkan pergantungannya kepada kerajaan dalam membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunannya dengan menjana pendapatan sendiri iaitu daripada punca-punca pendapatan yang lebih luas. Bagi memperluaskan lagi punca-punca pendapatannya ITM akan dibenarkan memperdagangkan hasil-hasil penyelidikannya. Dengan penglibatan tenaga pengajar ITM dalam kerja-kerja penyelidikan dan perundingan adalah dijangkakan ianya akan dapat memberikan sumbangan secara tidak langsung kepada mutu pengajaran dan seterusnya membantu negara dalam mengekal dan meningkatkan lagi tahap dan tempoh pembangunan negara.

Berhubung dengan yuran pengajian perlu saya nyatakan di sini bahawa selepas ITM dikorporatkan, kadar yuran pengajian akan dipertahankan pada kadar yang minimum, ini adalah kerana kedudukan ITM yang berbeza

daripada universiti-universiti awam yang lain. Bantuan yang disediakan oleh kerajaan adalah untuk membantu pelajar-pelajar dan keluarga yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, subsidi yang berterusan ini tidak seharusnya mengurangkan daya saing pelajar-pelajar dalam meningkatkan kecemerlangan akademik, malah mereka perlu berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan kecemerlangan ITM yang telah ditunjukkan sebelum ini terutamanya dalam melahirkan tokoh-tokoh korporat yang berjaya. Perlu juga dipastikan supaya akauntabiliti disemua peringkat pengurusan dan pentadbiran ITM dipertingkatkan bagi mewujudkan keseimbangan dengan peningkatan dalam pemberian autonomi pengurusan dan kewangan.

Rektor selaku ketua eksekutif akan diberikan tanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan ITM yang diiringi dengan akauntabiliti. Adalah diharapkan semua tugas yang diamanahkan kepada pengurusan ITM ini akan dapat dilaksanakan dengan penuh jujur dan bertanggungjawab. Kerajaan juga ingin mengambil peluang daripada pembentangan rang undang-undang ini untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan berhubung dengan pentadbiran dan penyelenggaraan tata tertib kakitangan dan pelajar ITM yang pada masa ini tertakluk di bawah Akta 174. Peruntukan-peruntukan berkenaan yang terdapat dalam Akta 174 dicadang dimasukkan sebagai sebahagian daripada Akta 173.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 38 fasal. Antara pindaan-pindaan yang penting, yang dicadangkan adalah seperti berikut:

(i) Memperluaskan Ruang Lingkup Aktiviti ITM

ITM diperuntukkan kuasa di bawah Akta 173 untuk menyediakan kursus-kursus pengajian, mengadakan peperiksaan bagi pendidikan dan latihan dalam bidang-bidang pengajian yang ditetapkan, membangun, melengkap dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, asrama, dewan kuliah dan sebagainya bagi maksud institut dan menubuhkan cawangan-cawangan. Kuasa-kuasa tersebut hanya boleh dilaksanakan di Malaysia sahaja. Peruntukan-peruntukan berkenaan di dalam Akta 173 dicadang dipinda bagi membolehkan ITM memperluaskan aktiviti-aktivitinya ke luar Malaysia.

Selain daripada itu ITM juga dicadang diberi kuasa untuk menganugerahkan ijazah hingga ke peringkat Ph.D. Walau bagaimanapun statusnya akan tetap kekal sebagai sebuah institut dan tidak sebagai sebuah universiti. Dengan itu keutamaan sebahagian besar pengambilan pelajarannya akan dikekalkan pada peringkat separa profesional.

Dengan perluasan aktiviti-aktiviti tersebut dan yang lebih penting dengan adanya kuasa untuk menganugerahkan ijazah rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya kegiatan penyelidikan dijadikan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ITM dalam menyokong usaha pembangunan negara terutama dalam membangunkan sektor perindustrian dan pembuatan.

(ii) Sistem Governan dan Pengurusan

Sepertimana universiti-universiti tempatan yang lain yang ditadbir di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti di mana Majlis Universiti akan diganti dengan Lembaga Pengarah Universiti, Majlis ITM juga akan digantikan dengan lembaga pengarah. Fasal 18 rang undang-undang mencadangkan keanggotaan lembaga pengarah terdiri daripada 9 orang anggota, termasuk Pengerusi. Keanggotaan lembaga yang dicadangkan adalah terdiri daripada:

- (a) Pengerusi;
- (b) Rektor;
- (c) 2 orang wakil kerajaan; dan
- (d) 5 orang wakil yang pada pendapat menteri mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang

dapat disumbangkan kepada lembaga di mana tiga daripada mereka hendaklah daripada sektor swasta.

Juga selaras dengan hasrat bagi memantapkan pengurusan ITM, pentadbiran dan pengurusan hal-hal akademik juga perlu diperkemaskan. Memandangkan ITM sebelum ini hanya menjalankan program-program di peringkat diploma dan diploma lanjutan, ITM tidak mempunyai sebuah badan khusus yang bertanggungjawab dalam hal-hal akademik. Perkara akademik diletakkan sebagai sebahagian daripada tugas Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik.

Dengan cadangan untuk membolehkan ITM menjalankan program-program pengajian di peringkat ijazah hingga ke peringkat Ph.D, rang undang-undang ini mencadangkan supaya ITM diperuntukkan dengan kuasa untuk mewujudkan sebuah Senat yang akan bertanggungjawab dalam menasihati lembaga pengarah dalam semua perkara mengenai akademik. Keanggotaan Senat dicadangkan terdiri daripada:-

- (a) Rektor sebagai Pengerusi;

- (b) Timbalan-timbalan Rektor;
- (c) Dekan-dekan dan Ketua-ketua Sekolah dan Pusat;
- (d) 3 wakil daripada Provos yang dilantik oleh Rektor; dan
- (e) 3 orang kakitangan akademik institut yang kanan.

Sesuai dengan kuasa yang dicadangkan diberikan kepada ITM untuk menganugerahkan ijazah dan pemberian autonomi alam pengurusan dan kewangan, rang undang-undang ini mencadangkan gelaran kepada ketua eksekutif ITM digantikan daripada Pengarah kepada Rektor dan Pengetua di peringkat cawangan kepada Provos.

(iii) Pengurusan Kewangan

Bagi membolehkan ITM menjana pendapatannya iaitu bagi mengurangkan pergantungannya kepada sumber kewangan daripada kerajaan, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya ITM diperuntukkan dengan kuasa untuk mengeksport keputusannya ke luar negeri sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Selain daripada

itu, seperti juga dengan universiti-universiti tempatan yang lain, ITM dicadang dibenarkan mengambil bahagian dalam perniagaan seperti menubuhkan syarikat, mengambil bahagian alam penyertaan ekuiti, perkongsian atau usaha sama dengan mana-mana organisasi perniagaan dan sebagainya di mana aktiviti-aktiviti tersebut mempunyai hubungkaitnya dengan fungsi dan aktiviti-aktiviti institut.

Di samping kuasa-kuasa tambahan tersebut, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya ITM dibolehkan menjalankan penyelidikan dan pengeluran komersil bagi memaju dan mengguna dengan berkesan hasil penyelidikan dan seterusnya memasar dan memfrancaiskan perkhidmatan, hasil penyelidikan dan keluarannya.

Manakala di bawah Fasal 17(b) rang undang-undang ini pula, institut boleh dengan kelulusan menteri menjalankan apa-apa kursus pengajian bersesama atau bersama-sama, secara bergabung, secara usaha sama atau secara francais atau selainnya, dengan mana-mana universiti, kolej universiti, institut pendidikan tinggi atau badan

profesional atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia.

(iv) Akauntabiliti

Bagi mengimbangkan kuasa yang diberikan kepada ITM, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya sistem akauntabilitinya juga dipertingkatkan. Adalah dicadangkan peruntukan baru di bawah Fasal 33 rang undang-undang dimasukkan. Fasal tersebut akan membolehkan tindakan surcaj diambil ke atas mana-mana pegawai atau kakitangan yang gagal menjalankan tugasnya dengan sempurna sama ada dalam membuat kutipan, bayaran menyelenggara akaun dan lain-lain tugas yang berkaitan dengannya bagi pihak institut.

Selain daripada itu, satu Jadual baru kepada akta iaitu Jadual Kedua dicadang dimasukkan. Jadual tersebut mengandungi peruntukan bagi mengawal selia pihak-pihak berkuasa institut iaitu lembaga, jawatankuasa dan Senat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya cadangan pindaan Akta ITM ini akan menaikkan lagi martabat ITM yang akan membolehkannya bersaing secara sihat dengan universiti-universiti tempatan yang lain.

ITM juga akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dan meluas dalam menyokong usaha pembangunan negara khususnya dalam melahirkan guna tenaga mahir dalam bidang-bidang profesional. Usaha-usaha ini bersama dengan usaha mengkorporatkan universiti-universiti awam, penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan Lembaga Akreditasi Negara akan melengkapkan lagi agenda reformasi pendidikan tinggi negara yang menjurus kepada matlamat mewujudkan kecemerlangan dalam pendidikan tinggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1996, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Apa kata kita beri chance alumni ITM yang giat sangat hendak bercakap. Saya berilah.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Dato' Dr. T. Marimuthu: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dato' Dr. T. Marimuthu hendak bercakap dahulu?

Dato' Dr. T. Marimuthu: Silakan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali:saya boleh beri laluan kalau Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Datuk Haji Ibrahim bin Ali dahulu belajar di ITM, selepas itu pergi ke dua buah universiti, jadi saya beri dahululah Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Okay, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, syukur Alhamdulillah, saya sangat terharu dan ingin menyatakan betapa gembiranya apabila ITM sudah dinaikkan tarafnya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang bertaraf universiti. Ianya seperti suatu impian yang sudah menjadi kenyataan ataupun suatu penantian yang begitu lama, yang sudah menjadi kenyataan. Hampir 22 tahun yang lalu, perjuangan pelajar-pelajar ITM untuk menaikkan martabat ITM ke taraf universiti akhirnya menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil kesempatan di sini, untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak seluruh graduan ITM yang setakat ini jumlahnya tidak kurang daripada 100,000 lebih di seluruh negara untuk menyatakan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak selaku Menteri Pendidikan.

Begitu juga kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus yang baru sebentar membentangkan rang undang-undang ini dan juga kepada seluruh kakitangan pentadbiran ITM di bawah pengarahnya sekarang Dato' Haji Zaidi yang telah menjadi kenyataan iaitu ITM sudah pun menjadi sebuah institusi bertaraf universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana ianya mengingatkan nostalgia pelajar-pelajar ITM 22 tahun yang lalu dan bagi diri saya, saya masih ingat perjuangan ini tidak putus-putus. Semenjak saya menjejak kaki ke Dewan Rakyat pada tahun 1986, selama dua penggal, saya tidak pernah tidak menyebut gesaan agar ITM dinaikkan ke taraf universiti. Tentulah saya gembira dan bila orang tanya saya, apakah kegembiraan saya dalam hidup, saya kata, dua perkara. Satu, waktu saya kahwin, kedua bila ITM dinaikkan ke taraf universiti. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dua sahaja? Tidak ada yang lain lagi?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, dua sahaja! Dan pengalaman yang pahit ialah dua kali masuk penjara. *[Ketawa]* Jadi, pengalaman yang paling gembira apabila ITM diumumkan dinaikkan ke taraf universiti dan inilah tuntutan graduan-graduan ataupun pelajar-pelajar ITM dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Dua ‘penjara’ itulah yang saya sebutkan universiti itu.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, itu pun jarang orang boleh masuk ke situ! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya memanglah tidak ada bahasa yang dapat saya susun kata-kata untuk menyampaikan terima kasih saya bagi pihak graduan ITM kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dahulu waktu kita menuntut ITM dinaikkan ke taraf universiti, waktu itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Menteri Pendidikan dan Perdana Menteri ialah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussin iaitu bapa kepada Menteri Pendidikan sekarang. Secara kebetulan, walaupun tuntutan itu berlaku di zaman Tun Razak ianya direalisasikan oleh anak Allahyarham Tun Haji Abdul Razak sendiri yang waktu itu menjadi Perdana Menteri Malaysia. Saya ucapkan syabas!

Dan juga saya hendak mengambil kesempatan di sini juga bagi pihak bekas-bekas pemimpin pelajar ITM iaitu pemimpin Kesatuan Siswa ITM pada tahun 1971 sehingga 1974 yang melibatkan diri secara aktif menuntut ITM dijadikan, dinaikkan ke taraf universiti untuk menuntut maaf kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

kerana pada waktu itu beliau menjadi Menteri Pendidikan di atas tindak-tanduk para pelajar pada waktu itu.

Kita menerima hakikat bahawa tindakan kita pada waktu itu mungkin satu tindakan yang emosi. Maklum sahajalah, anak muda di menara gading, tentulah penuh dengan idealisme dan penuh dengan semangat perjuangan dan sukar untuk mengawal emosi, apatah lagi ianya ada hubungkait dengan perjuangan untuk meningkat martabat bangsa Melayu yang serba ketinggalan sesudah berlakunya tragedi 13 Mei 1969.

Kita sedar bahawa ianya tidak patut berlaku kerana banyak harta benda ITM rosak, harta benda kerajaan rosak, kalau tak silap saya hampir 1,000 pelajar ditahan, beratus masuk hospital dan ITM ditutup hampir sebulan setengah dan ianya suatu peristiwa yang cukup menyayat hati. Ianya masih segar dalam ingatan, peristiwa ini ianya suatu episod yang cukup menyayat hati, waktu itu apa yang berlaku di ITM. Mungkin ada di kalangan dalam Dewan yang mulia ini pegawai-pegawai yang sekarang ini di beberapa kementerian juga bekas-bekas pelajar ITM masih ingat peristiwa tersebut.

Mereka yang berada di ITM menjadi pentadbir pun masih ingat, salah seorang yang paling lama berkhidmat di ITM waktu saya menjadi pelajar di ITM dahulu ialah Encik Bahadon bin Ismail, saya masih ingat. Cerita ini masih segar dalam ingatan. Malah waktu saya ditahan di Kem Kamunting bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri

sekarang ini, hampir enam bulan saya menulis Memoir ataupun menulis catatan rentetan sejarah bersabit dengan perjuangan ini dan setelah siap kemudian saya serah kepada Pustaka Antara sebagai salah satu bahan yang saya kumpul bersabit dengan ITM ini tetapi malangnya skrip itu hilang oleh Dato' Abdul Aziz di Pustaka Antara kerana waktu itu beliau membuat renovation, skrip itu hilang, saya tidak ada catatan lagi. Kalau tidak, ianya boleh dirakam sebagai satu peristiwa penting kerana saya telah merekodkan dari detik awal-awal sampailah ITM ditutup hampir sebulan setengah akibat daripada tindakan pelajar-pelajar ITM mengadakan tunjuk perasaan.

Saya mengatakan saya menuntut maaf kerana memang tidak patut berlaku dan teguran serta pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang waktu itu menjadi Menteri Pendidikan adalah betul, tidak seharusnya kita mengambil undang-undang dalam tangan kita. Tidak seharusnya kita berlaku emosi, tetapi ianya sudah menjadi sejarah, terpaksa kita menerima hakikat, ianya sudah menjadi sejarah. Tetapi, walau apapun, ia seperti cerita

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ibrahim!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hanipah minta laluan, boleh?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Datuk, minta laluan. Saya ingin mendapat bayangan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim, siapakah lagi golongan yang bersama Yang Berhormat untuk memperjuangkan ITM semasa Yang Berhormat berada di ITM yang pada masa ini masih ada ataupun seperjuangan dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, memang ramailah, nanti akan sampai ke bahagian itu nanti, memang saya pun hendak sebut, memang ramai yang masih ada dan masih banyak yang memberi sumbangan. Insya-Allah, saya akan sebut nanti.

Cuma saya hendak menyebut tadi, walau apapun ianya sudah menjadi bahan sejarah, seperti cerita Singapura dilanggar todak! Waktu Hang Nadim memberitahu kepada pihak yang berkuasa pada waktu itu untuk menyelamatkan Singapura daripada dilanggar todak, diminta supaya diletakkan batang-batang pisang bagi mengelak ikan-ikan todak menyerang ke darat dan membunuh ramai manusia. Hang Nadim diketawakan! Samalah dengan cerita ITM dinaikkan ke taraf universiti, 22 tahun yang lampau, kalaulah pandangan-pandangan kita itu diterima

Tuan Yang di-Pertua: ITM itu dibandingkan dengan todakkah ataupun dengan Singapura?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ini cerita budak-budak ITM dengan Hang Nadim - cerdik!

Tuan Yang di-Pertua: Oh begitu? Oh! Hang Nadim. Baiklah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Maknanya berpandangan jauh, berwawasan dan tahu betapa pentingnya dan perlunya ITM itu dinaikkan ke taraf universiti. Tetapi kita berterima kasih, seperti yang saya katakan tadi, sejarah yang sudah berlaku, sudah menjadi pengalaman, menjadi pengajaran yang seharusnya tidak menjadi ikutan kepada pelajar-pelajar yang ada sekarang ini, sebab kita telah begitu mewah dan kita mempunyai cukup infrastruktur untuk menimba ilmu dengan penubuhan banyak universiti dan dengan dasar keterbukaan pendidikan negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, itulah sebagai sedikit mukaddimah
.....*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baru mukaddimah?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, baru mukaddimah!

Tuan Yang di-Pertua: Baik! Ini kalah Ibn Khaldun!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Untuk menyatakan betapa gembiranya saya dan saya akan tumpukan kepada beberapa isu-isu spesifik yang berkaitan dengan ITM. Tadi mukaddimah! *[Ketawa]* Itu pun saya kira, saya potong dekat setengah jam itu, saya tengok jam, kalau tidak panjang lagi mukaddimah ini. *[Ketawa]* Jauh saya meleva nanti.

Tetapi seperti saya katakan tadi, saya cukup gembira dan insya-Allah, saya bercadang untuk mengadakan satu majlis kesyukuran dan saya berharap

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun boleh hadir nanti dan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini, di mana saya hendak kumpul semua bekas-bekas pemimpin pelajar tahun 1971 hingga tahun 1974 mengadakan kenduri tahlil sedikit menyatakan kesyukuran kita kepada Allah S.W.T.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim, Tuan Haji Abu Bakar minta penjelasan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sama ada Datuk Ibrahim bercadang hendak membuat sebelum bulan Oktober?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak bercadang hendak membuat sebelum bulan Oktober, sebab mereka ini tidak menjadi perwakilan dan saya sendiri pun rasa-rasa insya-Allah selamat *[Ketawa]*, cuma yang tentunya sebagai Ketua Bahagian, bahagian saya ada 12, atas jasa-jasa Datuk Najib dan Datuk Khalid sebagai Timbalan Menteri Pendidikan, gerenti bahagian saya 12 - penuh. Saya harap yang lain-lain pun jangan lupa. Kalau yang lain-lain lupa, ini bererti orang puteh kata "goo eat goo"(kawan makan kawan) *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Tuan Haji Abu Bakar bertanya itu kerana dia bimbang Datuk Ibrahim buat jamuan sebelum bulan Oktober akan melanggar etika.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ini jamuan ITM, tidak ada kenamengena dengan pemilihan. Jadi, untuk mengadakan sedikit majlis kesyukuran secara sederhana untuk menyatakan terima kasih kita kepada Perdana Menteri, kepada Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan dan juga pengarah serta pegawai-pegawai dan kakitangan ITM dan ITM pun saya harap berbuat begitu dan kalau boleh saya ingin mencadangkan kepada pihak pentadbiran ITM, apa kata di dalam perpustakaan atau di mana-mana tempat di dalam kampus ITM, diadakan satu sudut yang menggambarkan, yang meletakkan segala peristiwa 22 April dahulu sebagai satu pengajaran dan ingatan sejarah kepada pelajar-pelajar. Malah kalau boleh nama-nama jalan di ITM, bangunan-bangunan itu, kalau boleh bolehlah namakan nama-nama bekas pengarah dahulu dan nama-nama bekas presiden pelajar dahulu [*Ketawa*] - mungkin boleh menjadi rangsangan kepada pelajar-pelajar sekarang dan masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menghabiskan masa. Saya hendak tumpukan kepada isu-isu spesifik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, isu-isu spesifik, apabila ITM ini dinaikkan ke taraf universiti, ada pihak mengkritik, seolah-olah mereka tidak senang hati. Antara kritikan yang paling tajam yang saya baca di dalam *Hansard* adalah yang dibuat oleh Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat dengan mempersoalkan kualiti ITM - apakah ITM ini layak di angkat ke taraf universiti. Kita pernah bercakap 22 tahun dahulu bahawa ITM sudah layak dinaikkan ke taraf universiti, tetapi hari ini dia mempersoalkan lagi apakah ITM itu layak?

Kalau saya hendak bahas isu ini, saya takut jadi perkauman. Saya tidak percaya Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang ikhlas dan jujur dalam mempersoalkan taraf ITM sebab rekod ada di depan kita. Daripada jumlah kakitangan akademik 1,532 - 56% daripada 2,757 kakitangan akademik mempunyai kelayakan Sarjana dan Ph.D. 273 lagi kakitangan akademik ITM di peringkat Sarjana dan Ph.D. Kelulusan ITM, Tuan Yang di-Pertua tahu - hasil daripada ITM, kita tengok banyak graduan ITM menempa kejayaan. Tokoh korporat, tokoh usahawan, innovator dan macam-macam. Tokoh politik macam saya ini hasil ITMlah. Kalau orang kata Ibrahim Ali berjaya, bukan saya yang berjaya, ITM yang berjaya - betul. Saya pandai cakap ini di ITMlah, buat Masscom - saya dapat A - Public Speaking. *[Ketawa]* betul, di ITM dahulu.

Kita tengok ITM itu sendiri sudah diiktiraf oleh banyak institusi profesional. Diiktiraf oleh Institut Jurutera, Persatuan Akauntan, Persatuan Arkitek Malaysia, Institut Juruukur Malaysia, Institut Jurutera Malaysia, Majlis Peguam dan macam-macam lagi. Semua orang sudah iktiraf, JPA sudah iktiraf lama dah, sebahagian daripada Diploma itu setaraf dengan ijazah - apa lagi yang hendak diquery, selain daripada sentimen dan tidak mahu melihat bangsa Melayu maju dalam bidang pendidikan.

Saya menganggap sesiapa yang menyerang ITM tidak layak sebagai sebuah universiti ataupun tidak layak untuk dinaikkan ke taraf universiti, orang ini adalah anti Melayu. Saya berani membuat tuduhan secara terbuka, sebab tidak ada sebab. Hendak bandingkan ITM dengan sesetengah universiti di Amerika - jauh baik ITM. Sekarang ini Ph.D. orang boleh beli - RM50,000, RM100,000 satu certificate, hendak mana-mana ambil pun tidak tahu. Doktor itu, doktor ini, saya pun pening tengok. Tetapi saya berani mengatakan sebab kalau ada kekurangan kita boleh perbaiki, ada pusat pengajian tinggi dia mula terus sebagai sebuah universiti dengan 200 pelajar sudah dipanggil universiti, belum lagi kita tahu mutunya. Ini sudah berfungsi bertahun, sejak tahun 1956 - 102,000 lebih graduan - takkan tidak layak lagi. Tengoklah angka-angka yang ada di hadapan kita, selain daripada sentimen tidak mahu melihat bangsa Melayu maju dalam bidang pendidikan. Ini betul.

Saya rasa tidak perlu dipersoalkan. Bagi saya orang-orang yang mempersoalkan taraf ITM tidak layak, orang itu tidak rasional. Ada motif yang tidak sihat di sebaliknya. Ini bukan emosi, sebab pemimpin tidak boleh emosi, cuma dia punya perasaan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia boleh marah sahaja.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dia boleh marah sahaja. Fasal melampau betul saya kira. Tengoklah mereka yang keluar daripada ITM. Betul-betul melampau, sepatutnya mereka memberi sokongan kalau mereka ikhlas - ini betul. Saya kira mereka ada motif yang tidak sihat. Boleh tengok rekod dan boleh semak - saya difahamkan bahawa ITM tidak lama lagi akan mendapat ISO 9002 pada bulan Mei 1997 - hendak mendapat kualiti ISO 9002 - saya payah menyebutkan, macam nombor ekor. Mendapat ISO 9002 dalam bulan Mei 1997, apa lagi hendak menjadi masalah?

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim, saya ingat Nombor 46 itu yang nombor ekor, tidak begitu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sudah tidak adalah itu. Sudah tidak ada dah, malah, kita lihat ITM telah memulakan gerakan 5 agenda - Kualiti Dalam Akademik; Kualiti Dalam Pentadbiran, Kualiti Dalam Khidmat Sokongan; Kualiti Dalam Hal Ehwal Pelajar; Kualiti Dalam Bidang Pengajian - jadi, tidak ada masalah - Jabatan Jaminan dan Penilaian Kualiti Akademik pun ada - ini semua tidak menjadi masalah, dengan kakitangan di peringkat Sarjana dan

Ph.Dnya, semua tidak ada masalah, apa lagi hendak query, sepatutnya beri sokongan. Ini perkara yang betul.

Ada pula gesaan yang bertanyakan kenapa bila ITM dinaikkan taraf demikian, tidak dibenarkan pelajar-pelajar bukan bumiputera masuk ITM. Saya percaya, bila Senator Datuk Marimuthu bercakap, sah dia bercakap - saya hendak jawab bila dia bercakap. Saya sudah tahu dalam kepala dia apa yang dia hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Dasar Ekonomi Baru tamat baru-baru ini, kita tengok angka. Memang pencapaian Dasar Ekonomi Baru tidak mencapai matlamat yang kita harapkan iaitu 30%. Timbalan Menteri Pendidikan ada sebutkan tadi, ada disebutkan tadi, sama ada tahun 2000 atau tahun 2020 - hendak 50,000 jurutera, tetapi boleh keluar 30,000. Itu tidak disebutkan dari segi bilangan kaum, kalau sebut bilangan kaum, setelah tamat Dasar Ekonomi Baru baru-baru ini kita tengok jurang perbezaan di antara pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera, terutama dalam bidang profesional seperti akauntankah, juruterakah, kedoktorankah, medicalkah - kesemuanya ini kita tengok jauh bezanya. Ada pencapaian kemajuan hasil daripada usaha kerajaan, tetapi kaum-kaum lain juga meluru ke hadapan dengan begitu hebat, jurang lebih jauh dan hari ini kerajaan sudah tukar dasar untuk mengadakan Dasar Pendidikan Terbuka. Universiti Swasta boleh buat joint programme yang sekarang ini tumbuh seperti cendawan, tidak payah lagi pergi ke luar negeri.

Itu pun satu dasar yang cukup luar biasa. Kalau tanya saya pun, saya tidak berapa hendak setuju lagi, tetapi kerana demi kecemerlangan Malaysia hendak menyelamatkan kita punyai foreign exchange di mana kerajaan tidak

mampu lagi hendak menanggung pelajar pergi ke luar negeri - seorang pelajar RM50,000 setahun dan kita hendak pula tenaga mahir menuju negara maju pada tahun 2020, maka kita setuju dan saya cukup menyokong.

Tetapi dalam hal itu, usaha untuk merapatkan jurang pelajar-pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera harus diusahakan. Maka sebab itu, saya kira belum sampai masanya ITM dibuka kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera, sehingga sampai ke satu peringkat nanti 10-15 tahun akan datang, bila kita tengok jurutera bukan bumiputera 100, jurutera bumiputera ada 85 walaupun tak sama 100% tetapi beza jurangnya 5% atau 10%, maka waktu itu saya turut menyokong ITM dibuka kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera, but not now. Betul - Datin Hajah Wan Intan jangan angguk-angguk sahaja. *[Ketawa]* Ini sungguh. Waktu itu baru saya sokong, tak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kolej Tunku Abdul Rahman, betul ia dibuka kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera, tetapi tidak senang hendak masuk. Taraf akademik ditetapkan bukan main lagi. Tak sampai 1% pun. Masuk separuh jalan - go, sama dengan Universiti Malaya. Satu tahun keluar 2 jurutera, satu tahun keluar satu jurutera daripada fakulti engineering - jurutera bumiputera. Yang ada berseparah sekarang ini, kalau ada pun orang Melayu bumiputera, jurutera Melayu bumiputera di JKR, di swasta semuanya hasil produk ITM. Tunggu dahulu. Kalau tidak, tengok, ini kelulusan masuk universiti begini, begini, tak boleh masuk. Tambahan lagi pelajar luar bandar, bukan mereka tak cerdik. Tetapi kerana luar bandar gurunya kurang, kemudahannya kurang, sebab itulah bila periksa dapat gred 3. Yang duduk asrama penuh dapat gred 1, dapat 8A, yang di kampung-kampung dapat gred 3. Tetapi apabila mereka masuk ITM, kita sudah tengok bukti, ada pelajar gred 3 SPM dahulu di kampung, tetapi bila masuk ITM dapat Ph.D. Masuk ITM pergi ke Fakulti Engineering, School of Engineering ITM, habis belajar diploma, sambung di Leeds University First Class Honours dalam bidang jurutera. Siapa hendak mempersoal kehebatan ITM dan kemampuan dan kebolehan pelajar-pelajar bumiputera. Nantilah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga asal daripada kampung dahulu, saya dapat peluang mengaji di Malay College Kuala Kangsar. Tengoklah berdengung 9A. *[Ketawa]* Betul. Tetapi belajar di kampung, sekolah pun tiris, buku tak cukup. Sebab itu bila mari ke bandar jadi cultural shock. Masuk

ke ITM sudah jadi menggila tak tentu fasal. *[Ketawa]* Fasal apa yang kita bawa daripada kampung, idealisme anak Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah tak gila lagi?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Oh, sekarang tak, normal. *[Ketawa]* Sekarang jadi pemimpin. *[Ketawa]* Ini betul. Saya cakap ini *fact*, ini kenyataan. Bolehlah kita buat sabenar, tetapi kemudian nanti. ITM tidak tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Jadi, tak perlu lagi. Boleh kita pinda, ITM juga boleh dibawa masuk ke Akta Universiti dan Kolej Universiti satu masa nanti. Tetapi biarlah jurang itu dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan perbezaan kaum itu dianggap seimbang, boleh. Bagi kaum-kaum lain, kaum Tionghua tidak ada masalah, ada Kolej Tunku Abdul Rahman dan macam-macam kolej. Bagi kaum India pun tidak ada masalah. Sudah beli TELA, macam-macam, tetapi bolehlah dibesarkan nanti. Saya percaya selagi mana MIC menyokong Barisan Nasional, satu hari nanti orang India pun sama dengan Melayu, betulkah tidak, tepuklah sedikit. Saya beritahu kepada Tuan Marimuthu. Nanti dia kata saya sentimen pula, bercakap perkauman pula. Tetapi lets face the fact, dengan izin, lihat kenyataan. Kita bercakap berdasar fakta. Bumiputera masih ke belakang, walaupun Dasar Ekonomi Baru tamat dua tahun. Kita pertahankan, ITM mesti tetap, hanya pelajar-pelajar bumiputera dahulu sehingga hasil kajian satu masa nanti keadaan sudah seimbang, maka waktu itu, kata Perdana Menteri kita lets compete on the merit, okay, fair.

Saya pun suka, saya pun hendak supaya bangsa saya compete dengan orang lain. Ini sekejap-sekejap subsidi, sekejap-sekejap masuk sekolah pun orang beri free. Kita bukan sedap dengar juga. Kita hendak tunjuk kita bangsa yang cemerlang, yang tidak di 'spoon feeding' yang kita tidak hendak. Sikap berdikari, one day, but not now, belum lagi. Kalau buat sekarang, makin tertinggallah.

Perkara yang ketiga yang dipersoalkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah retrospective dalam akta ini, sebab hendak menganugerahkan ijazah, ada hendak dikebelakangkan tarikh. Ada juga pihak tak bersetuju, termasuk Tuan Lim Kit Siang, saya dengar. Hal ini, oleh kerana kita sudah tahu graduan ITM yang keluar dengan diploma lanjutan, diploma yang bertaraf ijazah, maka mereka wajar dianugerahkan ijazah. Ada terdapat 11,000 saya difahamkan, apa salahnya, sebab itu hak mereka. Itu pun tak setuju, cari fasal sahaja. Nasib baik saya tak ada di Dewan Rakyat, kalau tidak saya menunggu pula nanti. *[Ketawa]* Saya ada di sini, dia tak ada, selamatlah. Memang betul, tak ada

sebabnya. Hanya kerana dahulu mereka ada diploma lanjutan, diploma setaraf dengan ijazah, dan bila ITM diangkat ke taraf universiti, maka mereka berhak menerima ijazah, betulkah tidak? Ada 11,000 anak-anak Melayu bumiputera, dengan berubahnya kedudukan ini, kalau mereka bekerja dengan kerajaan, terangkat kedudukan mereka, kalau kerja dengan pihak swasta terangkat kedudukan mereka. Bukankah ini perjuangan untuk mengimbang kaum di negara kita ini? Jadi, apa yang sibuknya, buat sahajalah Kementerian Pendidikan, don't worry. Ada orang kacau, beritahu saya. *[Ketawa]* Itu yang ketiga.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, apabila dinaikkan taraf, mengenai gaji kakitangan dan pensyarah. Sekarang ini ITM one scale down. Tetapi betullah kita tahu di negara kita ini gaji-gaji pensyarah lebih baik daripada setengah-setengah universiti di lain-lain negara, sampai kalau di full profesor gaji sampai RM11,000, take home pay. Kita gaji RM 5,000 sahaja kena bagi untuk kenduri kahwin cawangan, habis. We have to survive with that RM5,000. Macam-macam lagi mesyuarat cawangan, teh, kopi, roti canai, macam-macam. Ini pensyarah RM11,000 kira better pay.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Datuk Ibrahim. Fasal dia kata RM5,000, betulkah Datuk Ibrahim seorang terima RM5,000? *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tak sampai. Kalau saya sebut kurang lagi, jatuhlah standard kita. *[Ketawa]* Sebab itu saya sebut RM5,000. Full figure. Orang politik, faham-fahamlah. *[Ketawa]* Tetapi the fact is that kita lebih rendah daripada profesor, betul. Profesor gajinya RM11,000, Profesor Madya mungkin RM7,000-RM8,000. Tetapi walau macam mana pun, oleh kerana profesor yang mengajar di universiti RM11,000 bila ITM diangkat ke taraf universiti, mestilah gaji kena sama, sebab sudah same status. Kalau tidak ITM akan kehilangan kakitangan nanti, dia cabut sana, cabut sini, pergi mengajar dengan KBU Kolejkah, Metropolitan Kolejkah, Mahkota Kolejkah yang swasta ini tumbuhkan seperti cendawan. Dia boleh offer macam-macam lagi saham free, macam-macam. Jadi, kita hendak jaga pensyarah kita, jadi gaji mesti sama. Itu perkara yang keempat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, saya hendak minta satu lagi. Ini hendak minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua dan juga Kementerian Pendidikan. ITM saya difahamkan akan

mengadakan konvokesyen bulan November. Jadi, saya hendak minta supaya kalau bolehlah setelah rang undang-undang ini diluluskan, dipercepatkan gezet, dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat Negara Royal consent selewat-lewatnya bulan Oktober bagi membolehkan pada bulan November ITM boleh mengeluarkan ijazah. Kalau tidak kena tunggu sekali lagi. Saya harap sangatlah, Tuan Yang di-Pertua, tolonglah Tuan Yang di-Pertua sendiri tengok, check dengan bahagian Setiausaha, lepas itu hantar ke Peguam balik, Kementerian Pendidikan, dan saya akan telefon hari-hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Insya-Allah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya harap sangat, ini betul-betul. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tolong sampaikan kepada Menteri Pendidikan. Ini harapan kepada graduan-graduan ITM, harap sangat supaya ianya dapat diselesai dan digezet dalam bulan Oktober ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga hendak menyentuh - saya menyokong penuh apabila disebut oleh Timbalan Menteri sewaktu membentang rang undang-undang tadi, ITM juga diizin untuk beroperasi di peringkat antarabangsa. Ini bagus. Maknanya, kita boleh memberi khidmat di negara-negara membangun khususnya yang hari ini telah menerima Malaysia sebagai satu contoh negara model kepada negara-negara sedang membangun, terutamanya di kalangan Asia dan Pasifik, negara di setengah-setengah, negara Selatan ataupun third world countries ataupun di Latin Amerika. Semalam pun saya baca dalam surat khabar Perdana Menteri dari Fiji - dahulu saya tengok dalam surat khabar dia pakai skirt, dia datang sini pakai coat, besar orangnya saya tengok. Dia melawat ITM saya tengok, saya baca kenyataan, dia kata dia hendak ikut ITM, hendak buat satu institusi seperti ITM. Elok kalau boleh ITM dapat membuka cawangan di Fiji, cawangan di Bosnia, di Vietnam, di Cambodia, dan bukan sahaja ianya boleh memberi pulangan kewangan, tetapi pada masa yang sama boleh mengharumkan negara kita.

Jangan kita mengharapkan kepada bangsa Barat sahaja to export dia punya education. Kita juga boleh dan mampu berbuat demikian. Kita mesti proof orang-orang Asia, bangsa Malaysia, baik Melayu, Cina, India yang mewakili bangsa Malaysia. Kita buktikan kepada dunia luar kita juga sama dengan bangsa mereka, kita boleh dan saya menyokong penuh dan kalau boleh dipercepatkan, at least satu dua dulu ditubuh dengan secepat mungkin dan itu mengukuhkan lagi integriti ITM.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, saya juga hendak menyentuh bersabit dengan, ini penting, saya hendak sebut ini walaupun saya telah menyokong, telah berseronok dan sebagainya saya juga hendak minta, ini penting juga. Saya tidak bimbang dari segi soal kualiti, dari segi mutu akademik, itu saya sudah sebut tadi, tinggal lagi pelajar-pelajar juga harus dididik dalam bentuk apa yang dikatakan ilmu ini kalau saya hendak quote apa kata Charles Silverman, dengan izin, education should prepare people not just to earn a living but live alive a creative human and sensitive plight. Ini prinsip pendidikan tinggi ilmu. Prinsip kita hendak memperolehi ilmu.

Banyak lagilah kalau kita tengok kata-kata pujangga macam Socrates, Aristotle bersabit dengan ilmu. Dato' Sri Timbalan Perdana Menteri pun selalu menyebut apa itu ilmu. Selamat datang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Dato' Mohamad Abdullah. *[Ketawa]*

Mesti berpusat kepada prinsip tadi, oleh itu universiti tertakluk di bawah university college dan act. Dulu sudah janji hendak dipinda dan memang dipinda tetapi soal-soal kegiatan pelajar ini saya hendak merayulah. Saya bersetujulah tadi saya telah katakan tunjuk perasaan tidak patut, kita pun sudah minta maaf, tidak patut berlaku tetapi jangan kita mengongkong pelajar-pelajar begitu sekali sehingga walaupun dia orang ada Ph.D., dapat ijazah tinggi, keluar very inferiority complex, takut, tidak mahu berdikari. Saya mengatakan demikian sebab saya bertemu dengan graduan-graduan tahun 80-an yang keluar. Saya pernah interview mereka, saya tengok sifat mereka itu begitu inferior sekali, jadi kita kena tanam semangat keyakinan diri, self confidence, caranya biarlah ada ruang kebebasan sedikit.

Sekarang ini kalau hendak buat forum, kena minta kebenaran, check siapa dia orang hendak jemput, hendak buat itu tidak boleh, ini tidak boleh, tetapi sekurang-kurangnya seminggu sekali diizinkan pelajar-pelajar buat speaker corner. Boleh buat dengan ada kebenaran, biar dia orang hendak bercakap apa pun biar dia orang lepas perasaan, ha, macam itu, tetapi ada tempat yang dihadkan. Kesatuan sekerja boleh tunjuk perasaan, bila dapat buat ballot tapi kita tidak setuju itu. Setakat dia orang boleh buat seminar juga, dengar siapa bercakap, kita dibenarkanlah, tidak payahlah bet orang ini boleh, orang ini tidak boleh, bagilah dia orang ini masuk kampus, biar dia orang bercakap, maklum sahaja pusat pengajian tinggi, so long that dia orang jangan demonstrate, they go to the street menjahanamkan harta benda, itu saya setuju diambil tindakan. Tetapi, untuk melahirkan

pelajar-pelajar supaya dia ada semangat berdikari, ini saya minta dulu Akta Universiti dan Kolej dipinda dalam beberapa hal supaya pelajar-pelajar mula tidak rasa takut. Dia hendak buat kenyataan sedikit, sekali-sekala buatlah, kerajaan pun tidak marah, cuma buat undang-undang itu untuk guide, terpulanglah kepada pihak pentadbir, jadi Dekan Hal Ehwal Pelajar.....

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ibrahim!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sekali lagi daripada Datuk Ibrahim. Sekiranya kerajaan mengubah Akta Universiti dengan membenarkan pelajar-pelajar ini mengadakan speakers corner, tidakkah itu akan menjejaskan prestasi akademik budak-budak bumiputra ini pula di universiti? Sebab sekarang ini pada pendapat saya dengan tidak adanya speakers corner itulah pelajar-pelajar Melayu boleh tumpu ke soal akademik tetapi dari segi keyakinan diri itu adakah cara lain yang boleh kita buat?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Pandangan Yang Berhormat itu ada betul dan ada tidak betul. Yes and No. Maknanya maksud saya tadi, saya setuju dari segi satu hal, kalau terlampau banyak aktiviti yang tidak berfaedah, apatah lagi tunjuk perasaan boleh menjejaskan pelajaran. Maksud saya tadi terpinpinlah, ada ruang. Sekarang ini mereka beri tetapi beri pun begitu ketat sekali supaya ada sedikit ruang, maknanya kalau setakat dia orang hendak buat seminar, konvensyen dia hendak jemput siapa dia boleh jemput dan kalau hendak speaker corner pun mungkin sebulan sekali, beri mereka berlatih belajar, macam praktikallah. Ini saya rasa tidak ada, tidak mengganggu akademik, malah unsur untuk menanam keyakinan diri. Tidak tahulah, kalau kita boleh bincang lagi selepas ini dekat luar nanti, macam mana caranya tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim, Tuan Haji Hamzah minta laluan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya amat setuju dengan kesemua cadangan-cadangan Datuk Ibrahim Ali dan saya hendak tanya Datuk Ibrahim setuju tidak kalau saya cadangkan kepada Menteri melantik Datuk Ibrahim duduk dalam senat ITM dan lepas ini dia boleh cadang dan laksanakan kesemua cadangan-cadangan beliau.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Memang tepat, itu yang saya hendak cakap tu. *[Ketawa]* Saya setuju sangat!*[Ketawa]* Jadi, itu tadi, saya mintalah tetapi bentuk macam mana terserah kepada budi bicara Menteri Pendidikan dan juga pihak pentadbiran tetapi rayuan saya ialah dilonggarkan sedikit. Tempat hendak longgar itu fikirlah! Mana yang dikira baik, yang tidak baik itu tidak usah beri.

Ini cadangan saya dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadang juga. Baru-baru ini Menteri Pendidikan ada mengumumkan untuk wujud smart school, sekolah cemerlang di kampung-kampung ataupun di mana-mana dipilih, dikatakan smart schools. Saya ingin mencadangkan supaya ITM dilantik menjadi penyelaras kepada smart schools ini sebab ITM mempunyai banyak kemudahan dan kita tailor keperluan tenaga mahir masa depan dalam bidang profesional dan juga semi profesional. Masih banyak lagi anak-anak Melayu kita cenderung kepada bidang sastera ini, manakala bidang teknologi sains ini masih lagi kita kurang.

Baru-baru ini pun ada tokoh akademik bentang kertas kerja di konvensyen UMNO dalam bidang pendidikan. Dia melahirkan rasa kecewa dia, tunjuk angka anak-anak Melayu yang PMR, UPSR gagal dalam Matematik, begitu banyak sekali. Saya pun tidak faham dengan dia orang ini. Dia orang ini pernah diberi tanggungjawab memimpin banyak pusat universiti tetapi akhir sekali dia kritik pula kerajaan - pernah betul-betul berlaku tetapi apa yang dia buat? Itu yang saya hairan tetapi saya cadangkan supaya ITM boleh dijadikan penyelaras kepada smart schools ini, makna ITM boleh mengambil beberapa sekolah sebagai anak angkat kepada ITM, memberi peruntukan, saya percaya ianya boleh melahirkan apa yang dikatakan sekolah smart schools dan kita melatih supaya anak-anak kita lebih berminat kepada sains dan teknologi. Betul! Tengok graduan ITM sekarang ini, diploma. Dulu 3rd grade SPM, Inggeris tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu! Cakap pun kelam kabut. Betul!

Tuan Yang di-Pertua: Mana hendak lawan Datuk Ibrahim cakap Orang Putih.

Datuk Ibrahim bin Ali: Ooo memang! Saya dulu pun bukan pandai, bila cakap Orang Putih bunyi kelantan, tahu? Tetapi, kerana semangat belajar di ITM, boleh pergi cakap ke United Nation, bercakap di Brazil depan ribu-ribu. Saya pergi, ada juga tunjuk perasaan depan George Bush masa di Brazil, cakap dekat speaker corner, cakap Orang Putih fasih betul. Yes! *[Ketawa]* Kalau tidak takkan Perdana Menteri bawa! Saya pun tidak tahu, lancar betul, makna tidak bunyi Kelantanlah, dia

orang kata “Are you from New York?” Saya kata, “No, I am from Malaysia”. Begitu! *[Ketawa]*
 Begitu lancar sekali.

Tengok sekarang ini Diploma In Secretarial Science, sekarang ini hendak cari Setiausaha pun tidak ada, yang fasih guna komputer dalam bahasa Inggeris, boleh draft letter in English, buat shorthands, tidak ada dah, cukup kurang. Sehingga graduate-graduate dalam Diploma Secretarial Science ITM, Stamford College, starting salaries sampai RM2,500, tidak ikut scale dah asalkan ada sahaja. RM2,000, RM3,000 berbanding dengan siswazah keluar dari Universiti, Sastera masuk kerja start RM850. Betul ini! Dan sekurang-kurangnya pula dia orang boleh bi-lingual English dapat, Bahasa Melayu dapat. Dulu duduk kampung tidak reti apa pun. Masuk ITM cakap Orang Putih, lancar. Ini yang dikatakan kecemerlangan itu. Itulah hasil kejayaan ITM, saya pun pernah menegur, even Universiti Kebangsaan saya pernah tegur dahulu, kalau keluar pun tiba-tiba bekerja pergi interview dengan Harrison Crosby, interview dengan Sime Darby, dengan Guthrie, bila ditemuduga minta buat karangan sedikit, belajar bahasa, cakap bahasa Inggeris tidak dapat. Seolah kita discriminate betul because kita kena bersaing di private sector. Bahasa antarabangsa, bahasa Inggeris. Kalau tidak macam mana kita hendak sampai, kita hendak berhujah, betul!

Oi, saya, Tuan Yang di-Pertua, waktu sekali di United Nation bercakap itu orang datang shake hands. *[Ketawa]* Dia kata “congratulation Dato’ Seri Dr. Mahathir” dia orang ingat saya Perdana Menteri. *[Ketawa]* Pasal nama Dr. Mahathir masyhur, jadi kita pun ikut semangat dia, jadi naik nama Malaysia. Betul! Saya bukan buat cerita ini, cerita betul!

adi, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Adalah bakat itu nampaknya!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya!

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang disebut oleh saudara Senator Tuan Haji Hamzah tadi, saya bersetujulah, bukan Senat-Senat itu orang akademik, lembaga pengarah tadi, Yang Berhormat Dato’ Timbalan Menteri Pendidikan ada sebut 9 orang, jadi lima itu lantikan menteri, dia tidak specify ada wakil

alumni, bekas pelajar, jadi elok sangat daripada lima itu ditimbangkan wakil graduan daripada ITM.

Kalau tak ada orang, memang sayalah! *[Ketawa]* Kalau ada orang lain, tak apa, saya jenis tak jadi hal, sebab banyak contohnya macam Dato' Mohd. Salleh Majid, sekarang ini Pengurus Besar, Bursa Saham Kuala Lumpur, itu ITM produk itu, Dato' Salleh Majid itu dan banyak lagi yang lain-lain. Orang-orang ini boleh, kalau dibawa balik ke ITM memberi sumbangan, malah mereka patutlah diberi peranan untuk memberi sumbangan. Macam saya ini yang akhir pun tak apalah, maknanya saya boleh memberi sumbangan daripada luar, daripada dalam, saya tak kisah. Tetapi setengah-setengah orang kalau tidak ada diberi tempat memang sukar mereka hendak memainkan peranan.

Jadi, boleh diberikan tempat kepada orang-orang yang macam ini. Jangan dilantik orang-orang yang sudah bersara, yang jenis pergi mesyuarat tidur, tak usahlah, *[Ketawa]* ya atau tidak? Berilah yang aktif sedikit! Ini ada yang sudah bersara - sudah penat betul dah! Tidur! *[Ketawa]* Institut Teknologi ini, ia bertaraf universiti sama dengan MIT Amerika, sama dengan Institut Teknologi Bandung, saya lupa hendak sebut tadi, ada kata, boleh atau tidak sebuah institusi yang tidak dinamakan universiti mengeluarkan Ijazah? Boleh! MIT Amerika - hebat! Mengatasi banyak universiti di Amerika, Institut Teknologi Bandung, ada lagi saya bawa senarai ini, banyak lagi

universiti-universiti, di India ada dan banyak negara lain, kalau hendak sebut masa tidak ada. Saya minta ditimbangkan.

Selain daripada itu saya rasa ucapan saya tidak lengkap kalau saya tidak merakamkan penghargaan kepada seorang bekas pengarah yang menjadi 'what ITM is today' iaitu Tan Sri Dato' Arshad Ayob. Tan Sri Dato' Arshad Ayob adalah pengarah pertama bermula daripada RIDA sehinggalah pada tahun 1974 berlaku tindakan pelajar-pelajar menunjuk perasaan akibat isu menaikkan taraf, beliau tamat berkhidmat dengan ITM. Tetapi jasa beliau jangan kita lupa, jasa beliau cukup banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat betapa perjuangan beliau untuk mewujudkan school of engineering di ITM menjadi isu politik, hampir-hampir beliau berhenti pada waktu itu, nasib baik Allahyarham Tun Dr. Ismail rescue dan mengizinkan akhirnya ITM mewujudkan school of engineering dan kita lihat hari ini hasil school of engineering ITM. Banyak lagi kursus-kursus lain yang mendapat halangan dan tentangan dan beliau bekerja keras. Pada saya beliau adalah pejuang bangsa yang kalau hendak dibariskan kalau ikut saya dia ini adalah sama dengan pejuang-pejuang dahulu sebab hasilnya praktikal, kita lihat bukan retorik bercakap hendak tolong bangsa tetapi hanya bercakap sahaja, tetapi Tan Sri Dato' Arshad Ayob telah mempersembahkan dan melahirkan satu gedung pendidikan yang melahirkan banyak anak bangsa kita

dalam bidang profesional dan semi profesional. Dia berjuang bersungguh-sungguh pada waktu itu.

Jadi, saya juga ingin menyebut di sini melahirkan penghargaan saya kepada beliau dan juga kepada bekas-bekas pengarah yang lain, tetapi Tan Sri Arshad bin Ayob yang mula tentulah macam jugalah Perdana Menteri dan macam Allahyarham Tunku Abdul Rahman, dia adalah seorang pejuang mencapai kemerdekaan, kita recognise kerana Tunkulah memperjuangkan Malaysia menjadi merdeka walaupun selepas itu Tunku juga ada kelemahan-kelemahan tertentu, kita tidak boleh menafikan dari segi sejarah, ITM - Tan Sri Dato' Arshad Ayob berjasa kepada Institut Teknologi MARA.

Saya boleh samakan beliau seperti Dato' Bahaman ataupun Mat Kilau, cukup gigih perjuangan beliau pada waktu itu sehingga beliau dituduh memihak kepada pelajar, beliaulah menghasut pelajar-pelajar, macam-macam dalam soal perjuangan untuk mendapat hak mengendalikan beramcam-macam kursus di ITM dan juga untuk mendapat pengiktirafan sehingga beliau menjadi mangsa dan jasa beliau saya lihat tidak dihargai sepenuhnya.

Pada sayalah, boleh atau tidak Dato' Timbalan Menteri akan menyampaikan salam saya kepada Dato' Menteri Pendidikan malah dalam lembaga pengarah nanti ataupun pengerusi lembaga pengarah ataupun apa-apalah, sepatutnya Tan Sri Dato' Arshad Ayoblah diberi peranan, sebab orang

yang boleh memberi banyak idea dan pandangan. Ini dilantik di dalam Senat Universiti Malaya, saya tidak tahu pula. Dan juga bekas-bekas pelajar dan saya percaya pengurusan sekarang ini di bawah pimpinan pengarah baru insya-Allah, akan menjadi rektor Dato' Zaidi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada di sini atau tidak?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tadi ada, saya jumpa dia di luar tadi. Ya, ada, ada. Beliau seorang jurutera yang dahulu memang berpengalaman, kita tahu duduk dalam banyak agensi kerajaan dan saya dapat maklumat, bukan kerana dia ada di sini, tetapi selepas Tan Sri Dato' Arshad Ayob berhenti, Dato' Lokman Musa datang, saya ingat, lepas itu datang Profesor Nik Rashid, lepas itu Profesor Awang Had Salleh, macam-macam isu dan macam-macam cerita dalam ITM yang saya dengar, sehingga pengarah baru datang, saya dengar keadaannya begitu tenat, ITM berjalan lancar, saya ucapkan syabas semoga ITM menjadi ITM yang kita harapkan untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu dan kaum bumiputera. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, silakan.

8.06 mlm.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Institut

Teknologi MARA selepas ucapan Datuk Haji Ibrahim bin Ali, seorang bekas penuntut yang illustrious dan ahli politik yang terkemuka. *[Ketawa]* Ucapan nostalgia beliau adalah menarik dan telah menerangkan sejarah ITM.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pemindaan rang undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa kepada institut untuk menganugerahkan Ijazah kepada penuntut-penuntut yang mengikuti program diploma dan diploma lanjutan. Akta ini juga akan memberi kuasa untuk menubuhkan cawangan di luar Malaysia.

Fasal 12 memberi kuasa tambahan yang membolehkan institut ini menyertai perniagaan usaha sama, menubuhkan syarikat dan perbadanan dan meminjam wang dan sebagainya. Beberapa Fasal dalam akta ini memberi fleksibiliti bagi ITM untuk mengkorporatisasikan institut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan atas kuasa yang diberi untuk menganugerahkan ijazah-ijazah atau kurniaan kehormat dan sebagainya, Kuasa ini akan meninggikan status ITM sama taraf dengan universiti-unviersiti tempatan walaupun namanya tidak bertukar kepada universiti.

Kerajaan telah mengiktirafkan beberapa diploma dan diploma lanjutan sebagai Ijazah Sarjana Muda. Ini adalah satu penghormatan dan pengiktirafan yang diberi kepada ITM atas usaha dan sumbangan yang diberi kepada perkembangan negara khususnya dalam perkembangan kemahiran dan pendidikan tinggi di kalangan bumiputera.

ITM bermula tugasnya sebagai Dewan Latihan Rural Industrial Development Authority (RIDA), memberi latihan dalam beberapa bidang untuk mempertingkatkan kemahiran bumiputera dari luar bandar yang kurang bernasib baik. Selepas itu di bawah MARA dan semenjak 1976 di bawah Kementerian Pendidikan, institut ini telah meluaskan dan meningkatkan taraf latihan dan pendidikan yang ditawarkan.

Pencapaian ITM dalam empat dekat yang lalu adalah mengagumkan dan saya ingin menyokong Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali bahawa kita harus merakamkan dan mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Dato' Arshad Ayob, Pengarah ITM yang pertama dan juga beberapa pengarah selepas itu atas visi dan misi beliau untuk ITM yang telah menjadi satu institusi yang terkemuka di negara kita. Walaupun pemindaan akta ini akan memberi kuasa untuk menganugerahkan ijazah, tujuan utama ITM iaitu pemberian latihan dalam bidang para profesional dan teknikal akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya meneliti rang undang-undang ini, struktur pentadbiran dan beberapa jawatan yang diubah adalah sama dengan struktur universiti-universiti tempatan. Suatu badan yang penting dalam pentadbiran universiti adalah pertubuhan satu badan Senat.

Fasal 20 adalah untuk mewujudkan Senat Institute. Senat ITM akan membuat syor kepada lembaga atas semua perkara akademik. Ini adalah yang penting. Majoriti ahli di Senat adalah daripada kalangan akademik dan

keputusan mengenai kegiatan-kegiatan akademik akan diputuskan oleh akademia. Walaupun akta ini akan meningkatkan taraf ITM kepada taraf universiti, saya harap kakitangan akan diberi peluang untuk menjalankan kegiatan-kegiatan akademik mereka.

Saya ingin menyentuh mengenai aspektasi dan ciri-ciri kebudayaan sesuatu universiti. Apakah ciri-ciri kebudayaan universiti dan apakah jangkaan kepada kakitangan akademik di universiti? Peranan dan jangkaan mereka adalah seperti berikut:-

Yang pertama, pengajaran. Ini adalah satu peranan yang penting. Pengajaran bukan bermaksud menurunkan pengetahuan dan kemahiran sahaja iaitu transmission of accumulated wisdom of the society, dengan izin, tetapi melalui intraksi di antara pensyarah dan penuntut, sikap, gaya pemikiran, nilai dan norma akan diubah sesuai dengan kehendak masyarakat.

“University education is not only just about receiving conventional wisdom but to encourage students to think critically and laterally”, dengan izin.

The quotation is mine, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Daripada buku apa itu?

Dato’ Dr. T. Marimuthu: Tidak ada buku, tetapi saya tulis dalam teks ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dari buku Yang Berhormat.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Pengajaran yang dilakukan harus di atas apa yang dikatakan oleh ahli akademik adalah 'electric contact', di antara 'the shock and the student'.

Yang kedua, adalah penyelidikan dan penerbitan. Ini adalah satu peranan yang penting dan ini adalah satu kegiatan yang amat penting untuk kenaikan pangkat di universiti. Seseorang akademik dijangka menjalankan penyelidikan dan penemuan-penemuan mereka diterbitkan dalam majalah-majalah tempatan dan juga di antarabangsa. Jika artikel-artikel dapat diterbitkan dalam majalah antarabangsa, peluang kenaikan pangkat untuk akademik adalah baik dan untuk peluang kenaikan pangkat kepada profesor ataupun Profesor Madya adalah cerah.

Tugas pendidikan adalah untuk mewujudkan pengetahuan iaitu 'to create new knowledge, to push the fronties of knowledge', dengan izin. Saya tidak pasti sama ada kakitangan akademik ITM pada masa ini menjalankan penyelidikan, saya fikir - tidak, tetapi akta ini memberi peluang untuk menjalankan penyelidikan. Dalam kebudayaan akademik adalah satu perkataan yang menunjukkan kepentingan penyelidikan dan penerbitan adalah 'you either publish or you 'bereave'' dalam dunia akademia.

Saya yakin kakitangan di ITM akan 'publish' bukan 'bereave', daripada 2,574 kakitangan akademik, 57% mempunyai ijazah sarjana dan

Ph.D. Ini menunjukkan kebolehan dan kemampuan mereka untuk menjalankan pengajaran dan penyelidikan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta Kementerian Pendidikan memberi peruntukan yang mencukupi kepada ITM supaya mereka boleh menjalankan penyelidikan yang berkualiti.

Yang ketiga, adalah sumbangan kepada masyarakat. Aspek ini adalah mengenai penglibatan kakitangan dalam beberapa pertubuhan sukarela untuk memberi perkhidmatan dan sumbangan bagi mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat.

ITM telah mencapai satu tahap yang menggalakkan dalam bidang latihan dan pendidikan. Status baru yang diperolehi sebagai sama taraf dengan universiti ITM harus berusaha untuk mengekalkan atau meninggikan kualiti pendidikan. Senat institusi itu adalah suatu badan yang akan mengawal selia kualiti pengajaran dan pembelajaran dan semua aktiviti akademik dalam institusi itu. Ini adalah apa yang kita katakan internal evolution atau evolusi dalam. ITM harus mengadakan external evolution untuk mengekalkan kualiti pendidikan di institusi itu.

Fasal 17 memberi peluang untuk menjalankan kursus pengajian secara bersejamban atau melalui twinning programme dengan universiti atau institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar negeri. Ini adalah satu strategi yang baik, di mana kualiti pendidikan boleh diiktiraf oleh beberapa universiti di

dalam negeri ataupun di luar negeri. Kualiti juga boleh diukur di atas kualiti hasil daripada sesuatu institusi.

Saya difahamkan beberapa ahli politik dan tokoh korporat adalah telah mendapat latihan daripada ITM seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa ITM harus memperkenalkan sistem pemeriksa luar supaya standard dan kualiti boleh diiktiraf sebagai bersama dengan standard antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, fasal ini juga memberi peluang untuk menubuhkan suatu institusi seperti ITM atau memberi perkhidmatan konsultansi kepada beberapa negara yang membangun. Baru-baru ini seperti yang dikatakan oleh Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Perdana Menteri Fiji telah meminta pertolongan untuk menubuhkan suatu institusi seperti ITM di Fiji.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan juga telah menyatakan ada beberapa peluang bagi ITM untuk memberi perkhidmatan mereka kepada negara-negara yang membangun seperti Papua New Guinea, Afrika Selatan dan Maldives.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa universiti-universiti tempatan hanya boleh mengeluarkan 21,000 engineer dalam tempoh sepuluh tahun tetapi negara kita memerlukan 56,600

engineer. ITM akan menyumbang kepada kekurangan tenaga manusia yang mahir.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, ITM telah menyempurnakan dengan penuh tujuan utamanya iaitu memberi latihan dan pendidikan profesional kepada golongan bumiputera yang miskin dan ITM akan meneruskan falsafah ini dengan kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya tidak tahu bagaimana Datuk Haji Ibrahim bin Ali faham ataupun tahu cadangan saya, tetapi cadangan ini ada beberapa syarat berdasarkan atas kekurangan tenaga manusia yang mahir dan cabaran-cabaran yang akan kita hadapi mencapai Wawasan 2020. Saya ingin meminta kerajaan menyemak semula polisi kemasukan kepada ITM. Saya minta Kementerian Pendidikan membuka pintu ITM sedikit sahaja iaitu ada beberapa syarat iaitu saya ingin mencadangkan bahawa polisi kemasukan diliberalisasikan dan memberi peluang untuk 10% penuntut-penuntut bukan bumiputera yang berasal dari keluarga yang miskin. Itulah cadangan saya, ada dua syarat.

Dan dengan itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan ITM yang telah membentangkan rang undang-undang ini dan dengan itu saya ingin menyokong Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

8.22 mlm.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan suatu akta yang meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976.

Saya berpendapat adalah sangat tepat dengan masa dan waktunya akta ini dipinda memandangkan ianya telah dilaksanakan selama 20 tahun. Walaupun sepatutnya langkah dan tindakan pindaan ini diambil lebih awal lagi, namun demikian kita belum terlalu terlewat dalam usaha untuk mengangkat martabat bangsa dan institut ini, baik di dalam negara ataupun di peringkat antarabangsa. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan kerana usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penyusunan semula Institut Teknologi MARA ini, adalah menjadi harapan kerajaan dan rakyat amnya bahawa ITM dapat berperanan dengan lebih berkesan lagi bagi melahirkan para intelek negara yang seimbang dan mampu mendukung wawasan negara mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Akta Institut Teknologi MARA 1976, ITM adalah setaraf dengan lain-lain pusat pengajian tinggi di negara ini. Nama-nama perjawatannya turut berubah dan ITM banyak diberi kuasa

sebagai sebuah perbadanan yang mampu melahirkan tenaga kerja dan tenaga fikir yang berkualiti dan para graduan yang dilahirkan adalah graduan yang mempunyai nilai dan etika yang murni.

Untuk mencapai matlamat ini, saya di sini ingin menyarankan beberapa strategi yang perlu diambil kira.

Yang pertama, para akademia institut ini mestilah berkelayakan, berpengalaman dan komited serta mempunyai daya kepimpinan yang boleh diteladani.

Yang kedua, pihak pengurusannya juga mestilah komited, berdedikasi, bersemangat dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi. Sistem pengurusan yang cekap, berkualiti hendaklah termasuk semua aspek pentadbiran seperti di bahagian personnel, kewangan, pentadbiran asrama dan juga hal ehwal pelajar.

Yang ketiga, kemudahan dan kebajikan yang setimpal untuk semua staf dan kakitangan para akademik supaya dapat meninggikan daya motivasi mereka untuk menyumbang dan dengan ini boleh menyekat mereka dari berhijrah ke sektor swasta.

Yang keempat, menyediakan bidang akademik yang diperlukan oleh negara maju dengan memperluaskan lagi kurikulum mata pelajaran bidang yang ada sekarang seperti bidang teknologi maklumat, kejuruteraan dan bahasa-bahasa antarabangsa.

Yang kelima, kursus-kursus bina negara perlu dimantapkan agar para graduan yang dilahirkan menjadi insan yang seimbang dan mampu menjadi pemimpin pelapis negara pada masa akan datang.

Yang keenam, perancangan untuk menubuhkan lagi cawangan ITM di dalam negeri dan seterusnya melangkah pula ke luar negara akan menjadikan ITM lebih dikenali dan dikehendaki khususnya dari segi nilai akademik dan graduan yang dilahirkan.

Oleh yang demikian, kursus-kursus anjuran ITM mestilah mempunyai nilai komersil yang dapat dan mampu bersaing dengan lain-lain pusat pengajian tinggi di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa.

Yang ketujuh, kebajikan pelajar perlu diberi perhatian berat agar apa yang disediakan oleh pihak pengurusan ITM boleh melahirkan insan yang sihat, rohani dan jasmani, cerdik, cerdas, berdaya saing dan berdaya maju.

Yang kelapan, usaha yang lebih gigih dan berkesan dengan lain-lain pihak sektor awam dan swasta baik dalam negara dan di peringkat antarabangsa hendaklah diberi perhatian dan pertimbangan khasnya.

Dan yang akhir sekali iaitu yang kesembilan, adakan kawalan tatatertib di kalangan pelajar dengan tujuan supaya kuasa yang diperuntukkan dapat digunakan sepenuhnya untuk pembelajaran tanpa mengetepikan keperihatinan terhadap perkembangan dalam negara dan tidak melibatkan diri dalam persoalan politik yang belum tiba masanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan yang pendek ini, saya ingin menimbulkan satu persoalan yang sangat berkaitan iaitu mengenai kedudukan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Tidakkah wajar MRSM ini diletakkan di bawah satu badan atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengenai pendidikan supaya segala tindakannya dapat diselaraskan.

Pada masa ini MRSM adalah di bawah pentadbiran MARA iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, manakala Institut Teknologi MARA (ITM) di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya berpendapat MRSM boleh dikategorikan sebagai junior college di bawah pentadbiran ITM. Saya berharap perkara ini dapat diberi pertimbangan dan perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkuasa supaya pengurusan MRSM juga dapat menikmati segala kemudahan yang diberikan kepada mereka yang berkhidmat dengan ITM.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

8.28 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga berdiri untuk menyokong pindaan Akta Institut Teknologi MARA 1976 ini dan kita hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan

syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana telah pun membawakan satu mohon izin, a tour deforce, dalam bidang pendidikan negara bukan sahaja memberikan pengiktirafan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, apa dalam Bahasa Melayunya?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: 'Satu penerokaan yang penuh kuasa' dalam frontier baru. [*Ketawa*] Dalam menentukan peningkatan tahap keilmuan negara terutama sekali kita amat memahami dalam dunia globalisasi sekarang ini perdagangan antarabangsa dan seterusnya input yang paling canggih dalam sistem pembangunan ekonomi ialah ilmu dan peningkatan ilmu di negara kita menerusi institusi-institusi yang sedia ada yang akan diwujudkan merupakan satu strategi yang amat baik dari segi kita hendak meningkatkan negara kita ke tahap negara maju dalam tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ITM merupakan institusi yang mula-mula sekali di negara kita ini yang membuat program-program di mana 'programme twinning' dengan universiti-universiti di Amerika dan sebagainya dan ianya telah melahirkan seperti yang dikatakan oleh saudara kita Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, telah melahirkan beratus ribu tenaga-tenaga dalam segala bidang di negara kita ini.

Kita mengharapkan ITM dengan sejarahnya yang ada itu akan dapat meningkatkan lagi dari segi mengeluarkan sarjana-sarjana dan juga

keperingkat Ph.D. Dan saya memikirkan di sini, carilah satu specialization yang berbeza sedikit dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Kalau Mara setakat ini, sejak RIDA dan ITM telah mula melahirkan, terutama sekali bumiputera dalam bidang-bidang perdagangan dan perniagaan, wujudkanlah satu ITM, dengan izin, Graduate Business School yang mengadunkan ciri-ciri budaya pengurusan timur, yang mengadunkan ciri-ciri pengurusan barat tetapi berteraskan kepada ciri-ciri pengurusan timur, kerana kita nampak ada percubaan ke arah itu oleh Universiti Utara dan sebagainya tetapi dengan teras kekuatan ITM, dengan sejarahnya sejak tahun 1970an lagi, saya yakin dan percaya ianya dapat diwujudkan di kalangan ITM itu sendiri.

Kita juga mengharapkan supaya ITM juga mengadakan pengkhususan di dalam bidang multi-media, misalnya, atau information technology kerana ianya merupakan satu bidang yang kini amat pening bagi kita hendak membangunkan negara kita dan kalau sekiranya pengkhususan seperti ini dapat diwujudkan di tengah-tengah kampus ITM yang kini saya difahamkan telah pun merebak ke seluruh negara, saya yakin dan percaya kecanggihan ilmu pengetahuan yang dilahirkan oleh ITM akan merupakan penggerak utama pembangunan negara kita.

Dalam hal yang demikian, ITM sepatutnya mempunyai satu unit penyelidikan dan pembangunan (research and development), mohon izin, yang lebih mendalam lagi, jangan sipi-sipi sahaja, jangan kita perluaskan

bidang, tetapi kita dalamkan (deepening of knowledge), dengan izin. Jadi, kalau kita dapat berbuat demikian, terutama sekali dalam bidang pengurusan seperti yang saya sebutkan tadi, berani untuk menerokai bukan sahaja ke Havard, ke London, ke Paris, ke Tokyo, bahkan ianya sepatutnya mengadunkan daripada seluruh pelosok dunia, menjadikan ITM sebagai satu gedung ilmu pengetahuan.

Di sini saya juga ingin menyatakan, kalau sekiranya kita inginkan persaingan yang sihat di kalangan pelajar-pelajar ITM itu sendiri, saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk memberi sokongan sedikit kepada saudara saya Yang Berhormat Prof. Dato' Marimuthu tadi, berkenaan dengan hendak memasukkan pelajar-pelajar bukan bumiputera. Peratusannya terserah kepada kementerian, kerana kita hendak melahirkan satu sistem yang mewujudkan persaingan sihat antara kaum. Kalau kita menutup atau hanya menghadkan ITM kepada bumiputera, ianya tidak dapat mendedahkan, terutamanya sekali dari segi keyakinan diri dalam masyarakat majmuk di negara kita ini. Saya memberi contoh, macam Maktab Tentera Diraja, misalnya. Saya pernah berada di sana selama 4 tahun pada tahun 1960-an, di mana kita mengambil sama ada keturunan Melayukah, keturunan Sikhkah atau keturunan Indiakah dan makan bersama, belajar bersama dan ianya dapat melahirkan satu *esprit de corps*, satu persahabatan yang amat akrab dan amat karib bila keluar daripada universiti atau apabila keluar daripada maktab dan

diharapkan juga jikalau sekiranya ini dapat kita buat untuk mengambil segelintir bangsa Cina, bangsa India, bangsa Iban - itu memanglah fasal dia bumiputera, dan juga bangsa-bangsa lain, kita yakin dan percaya pengwujudan sistem semacam ini akan dapat melahirkan keyakinan diri dan semangat persaingan yang lebih hebat lagi.

Datuk Haji Ibrahim Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Aziz, Datuk Ibrahim bangun.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Dia sudah lama bercakap tadi.

Jadi, saya merasakan

Datuk Haji Ibrahim Ali: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak beri laluan lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Aziz, mungkin dia hendak bertanya tentang college mates di Royal Military College.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sila.

Datuk Haji Ibrahim Ali: Bagus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal dia sebut Sikh tadi.

Datuk Haji Ibrahim Ali: Saya terkilan kalau saya tidak bangun bertanya bersabit dengan sokongan Senator Dato' Aziz bersabit dengan kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputera ke ITM. Sebab ini isu sensitif dan mempunyai implikasi yang cukup besar, maka sebab itu saya percaya ITM

dikekalkan dengan ITM di bawah Akta ITM. Kalau sudah diambil keputusan untuk mengizinkan pelajar-pelajar bukan bumiputera boleh masuk, maka ITM terus boleh dipanggil Universiti dan tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej - ada sebab. Kalau hendak dibuat juga, saya hendak bertanya Dato' Aziz, setuju atau tidak supaya Kolej Tuanku Abdul Rahman juga disyaratkan mengambil pelajar-pelajar bumiputera 10% ataupun 20% dan kemasukan itu di ringankan dari segi entry point. Tetapi saya bimbang juga bila masuk separuh jalan, oleh kerana pengalaman di Universiti Malaya, saya hendak sebut, saya bukan prejudis, saya hendak tanya Dato' Aziz, kenapa Universiti Malaya, Fakulti Engineering yang telah ditubuh bertahun lamanya - setahun hanya seorang graduate, setahun seorang graduate bumiputera, tidak kiralah jika bertambah dua atau tiga orang, tetapi kenapa mengambil masa begitu lama? Inilah saya minta Dato' Aziz memperjelaskan, takut nanti disalahtafir, orang Melayu marah kepada beliau, susah nanti.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin dalam keadaan orang Melayu sekarang sudah menjangkau ke tahap globalisasi ini, persaingan dengan 10% tidak akan menggugat kedudukan bangsa dan saya juga yakin, kementerian yang membuka luas bidang pendidikan sekarang ini, dengan IPTS dan sebagainya, tidak lupa dengan matlamat yang sebenar iaitu hendak melahirkan sebanyak mungkin pelajar-

pelajar yang mempunyai ilmu dan juga tidak lupa kepada khazanah kekayaan budaya di negara kita, iaitu masyarakat majmuk.

Saya juga mengharapkan kementerian apabila dibuka pintu ITM - 10% kepada pelajar-pelajar lain, terpaksa memastikan syarat-syarat yang sama kepada kolej-kolej yang lain menerusi bantuan kerajaan, menerusi biasiswa dan sebagainya. Jadi, ini maksud saya. Bukannya hanya dibuka kepada Institut Teknologi Mara sahaja, ianya juga dibuka secara total atau secara menyeluruh, tetapi pokoknya, matlamatnya, bottom linanya, dengan izin, ialah mencapai cita-cita yang dapat mencerminkan penduduk-penduduk di negara kita kerana setakat ini pun, sejauh mana kekuatan ITM melahirkan pelajar-pelajar bumiputera dalam bidang pra-profesionalkah atau accountancykah, kejuruteraankah, angka-angkanya tidak jauh berbeza dengan tahun 1969. Peratusan akauntan, peratusan mereka yang berijazah dalam bidang undang-undang dan dalam bidang kejuruteraan tidak sampai kepada tahap 20% - arkitek dan sebagainya - tidak sampai lagi dan kita hendaklah 30%, kita hendakkan 45%, 50% tetapi belum sampai - jauh.

Hari itu kita ada baca dalam berita bagaimana Kementerian Kewangan baru sedar, dalam bidang pasaran saham (brokerage firm) dan sebagainya, orang-orang bumiputera yang kita luluskan lesen, depan mata kita, tidak mencerminkan kedudukan bumiputera dalam bidang ini dan kita hendakkan mempunyai capitalization sampai berbilion-bilion dari segi pasaran saham,

tetapi orang bumiputera dalam mengendalikan saham dan dalam syarikat-syarikat kewangan yang bersangkutan paut dengan saham, yang mendapat lesen daripada Kementerian Kewangan tidak mencerminkan langsung kedudukan bumiputera iaitu 30% - jauh kebelakangan.

Syarikat-syarikat bumiputera sendiri tidak mempunyai kuota pekerja-pekerja dalam bidang itu yang mencukupi. Ini menyedihkan. Jadi, kita mengharapakan dengan usaha Kementerian Pendidikan membuka luas IPTS, dengan mewujudkan LANnya sendiri, iaitu Lembaga Akreditasi Nasional, dengan menjadikan ITM atau menaikkan taraf ITM sebagai suatu pusat yang melahirkan mereka yang berijazah. Kita mengharapakan ramai lagi murid-murid atau pelajar-pelajar bumiputera yang mempunyai ijazah-ijazah dalam bidang profesional untuk mendokong cita-cita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir ke arah Wawasan 2020. Tetapi mesti diawasi, mesti ada kawal selia. Kalau tidak kita hanya dapat membukanya semua dan 10 tahun kemudian menyesali kenapa kita buka, dan bukannya bumiputera yang menikmatinya, bahkan kita jauh ketinggalan kebelakangan. Jadi, pengawasan itu penting.

Dari semasa ke semasa, sungguhpun kita buka luas bidang akademi ini kepada institusi-institusi yang boleh memberi ijazah, kita mesti memberi satu pengawal selia dari semasa ke semasa, tiga tahunkah, lima tahunkah, setiap cycle yang ada berapa ramai bumiputera dapat dilahirkan baik di dalam negeri mahu pun di luar negara. Jadi, ini terpaksa kita buat, barulah kita benar-benar bertanggungjawab. Kerana bersama-sama dengan liberalisasi pendidikan ini adalah tanggungjawab yang amat besar. Tanggungjawab menentukan bahawa bangsa itu sendiri terpelihara, bangsa itu sendiri dapat ditebus maruahnya dari segi pendidikan, kerana ilmu itulah merupakan tahap teras kepada kekuatan bangsa. Jadi, saya memang bersetuju benar kalau buka ITM 10%, buka luas-luas pintu yang lain. Kerana kita hendak menentukan bahawasanya pada akhir perjuangan kita, kita mencapai matlamat dari segi berapa jumlah mereka yang mempunyai ijazah-ijazah profesional dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita amat bertuah kerana ITM dipertingkatkan dari segi tahap pengajarannya sehingga mampu memberi ijazah-ijazah. Kita mengharapkan ITM mengkhususkan, menjuruskan pemikirannya kepada tahap dan bidang yang lebih berbeza sedikit daripada universiti-universiti yang ada sekarang ini, dalam bidang multi media, IT dan juga business school yang setaraf dengan Havard, dengan universiti-universiti lain, Washdar tak tahulah, saya pun sudah lupa kerana banyak universiti peringkat antarabangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sorbonne.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sorbonne, di Paris dan sebagainya. Jadi, barulah dapat kita bermegah dengan perjuangan bangsa yang ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin yang telah pun pergi lebih awal daripada kita. Allahyarham Tun Razak misalnya telah pun menaja semuanya ini dengan baiknya. Jadi, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia.

8.43 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Usul meminda Akta ITM yang telah dibentangkan. Seperti sahabat-sahabat yang lain juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana telah berjaya untuk menghasilkan satu rang undang-undang yang dapat meningkatkan ITM ke tahap yang lebih tinggi untuk dapat bersaing dengan universiti-universiti lain. Ini adalah merupakan satu kejayaan yang sangat membanggakan orang Melayu khususnya. Sebab kita tahu setelah hampir 40 tahun semenjak Dewan Latihan RIDA diwujudkan untuk membangunkan institusi orang Melayu, untuk pengajian tinggi dan kini telah sampailah tahap kemuncak kejayaan tersebut.

Kini kita boleh katakan bumiputera dalam proses mencipta satu tradisi ilmu dalam ciptaan dan acuan ITM. Jika Egypt boleh bangga dengan Al-Azharnya, Amerika dengan Havard dan MITnya, dan England dengan Cambridge dan Oxford sebagai universiti yang dikatakan juga oleh Dato' Aziz tadi, saya percaya Malaysia juga tentu sekali akan dapat membanggakan ITM sebagai satu pusat ilmu yang membawa kepada satu ketamadunan Timur jauh yang akan dapat menghasilkan produk ilmu dan pengamal berteknologi tinggi, tetapi penuh seni, kebudayaan dan ketamadunan nilai-nilai murni.

Secara simboliknya juga saya mengatakan bahawa menara ITM itu adalah merupakan satu simbol yang tinggi dan ianya merupakan satu bangunan yang boleh memberikan lambang pencakaran ilmu hingga ke langit luas.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan ITM yang kini telah mampu mengeluarkan graduan-graduan yang bersijil diploma dan juga di peringkat ijazah, kini akan menghasilkan lebih banyak graduan-graduan ijazah sama ada di peringkat ijazah sarjana dan juga Ph.D. Ini tentunya akan memberikan ITM sebagai satu institusi pengajian tinggi yang bertaraf antarabangsa dan sekali gus memberi semangat baru kepada orang Melayu dan bumiputera untuk menumpukan tenaga dan khidmat sebagai tenaga pengajar dan bagi penuntut untuk memerah daya pemikiran untuk menghasilkan diri sebagai ilmuan dan pekerja yang berilmu lagi kreatif dan inovatif untuk menjayakan Wawasan 2020.

Peningkatan taraf ITM ini tidak perlu dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Pada saya dan orang-orang Melayu tentunya ini adalah hak mutlak Melayu dan bumiputera. Namun, dalam konteks ini juga kita mahu ITM menyediakan satu agenda untuk me'redefining' peranannya, dengan izin, iaitu satu jangka pendek dan jangka panjang selaras dengan pembinaan negara maju dalam bentuk acuan Malaysia. Agenda tersebut perlulah menyediakan satu budaya tradisi ilmiahnya yang tersendiri dalam bentuk satu reformasi pendidikan dari kampusnya secara menyeluruh, jika perlu hingga ke peringkat luar negara. Ianya perlulah meliputi semua aspek, dan aspek-aspek yang perlu merupakan aspek penerokaan baru yang perlunya diterokai oleh orang Melayu khususnya.

Sepertimana juga yang dikatakan oleh Dato' Aziz tadi, kita tidak mahu lagi ketinggalan dalam bidang-bidang yang mana orang Melayu masih ketinggalan, yang mana Kerajaan Malaysia kerajaan yang diterajui oleh UMNO menerokai berbagai-bagai bidang untuk kemajuan negara hingga mengarah kepada seluruh pelosok dunia, tetapi akhirnya orang Melayu mendapati mereka masih jauh ketinggalan. Kita haraplah ITM dapat mengambil peranan sebagai satu institusi pengajian, satu institusi gedung ilmu yang akan membawa orang-orang Melayu sepertimana yang dihasratkan pada awal ianya ditubuhkan untuk orang-orang Melayu maju ke hadapan, untuk orang-orang Melayu dapat bersaing dengan orang-orang lain dan tidak perlu memikirkan sama ada institusinya boleh dibuka atau tidak kepada orang-orang bukan Melayu.

Kita harapkan pada satu masa mungkin Datuk Ibrahim Ali ada mempunyai sebab-sebab yang tertentu yang mungkin boleh diterima, ITM belum lagi boleh dibuka kepada orang-orang bukan Melayu. Tetapi saya percaya dan yakin dengan adanya pembaharuan dalam ITM, dengan adanya pengurusan di bawah kepimpinan Pengarahnya, mungkin sekarang ini Dato' Zaidi akan membawa ITM kepada satu tahap yang mana orang-orang Melayu tidak akan risau dan bimbang bahawa ITM itu tidak boleh dibuka kepada orang-orang lain, tetapi ITM itu akan teguh dan tegap dan membawa orang-orang Melayu kepada tahap keilmuan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin ITM mempunyai kemampuan dan berpotensi membangunkan satu sistem pengurusan dan pentadbiran institusi pengajian tinggi yang inovatif lagi accountable dan lagi proaktif. ITM perlulah menggalakkan ahli-ahli akademiknya yang komited kepada ITM untuk menyumbangkan dan menjayakan ITM. Saya berharap para pensyarah dan ahli akademik yang ada di ITM, ahli akademik yang telah dibiayai oleh kerajaan akan terus memberi sumbangan kepada ITM, akan terus memberi komitmen dan akan memberikan rasa cinta dan nasionalismenya kepada ITM sebagai satu gedung ilmu yang perlu dilihat bukan sahaja tempat untuk mendapatkan gaji, tetapi satu tempat untuk mencurahkan khidmat dan tenaga kepada bangsa, negara dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju bahawa peruntukan dalam ITM ini perlu memberi peruntukan bagi membolehkan ahli akademik menjalankan penyelidikan. ITM perlulah memikirkan cara-cara yang inovatif untuk dapat memberikan galakkan kepada pensyarahnya untuk membuat penulisan-penulisan dan penemuan-penemuan baru untuk terus menaikkan nama ITM yang sememangnya pada waktu ini memang terkenal dengan berbagai-bagai idea-idea yang inovatif. Saya percaya mereka yang dapat membuat penemuan-penemuan baru dan penyelidikan-penyelidikan boleh diberikan award bagi pengurusan dan penulisan, dan penemuan-penemuan agar mereka dapat terus diberi galakan. Sebab kita tahu bahawa tidak banyak buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis akademik Melayu. Kita masih lagi berkurangan buku-buku yang boleh dijadikan sebagai satu literature, dengan izin, yang dapat dibanggakan, yang dapat dihasilkan oleh orang Malaysia dan khususnya orang Melayu.

Saya juga mahukan ITM berusaha untuk dapat ianya merupakan satu pusat ilmu yang dapat menghasilkan hasil karya-karya penulisan yang dapat dibanggakan. Mungkin satu hari pensyarah ITM dapat boleh memenangi hadiah nobel, contohnya, 'The Nobel Prize'.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dalam konteks ini Fasal 12 yang memberi seksyen 4A baru yang membolehkan ITM dengan kelulusan Menteri kuasa baru untuk menjalankan kegiatan-kegiatan komersial boleh digunakan dengan cara yang inovatif untuk menambahkan pendapatan institut dan juga dapat digunakan sebagai aktiviti-aktiviti komersial dan penyelidikan dan bagi ahli-

ahli akademik secara usaha sama dengan syarikat-syarikat yang memerlukan khidmat pendidikan dan pembangunan. Ini juga adalah satu ruang untuk ITM untuk dapat mempertingkatkan statusnya juga sebagai satu pusat khidmat pendidikan dan pembangunan. Ini juga saya percaya merupakan satu cabaran baru bagi ITM untuk ianya dapat merupakan satu pusat R&D, dengan izin, yang mungkin akan terkemuka dalam negara Malaysia. Kita mahukan semangat persaingan di antara institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini dapat diwujudkan, supaya lebih banyak idea-idea dan creativity dapat dihasilkan terutamanya untuk kita sama-sama meningkatkan nama baik Malaysia yang kini kita tahu menjadi sebut-sebutan di merata dunia. Saya percaya ITM akan juga dapat memberikan sumbangannya.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek konsep ITM ini juga, saya ingin mencadangkan ITM kekal sebagai pusat seni dan sains dan saya ingin mencadangkan juga satu cabang lagi iaitu bidang falsafah. Ilmu falsafah perlu diberi penekanan, jika boleh, dalam kursus-kursus yang diadakan kerana ianya merupakan tunjang pemahaman dan pengamalan segala jenis disiplin ilmu yang dituntut tidak kira sama ada seni, sastera atau sains kerana ilmu falsafahlah yang berteraskan Islam itu akan membentuk insan-insan kamil dengan idealism kemanusiaan yang kita semua mahu dalam masyarakat madani yang dicita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 27 pula memasukkan seksyen baru 23A iaitu peraturan tata tertib kakitangan. Peraturan ini memberi garis panduan yang lebih lengkap untuk tindakan tata tertib terhadap kakitangan institut-institut yang diharapkan akan dapat membantu pengendalian kes-kes tata tertib di institut tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa tata tertib dan disiplin tenaga pengajar adalah perkara asas, malah tunjang imej dan prestasi institut itu sendiri. Sesuatu institut pengajian tinggi akan hanya dapat bergerak dan hanya akan dapat mencapai matlamatnya jika tenaga pengajarnya, tenaga pengurusannya dan juga penuntutnya berdisiplin. Kata orang, baik guru baik anak muridnya dan baik jugalah hasilnya. Memandangkan perkara tata tertib dan disiplin ini penting dan kita juga telah baca banyak kes-kes yang dibawa ke mahkamah, yang mempertikaikan tindakan disiplin terhadap kakitangan institut pengajian tinggi contohnya seperti kes Fadzil Nor lawan UTM, Rohana Ariffin lawan USM dan sebagainya, saya ingin mencadangkan satu Suruhanjaya Pengajian Tinggi

diwujudkan untuk hal ehwal kakitangan dan tenaga pengajar institut pengajian tinggi supaya kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan kakitangan dan tenaga pengajar semua institut pengajian tinggi di seluruh negara diuruskan oleh Suruhanjaya tersebut.

Ini bukan sahaja untuk mengelakkan kemusykilan-kemusykilan dan salah tatasara pengendalian kes-kes tatatertib tetapi juga dapat menetapkan garis-garis panduan selaras bagi pengambilan pensyarah-pensyarah dan kakitangan akademik bagi semua institut pengajian tinggi sama ada swasta atau kerajaan. Pada masa ini kita tidak mempunyai satu sistem yang selaras dan tidak dapat memastikan guru atau pengajar adalah mereka yang benar-benar yang mempunyai kelayakan.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua ialah Fasal 30 yang memperuntukkan Bahagian IVA peruntukan berhubung dengan perhubungan dengan pelajar. Peruntukan ini lebih menekankan kepada kuasa rektor untuk mengambil tindakan disiplin. Walau bagaimanapun, rektor juga diberi kuasa mengawasi geraklaku dan aktiviti-aktiviti pelajar. Dalam perkara ini saya menyokong apa yang telah disarankan oleh Senator Datuk Ibrahim Ali tadi tentang kebebasan yang diawasi yang perlu diberi kepada penuntut-penuntut ataupun pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi iaitu sama ada di ITM ataupun yang lain agar dapat kita menggalakkan keupayaan untuk berfikir, keupayaan untuk memberi pandangan dan juga seterusnya bertindak secara positif dan memberikan keluasan kepada mereka untuk dapat membuat keputusan-keputusan. Tentu sekali kita mahu generasi angkatan baru negara akan merupakan generasi yang boleh menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21 dengan penuh keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya ingin menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya jemput pihak Menteri menjawab. Sebelum saya jemput lagi sudah bangun. Ini sama ada lapar ataupun mengantuk. *[Ketawa]* Silakan.

8.56 mlm.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pelbagai pandangan yang saya kira semuanya baik belaka dalam senario kita mengalami pelbagai perubahan di alam pendidikan di negara

kita ini. Dan saya mula dengan memberikan pandangan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ibrahim Ali.....

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa agak terharu dengan jeritan batin Yang Berhormat Senator Datuk Ibrahim Ali dengan..

Tuan Yang di-Pertua: Macam P.Ramlee bunyinya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dan memang kalau hendak di.....

Tuan Yang di-Pertua: Ini, Dato' Khalid, ini Peter Estinof hendak minta laluan - Tuan Haji Hamzah *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Belum apa-apa.....

Tuan Haji Hamzah bin Zain: Tuan Yang di-Pertua, cuma satu. Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tidak payah jawab panjang Datuk Ibrahim Ali, cuma jawab satu sahaja yang saya tanya tadi, kalau setuju yang itu, yang lain tidak payah jawab. *[Ketawa]*

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya faham maksud Yang Berhormat, namun demikian saya fikir untuk keadilan ada baiknya saya berikan sedikit pandangan kerana di tengah-tengah beliau memberikan pandangan tersebut ada perkara-perkara pokok yang saya fikir perlu saya jelaskan sedikit dan memanglah pandangan-pandangan beliau yang memberikan suatu gambaran yang agak menyeluruh sehingga mengingatkan kita agar jangan lupa kepada mereka yang berjasa khususnya yang ada hubungkait dengan ITM seperti Yang Berbahagia Tan Sri Arshad Ayob dan saya memang kenal benar, bukan sahaja dengan Yang Berbahagia Tan Sri Arshad Ayob tetapi dengan ramai lagi pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh yang telah diamanahkan untuk membimbing dan memimpin ITM sejak ditubuhkan dan dimulakan daripada Maktab MARA di Jalan Othman dan saya ucap terima kasih di atas ingatan-ingatan beliau dan memang sepatah kata Allahyarham P.Ramlee, "tidak ada kata secantik bahasa" untuk saya lahirkan perasaan.

Namun demikian, saya suka mengajak rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Ibrahim Ali dan rakan-rakan yang lain akan perkara pokok, salah satu daripada perkara pokok dalam pindaan rang undang-undang ini dan saya perlu menyebutkan perkara ini kerana jangan timbul sebarang salah anggap ataupun tanggapan. Pindaan yang dicadangkan ini bukan bertujuan untuk hendak menaikkan taraf ITM kepada universiti.

Yang ini kita mesti sama-sama jelas dan sama-sama pegang. ITM tetap kekal sebagai sebuah institut, tetapi seperti yang terkandung di dalam pindaan ini, dibenarkan untuk menganugerahkan Ijazah. Status ITM kekal sebagai institut kerana peranannya yang istimewa, saya ulang balik, peranannya yang istimewa untuk membolehkan pelajar-pelajar bumiputera memperolehi kelayakan yang lebih tinggi.

ITM tidak semestinya digelar universiti tetapi missionnya mesti tidak berganjak daripada asal usul penubuhan institusi ini. Dan di dunia ini pun memang terdapat dan ada kedapatan institusi-institusi pendidikan yang terkemuka yang tidak digelar univesiti tetapi diberi kuasa untuk menganugerahkan Ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan sedikit penjelasan ini dan dengan mengambil kira akan sentimen yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan juga mengambil kira perjuangan bekas-bekas pelajar daripada ITM, kita sama-sama harus memahami mengapa dan kenapa ITM tidak perlu digelar 'universiti'. Asalkan ianya tidak lari daripada mission ataupun asas-asas tujuan pokok ianya ditubuhkan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang suka saya jelaskan juga ialah soal pengwartaan Akta ini. Soal pengwartaan Akta perlu melalui pelbagai proses untuk memastikan ianya teratur dan lengkap dengan penyediaan peraturan-peraturannya yang berkaitan.

Oleh itu, walaupun saya bersetuju dan menerima serta menghormati pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, namun proses biasa itu mesti dilalui dalam rangka kita hendak mewartakan rang undang-undang ini dengan seberapa cepat yang boleh dan saya, insya-Allah, bersama-sama dengan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib, Menteri Pendidikan akan cuba mencari jalan macam mana caranya kalau boleh dapat dipercepatkan sedikit pengwartaan rang undang-undang ini.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan tadi ialah soal anggota lembaga pengarah ini dan suka saya jelaskan iaitu dalam menetapkan keanggotaan ini, tentunyalah pertimbangan boleh diberikan kepada bekas-bekas graduan ITM yang telah menjadi tokoh-tokoh yang berjaya. Apa yang penting mereka ini mesti mampu menyumbang untuk mempertingkatkan kecemerlangan ITM untuk masa-masa yang akan datang, sama ada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali terlibat ataupun tidak, yang itu saya tidak berani hendak menjamin. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah soal kebebasan pelajar yang juga disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia. Pada dasarnya kita memang menggalakkan pelajar-pelajar kita terutama sekali di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi supaya memupuk dan mengamalkan cara berfikir yang kritikal. Ini memang kita galakkan, daripada peringkat sekolah

menengah lagi pun, memang kita memberikan pendedahan, bimbing murid-murid dan pelajar-pelajar kita supaya memupuk suatu cara daya berfikir yang kritis yang boleh menilai, mengupas pelbagai keadaan dan suasana mengikut keadaan tahap masing-masing

Dalam rang undang-undang ini memang ada soal kebebasan ini disebut iaitu dalam Fasal 23C dan 23D dan dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut, pelajar-pelajar diharap akan dapat mengambil peluang menjalankan pelbagai kegiatan yang dapat melatih mereka membangunkan sifat-sifat kepimpinan, keyakinan diri dan sebagainya.

Begitu juga di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Saya suka jelaskan dan tegaskan bahawa dari segi kerajaan, kita berhasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang balance ataupun seimbang, baik dari segi pencapaian akademiknya mahu pun dari segi kemampuan dan kebolehannya untuk bergiat di pelbagai kegiatan dan apa jua perkara yang terdapat dalam mana-mana undang-undang yang ada hubungkait dengan pelajar-pelajar terutama sekali di IPT-IPT kita, ianya hanyalah sekadar untuk dijadikan garis panduan untuk memastikan mereka itu berada di atas landasan-landasan yang baik untuk masa depan mereka. Kita tidak berhasrat untuk mengongkong pelajar-pelajar kita terutama sekali yang berada di peringkat IPT-IPT dalam membuat segala perkara kegiatan, asalkan mereka tidak membuat dan berfikir terhadap perkara-perkara yang boleh memudaratkan masa hadapan mereka. Itu sahaja sikap kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali iaitu dalam soal ataupun hasrat Kementerian Pendidikan untuk hendak menubuhkan apa yang kita panggil sebagai 'smart school' ini, yang beliau minta dibawa bersama ITM memainkan peranan.

Suka saya jelaskan iaitu soal hendak menubuhkan smart school ini masih lagi dalam peringkat perbincangan di kementerian dan kita akan mengambil perhatian di atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi.

Izinkan saya beralih kepada pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Pertama, sekali soal tugas pensyarah di ITM sama ada mereka ini menjalankan penyelidikan seperti soal kenaikan pangkat dan lain-lain.

Suka saya jelaskan bahawa dalam memberi pertimbangan bagi kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan profesor dan sebagainya seperti yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini, 'seseorang pensyarah ITM akan dinilai prestasinya berdasarkan kepada core businessnya iaitu bukan sahaja pengajaran, tetapi juga kemampuan mereka untuk menjalankan penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat'. Kementerian akan memastikan supaya tidak ada kompromi tentang kualiti dalam tugas-tugas utama yang disebutkan itu.

Satu lagi perkara ialah soal sistem pemeriksaan yang disebut perlu ada pemeriksa luar untuk mengawal ataupun supaya standard ataupun kualitinya sama dengan standard antarabangsa.

Saya suka jelaskan bahawa sejak tahun 1980 lagi semua kursus di peringkat ijazah mempunyai pemeriksa luar yang terdiri daripada profesor-profesor yang terkenal dari luar seperti di United Kingdom, U.S.A., Australia, New Zealand dan dalam negara kita ini pula daripada pemeriksa-pemeriksa dari universiti-universiti seperti UKM, UTM, Universiti Malaya. Memang seperti yang selalu kita tekankan apa sahaja perkara yang kita uruskan di bawah Kementerian Pendidikan adalah berteraskan kepada soal kualiti ataupun mutu dan nilai.

Mengenai soal penghasilan penyelidikan oleh kakitangan akademik ITM. Suka saya menjelaskan bahawa kakitangan akademik ITM telah menghasilkan 329 penyelidikan dan menjadi pakar runding kepada syarikat-syarikat dan institusi-institusi dengan sebanyak 125 jenis kerja rundingan bagi tempoh Januari 1995 hingga sekarang. Satu contoh penyelidikan yang telah di'commercialize'kan ialah tentang automated library system, yang kini dianugerahkan, digunakan oleh 33 perpustakaan di Malaysia. Usaha ini telah memberikan anugerah inovasi kepada ITM oleh kerajaan pada tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habshah binti Haji Osman telah membangkitkan soal MRSM. Suka saya jelaskan

MRSM ditubuhkan dengan matlamat yang berbeza dari pertubuhan ITM itu sendiri. Oleh kerana perbezaan objektif dan fungsi itu agak sukar untuk menyatupadukan kedua-dua institusi-institusi itu.

Kita juga menerima baik pandangan daripada Yang Berhormat dan kita boleh merundingkan dengan kementerian yang berkenaan tentang bagaimana caranya dapat kita terapkan apa juga perkara yang boleh memberikan kebaikan kepada MRSM, khususnya murid-murid ataupun pelajar-pelajar yang ada di MRSM.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah membangkitkan soal kawal selia dan pengawasan di institusi-institusi pengajian tinggi. Suka saya jelaskan bahawa Parlimen baru-baru ini telah pun meluluskan rang undang-undang bagi membolehkan penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN). MPTN inilah yang akan bertanggungjawab untuk merancang dan mengesan perkembangan dan kemajuan pendidikan tinggi di negara ini. Oleh itu, badan ini akan dapat mengawal selia dan mengawasi pencapaian IPT-IPT dalam melahirkan graduan-graduan secukupnya bagi memenuhi keperluan guna tenaga di negara ini.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim juga telah menimbulkan soal menubuhkan Suruhanjaya Pendidikan Tinggi. Suka saya jelaskan bahawa cadangan penubuhan Suruhanjaya Pendidikan Tinggi akan melibatkan

berbagai implikasi termasuk dari segi perundangan. Oleh yang demikian, cadangan tersebut perlu dikaji dan diteliti terlebih dahulu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal sama ada ITM ini hendak dibuka pintu kepada kaum-kaum yang lain ataupun tidak. Saya sedar, saya insaf bahawa soal ini ialah satu soal ataupun satu perkara yang amat sensitif. Dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi di negara kita ini, setiap daripada rakyat kita diberikan kebebasan untuk memberikan apa juga pandangan dan pendapat. Kita maklum iaitu soal pendidikan di kalangan bumiputera di negara ini adalah satu perkara yang pokok, dengan mengambil kira keperluan-keperluan kaum-kaum yang lain.

Suka saya jelaskan dan tegaskan bahawa ITM sebagai sebuah IPT awam telah berjaya melatih profesional bumiputera di dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, sains, industri, teknologi, keusahawanan dan lain-lain. Bilangan profesional bumiputera masih berkurangan bila dibandingkan dengan kaum lain.

Peranan ITM sebagai pengimbang iaitu untuk memastikan penglibatan kaum bumiputera di dalam bidang perniagaan, industri dan teknologi mencerminkan peratusan kaum bumiputera di negara ini. Kita juga harus sedar bahawa selain daripada institusi-institusi yang diasaskan oleh kerajaan ada juga institusi ataupun maktab-maktab yang ditubuhkan oleh pihak swasta, yang bergiat cergas di bidang pendidikan di negara kita ini.

Setakat ini kita mempunyai 282 buah kolej swasta dan kita maklum tentang senario yang menyelubungi 280 buah kolej ini dan itu sebabnya kita telah menggubal suatu undang-undang yang khusus bagi maksud IPTS tersebut. Walaupun penumpuan diberikan secara istimewa kepada bumiputera di ITM, namun demikian kita tidak menyekat ruang dan peluang kepada kaum-kaum yang lain untuk menimba ilmu dan pengetahuan ke peringkat yang setinggi-tinggi mungkin di negara kita ini. Oleh kerana senario dan kedudukan yang ada di negara kita ini, terutama sekali di kalangan kaum-kaum di negara kita ini, demikian rupanya dan perlukan kepada tindakan-tindakan yang lanjut, maka ITM belum boleh menerima pelajar bukan bumiputera sehinggalah matlamat social engineering itu dapat tercapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap setiap daripada yang menjadi pemimpin akan sama-sama sedar dan insaf akan cabaran-cabaran dan tanggungjawab yang ada di hadapan kita untuk memastikan negara kita ini terus maju dan berjaya dengan berteraskan kepada ilmu dan keilmuan yang dimiliki oleh rakyat kita.

Dan sekali lagi saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak suka merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang telah memberi pandangan dan pendapat

sepanjang kita sama-sama membahaskan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin ramai yang tidak tahu bahawa hari ini adalah hari terakhir kepada rakan kita iaitu dua Ahli Yang Berhormat iaitu Puan Kelsom binti Yaacub dan juga Puan Dr. Ng Yen Yen yang telah berkhidmat di Dewan ini sejak tiga tahun yang lalu. Dan juga Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah menamatkan perkhidmatannya pada 1hb. Ogos lepas, sama ada diperbaharui ataupun tidak, itu merupakan suatu soal yang akan diputuskan di tempat lain.

Jadi, kita mengucapkan kepada mereka Selamat Maju Jaya, semoga menghadapi masa depan dengan penuh azam dan tekad yang mulia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.25 malam.